

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KE DUABELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN)**

---

**Shah Alam, Isnin, 26 Mei 2008**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)

**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ir. Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Tuan Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Shukri bin Mohamad Hamin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

**BENTARA**  
Encik Md. Saref bin Salleh

**PELAPOR PERBAHASAN**  
Puan Hajah Noridah binti Abdullah

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER :** Salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tuan-tuan dan puan-puan Dewan di sambung semula pada hari ini 26 Mei 2008.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat Kali Kedua (Pembukaan) bagi Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedua belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**TUAN SPEAKER :** Aturan Urusan Mesyuarat Kedua, pertanyaan-pertanyaan. Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker soalan nombor 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
(SG. PANJANG)**

**TAJUK : PENGISYTIHARAAN HARTA**

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor:-
  - a) Adakah semua ahli mesyuarat kerajaan Negeri Selangor telah mengisytiharkan harta masing-masing kepada awam seperti yang dijanjikan.
  - b) Apakah rasional Menteri Besar hanya setuju untuk isytiharkan harta anak-anak yang berumur 21 tahun ke bawah? Ini telah melanggar peruntukan yang terletak di bawah undang-undang Badan Cegah Rasuah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker, Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO sudah menyediakan maklumat pengisyiharan harta masing-masing. Pengisyiharan harta ini dibuat pada 8 hari bulan Mac 2008. Borang yang digunakan untuk pengisyiharan ini ialah borang pengisyiharan harta Ahli Parlimen Kerajaan. Borang Penilaian Harta APK 104 sebagai sampel untuk pengisyiharan tersebut. Kesemua borang-borang ini telah diserahkan kepada Firma Akauntan Earn's & Young untuk dikemas kini dari segi perakaunan dan diaudit sebelum diisytiharkan kepada umum. Penggunaan borang APK 104 yang menggunakan pengisyiharan harta Ahli Parlimen Kerajaan adalah kerana tak ada sampel yang ada di negeri Selangor dan kita dapati juga dari fail-fail yang ada tak ada bukti di Pejabat Menteri Besar dan Pejabat SUK atau pun di Pejabat Undang-Undang tentang pengisyiharan harta yang dibuat oleh Menteri Besar dan Ahli-Ahli EXCO yang lepas. Jadi kita hanya diberitahu bahawa negeri mempunyai surat yang dikirim oleh Setiausaha, Ketua Setiausaha Sulit kepada

Menteri Besar yang dulu bertarikh antara Disember tahun 1999 dan September tahun 2000 memaklumkan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri untuk mengisyiharkan harta mereka. Walau bagaimanapun mengikut pegawai-pegawai di pejabat tidak ada bukti dokumen berkenaan diserahkan secara rasmi ke Pejabat Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Dokumen-dokumen rasmi sewajarnya dimasukkan dalam fail rasmi kerajaan dan direkodkan mengikut prosedur yang ditetapkan. Fail-fail ini hanya dilupuskan sebelum mendapat persetujuan Jabatan Arkib Negara. Untuk usaha yang kita buat sekarang, kita juga telah meminta nasihat dari Parlimen. Ada pegawai-pegawai Parlimen untuk menerangkan cara yang terbaik pengisian borang dan penggunaan borang. Malangnya mereka tidak dapat menjalankannya sebab borang-borang ini untuk Ahli Parlimen Kerajaan. Kedua, kita juga telah meminta nasihat ACA Pencegah Jenayah tetapi mereka juga enggan memberikan nasihat. Walau bagaimanapun perkara ini sudah kita selesaikan dengan menggunakan Firma Perakaunan Earn's & Young. Soalan yang kedua ialah apakah rasional Menteri Besar hanya setuju untuk isytiharkan harta anak-anak yang berumur 21 tahun ke bawah dan adakah ini melanggar peruntukan yang terletak di bawah undang-undang Badan Cegah Rasuah. Yang sebenarnya borang APK 104 ini dalam Borang tersebut dia tidak mengkehendaki pengisytiharan harta-harta bagi anak-anak yang berumur 21 tahun dan ke atas dan kita juga bertanya kepada Badan Pencegah Rasuah dan dia tidak mempunyai apa-apa peraturan tentang perkara tersebut hanyalah akan menentukan sama ada kalau ada berlaku urus niaga dengan kerajaan negeri ataupun sekutunya mestilah tidak dalam keadaan *conflict of interest* (dengan izin) supaya tidak dapat perselisihan penggunaan dan walau bagaimanapun saya telah meminta Earn's & Young untuk menyediakan borang berasingan supaya dia dapat disahkan setiap masa untuk menentukan tak ada berlakunya *conflict of interest*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH :** Tuan Speaker, soalan No. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SG. PELEK)**

**TAJUK : KILANG-KILANG HARAM**

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor:-

- a) Apakah cara-cara Kerajaan Negeri Selangor menghalalkan kilang-kilang haram yang terdapat di Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih, Yang Berhormat Sg. Pelek. Tuan Speaker, saya ingin menegaskan bahawa di Selangor terdapat lebih kurang 2,805 kilang tanpa kebenaran. Pecahan kilang tanpa kebenaran mengikut daerah adalah seperti yang berikut: Daerah Petaling – 1,236, Klang – 556, Gombak – 37, Hulu Langat – 658, Kuala Langat – 209, Hulu Selangor – 14, Kuala Selangor – 35, Sepang – 44, Sabak Bernam – 16. Jumlah ini amat mengejutkan dan membimbangkan. Ini bukan saja member kesan kerugian terhadap kutipan hasil cukai dan bukan cukai kerajaan negeri tetapi juga sebahagian daripada kilang-kilang haram ini berkaitan dengan kegiatan pencemaran alam sekitar. Selama 50 tahun Barisan Nasional memerintah negeri

Selangor semakin banyak kilang-kilang haram telah didirikan. Ini mungkin boleh dikira sebagai satu lagi pencapaian cemerlang gemilang terbilang bagi kerajaan negeri Barisan Nasional yang lalu. Tuan Speaker, kerajaan negeri Pakatan Rakyat amat memandang serius terhadap isu ini. Satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran iaitu JKTK Negeri Selangor telah ditubuhkan untuk mengatasi masalah ini. Jawatankuasa ini bertanggungjawab atas perkara-perkara yang berikut: No. 1. Mengenal pasti kilang-kilang tanpa kebenaran dan mengklasifikasikan mengikut kategori. No. 2 Menempatkan semula kilang-kilang tanpa kebenaran ke lokasi yang ditetapkan. No. 3 Mengezonkan semula kawasan industri terlibat bagi membolehkan kilang beroperasi secara sah dan No. 4. Menggalakkan keadaan atau suasana kilang teratur selamat dan tidak mencemar. Tuan Speaker, beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk menghalalkan kilang-kilang tanpa kebenaran ini. Contohnya, pengurangan premium tambahan, bayaran premium secara ansuran, pengenaan syarat teknikal minima dan lain-lain. Selain itu, tempoh perlaksanaan program pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran ini telah dilanjutkan ke akhir tahun 2010 untuk memberi peluang dan masa kepada pengusaha kilang, tuan tanah menukar syarat tanah mereka dari pertanian ke perindustrian. Kerajaan negeri sedang mengkaji satu dasar baru yang lebih fleksibel, praktikal dan efektif akan dilaksanakan supaya mengatasi masalah ini. Saya juga ingin menegaskan bahawa kerajaan negeri tidak akan bertoleransi terhadap kilang-kilang tanpa kebenaran ini yang memberi kesan pencemaran kepada alam sekitar dan menjalankan kegiatan yang melanggar undang-undang. Saya juga ingin menyatakan bahawa di bawah kerajaan negeri Pakatan Rakyat, kerajaan akan mengambil berat terhadap perkembangan ekonomi negeri. Oleh itu, Kerajaan negeri akan berusaha dan memberi sokongan kepada usahawan-usahawan kilang supaya bersama-sama kita menyelesaikan masalah ini dan mengembangkan ekonomi negeri. Sekian.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Menurut laporan The SUN pada Mac, 2002 halaman 1, Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Khir Toyo masa itu, mengumumkan yang kerajaan negeri Selangor akan membangunkan industri dan Bandar Aeroangkasa di Pulau Carey, Kuala Langat melibatkan belanja 1 Bilion. Bangi ingin tahu sejauh manakah projek ini berjalan atau jika tidak berjalan adalah kerana takut pencemaran atau sebaliknya. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi saya kata ni, kilang haram ni kita akan tidak bertoleransi terhadap pencemaran dan jabatan saya....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Saya tanya lain, itu tak sampai jawapan tu. Adakah berlaku kilang tu di Pulau Carey, 1 bilion, kalau tak berlaku adakah dia kerana takut pencemaran atau sebaliknya.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Yang Berhormat ini bukan berkaitan dengan kilang-kilang haram.

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM** : Tuan Speaker, soalan tambahan. Terima kasih. Berkaitan dengan kilang haram, selain daripada pencemaran, kilang haram berkembang hingga menyempitkan sungai-sungai hingga menimbulkan banjir dan ini sudah berpanjangan lebih 10 tahun. Apakah tindakan selanjutnya untuk mengatasi masalah ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah ini perkara yang betul. Jabatan saya akan bekerjasama dengan EXCO Bukit Lanjan supaya kita akan memelihara rizab sungai ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Batang Kali.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM** : Tuan Speaker, setelah lebih kurang, hampir mungkin lebih tiga bulan menjadi kerajaan, apakah langkah drastik ataupun berapa banyakkah operasi terhadap kilang-kilang haram ini dibuat oleh kerajaan yang baru. Apakah telah diberi saman ataupun berapa banyak saman telah dikeluarkan ataupun operasi. Saya dimaklumkan ada 2,800 lebih kilang haram, jadi apakah tindakan yang dibuat dalam masa 3 bulan sama ada melihat fail saja tak habis-habis selama 3 bulan ini atau bagaimana. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah selama saya kata selama ini merupakan satu liabiliti yang di waris oleh kerajaan baru daripada kerajaan Barisan Nasional. Tindakan yang terdesak dan tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan bahawa kita dapat menyelesaikan masalah kilang-kilang haram ini dan saya ingin menyatakan bahawa kerajaan negeri ini memanglah nak menggalakkan usahawan-usahawan kilang haram ini supaya menggalakkan mereka menukar syarat tanah mereka dari pertanian kepada industri. Kita tidak mahu manafikan bahawa usahawan-usahawan kilang tanpa kebenaran ini kerana mereka telah menyumbang, memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi negeri. Jadi kilang-kilang tanpa kebenaran yang tidak, yang melanggar undang-undang tetaplah kerajaan negeri akan mengambil undang-undang bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Jikalau Yang Berhormat ingin mendapat berapakah saman atau langkah-langkah yang seterusnya dan jumlah saman-saman yang dikeluarkan oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, saya akan menjawab dalam jawapan bertulis. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM** : Penjelasan Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER** : Kajang

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, berkaitan dengan kilang tanpa keizinan kita dapati pada kerajaan yang lepas ada dasar yang dikatakan lesen ataupun kebenaran akan diberi 'insitu' bermaksud kilang itu akan terus beroperasi di situ dan dia akan naik taraf dari segi mengurangkan pencemaran dan ikut ini piawaian yang diperlukan dan adakah kita memang nampak kebanyakan kilang-kilang sebegini memang berada di tempat-tempat yang tidak begitu sesuai dengan infrastruktur yang tidak begitu mencukupi dan akibatnya masalah pencemaran, masalah gangguan, masalah jalan

untuk pengangkutan semua tidak ada. Jadi, pada penggal lepas adakah kesemua kelemahan atau masalah diatasi dan adakah diteliti untuk memberikan lesen yang dikatakan ‘insitu’ itu. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih Yang Berhormat, memanglah kilang haram ini ada berbagai masalah. Kita akan menggunakan cara-cara yang berbeda untuk mengatasi masalah ini seperti contohnya di Sg. Buloh terdapat kilang-kilang haram ini kebanyakannya kilang perabot. Kita mungkin akan bekerjasama dengan negeri Selangor dan juga PKNS supaya mintakan mereka kepada satu tempat yang sesuai untuk mengembangkan industri perabot di Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan juga mengeluarkan satu syarat teknikal minima supaya membolehkan kilang-kilang tanpa kebenaran ini memudahkan mereka menjadikan, menghalalkan kilang-kilang tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Tuan Speaker, Soalan No. 10

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PENCEMARAN UDARA DI LOMBONG PJS 3, TAMAN MEDAN**

10. Pencemaran toksik yang dikeluarkan hasil daripada pembuangan sampah secara haram yang masih berterusan di lombong PJS 3, Taman Medan. Gas *hydrogen sulfide* yang dikeluarkan ke udara telah merosakkan harta benda awam, mengeluarkan bau yang busuk dan mendatangkan masalah kesihatan kepada penduduk.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah pemilik lombong tersebut dan apakah tindakan yang dikenakan ke atasnya? Beri butiran syarikat/individu pemilik kawasan tersebut dan keluasan yang dimiliki.
- b) Siapa yang bertanggungjawab membayai kos merawat lombong yang tercemar tersebut dan berapa lama rawatan perlu dijalankan?
- c) Syarikat manakah yang menjalankan rawatan tersebut dan apakah kadar toksik sejak mula dikesan sehingga kini, dan kaedah rawatan yang dijalankan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Kawasan bekas lombong seluas lebih kurang 114 ekar di kawasan Taman Sri Manja PJS 3, telah diberi milik kepada 5 pemaju iaitu :

- i. Nama Pemaju : Tetuan Susunan Baru Sdn. Bhd.  
No. Lot : sebahagian Lot 25521  
Luas Tapak : 2.80 ekar  
Cadangan Pembangunan : Rumah pangsa kos sederhana murah

- ii. Nama Pemaju : Tetuan Maju Jaya Sdn. Bhd.  
No. Lot : PT 5255 sebahagian Lot 25520  
Luas Tapak : 10.331 ekar  
Cadangan Pembangunan : Pembangunan bercampur
- iii. Nama Pemaju : Tetuan Buana Perdana Sdn. Bhd.  
No. Lot : Lot PT 6489  
Luas Tapak : 10.56 ekar  
Cadangan Pembangunan : Rumah teres 2 tingkat (228 unit)
- iv. Nama Pemaju : Tetuan Lagenda Kencana Sdn. Bhd.  
No. Lot : Lot PT 12813 hingga PT 12817  
Luas Tapak : 71 ekar  
Cadangan Pembangunan : Pembangunan bercampur
- v. Nama Pemaju : Tetuan Peter's Brickworks Sdn. Bhd.  
No. Lot : Sebahagian Lot 25521  
Luas Tapak : 9.37 ekar  
Cadangan pembangunan : rumah kos rendah dan industri teres

Walau bagaimanapun, hanya lebih kurang 10 ekar kawasan lombong iaitu milik Tetuan Lagenda Kencana Sdn. Bhd. yang belum ditambah untuk pembangunan. Daripada tahun 2004 hingga 2006, pihak yang bertanggungjawab membiayai kos rawatan iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kos sebanyak RM3.4 juta. Dari tahun 2007 hingga sekarang, kos rawatan dibiayai oleh kerajaan negeri iaitu sebanyak 4.8 juta. Rawatan lombong ini akan diteruskan sehingga lombong ditimbus sepenuhnya. Setakat ini terdapat 3 buah syarikat telah dilantik untuk menjalankan rawatan mulai tahun 2004 iaitu :

- i) Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA)
- ii) Geo Kinetics Sdn. Bhd.
- iii) Kunci Produktif Sdn. Bhd.

Semasa kes ini mula dikesan, bacaan tertinggi yang dicatatkan hasil pemantauan adalah 600ppm. Mulai tahun 2005 hingga kini, tahap bacaan gas adalah stabil kecuali semasa hujan. Kaedah rawatan yang digunakan ialah Bahan Biologi dan Bahan Kimia.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Penjelasan

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Ya, Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Bagaimana dengan kerosakan yang dialami oleh penduduk ke atas harta benda dan juga kesan kesihatan terhadap penduduk. Siapakah yang bertanggungjawab ke atas ganti rugi perkara tersebut.

**Y.B. PUAN ELEZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Yang Berhormat. Masalah ini kita harus terus memantau kerana masalah ini disebabkan pembuangan yang tidak bertanggungjawab sejak 80an. Pada tahun 2004 bulan Februari satu 'Task Force' dengan izin telah dibentuk iaitu 'Task Force' Isu Bau Busuk Tasek Lombong PJS 3 di mana agensi-agensi seperti MPPJ, Jabatan Alam Sekitar Selangor, Pejabat

Daerah/Tanah Petaling, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) telah membuat kajian serta memantau kalau mengikut dakwaan Yang Berhormat bahawa terdapat masalah kesihatan dan juga kemerosotan bangunan-bangunan di situ saya akan berbincang selanjutnya dengan jabatan-jabatan dan agensi yang berkaitan dengan isu ini supaya satu pemantauan yang saya rasa yang baru boleh dilakukan.

**TUAN SPEAKER** : Teratai

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ya, terima kasih Tuan Speaker. Bolehkah saya tanya adakah apa-apa tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam bertahun-tahun ini sejak kes ini sudah berlaku sejak 80an. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terdapat berbagai cara untuk menyelesaikan masalah ini namun masalah ini amat rumit kerana ini merupakan satu bekas lombong dan kalau kita, katakan kita mahu mengeringkan bekas lombong ini kita akan menyebabkan ketidakstabilan di persekitaran kawasan lombong di mana terdapat bangunan-bangunan sekarang, terdapat rumah-rumah kediaman di merata lombong itu. Jadi rumusan yang dicadangkan oleh konsultan iaitu ASMA dari Universiti Malaya adalah supaya bekas lombong ini dipenuhi malah ini merupakan satu cara yang pada pendapat saya tidak efektif secara kos tetapi ini merupakan cara. Kita hanya ada satu jalan untuk menyelesaikan masalah ini tetapi kalau sesiapa pakar-pakar dalam bidang ini ada cadangan yang alternatif saya sudi mendengar dan juga menerima cadangan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker soalan no. 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : PENJUALAN PASIR**

11. Bertanya kepada Y.A. B. Dato' Menteri Besar:
  - a) Apakah jumlah hasil yang diperoleh oleh kerajaan negeri Selangor untuk dua tahun yang lepas daripada penjualan pasir dan senaraikan butir-butir syarikat yang memperoleh lesen penjualan pasir dalam Selangor mengikut pecahan daerah (nama syarikat, tempoh lesen, jumlah jualan, lokasi penggalian pasir).
  - b) Berapakah jumlah keperluan pasir negeri Selangor dan senaraikan butir-butir import dan eksport pasir negeri Selangor untuk empat tahun yang lepas (negeri pengimpor dan pengeksport, jumlah import/eksport, tempoh, syarikat terlibat).
  - c) Apakah langkah-langkah kerajaan negeri bagi memastikan adanya pembekalan pasir yang mencukupi dalam negeri Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, mengenai jumlah hasil yang diperoleh oleh kerajaan negeri Selangor untuk dua tahun yang lepas daripada

penjualan pasir, kerajaan negeri tidak mempunyai hasil dari penjualan pasir tetapi kerajaan negeri mendapat royalti daripada pengeluaran permit pasir yang diluluskan. Bagi tahun 2006 kutipan royalti dan kompaun diperoleh ialah RM21 juta manakala bagi tahun 2007 pula adalah RM 17 juta.

Kemudian berapakah keperluan pasir negeri Selangor dan senaraikan butir-butir eksport pasir negeri Selangor. Jumlah keperluan pasir di Selangor bagi setiap bulan adalah lebih kurang 6 juta tan. Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor pada tahun 1997 melarang semua pasir yang terdapat di negeri Selangor untuk di eksport ke luar negara.

c) Apakah langkah memastikan pembekal pasir mencukupi. Kerajaan sekarang telah membuat kajian terperinci mengenai perlombongan pasir, permit-permit dan cara ia diberikan dan juga beberapa aspek penswastaan yang telah direka bentuk sebelum ini. Jadi oleh itu, kerajaan sekarang telah buat sementara waktu membekukan semua permit dan juga lesen hanya lesen-lesen yang masih belum sampai masanya dan sekejap masa tak sampai dua minggu lagi kerajaan negeri Selangor akan mengumumkan satu cara bagaimana hasil sumber-sumber perlombongan pasir, tanah-tanah dapat digembelingkan dalam satu usaha yang mana keuntungan dan pendapatan pasir ini terus disalurkan kepada satu tabung untuk kita agihkan kepada rakyat Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan tentang hasil kutipan royalti dan kompaun daripada tahun 2006 hingga 2007 di mana tahun 2006 lebih tinggi RM21 juta dan tahun 2007 RM 17 juta. Saya dimaklumkan permintaan pasir di negeri Selangor cukup mendadak dan pembangunan di negeri Selangor juga begitu pesat membangun jadi permintaan semakin tinggi dan wujud juga banyak kes-kes pencurian pasir dan sebagainya. Kenapa hasil boleh susut sebanyak RM 4 juta dalam tempoh masa satu tahun sedangkan sepatutnya hasil boleh diperoleh lebih daripada itu. Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, RM21 juta dan RM17 juta ini adalah angka yang paling kecil dalam industri ini. Jadi mengikut kiraan kita urus niaga pasir di negeri Selangor ini melebihi 200 juta jadi hasil ini hanyalah pendapatan daripada royalti dan juga kompaun yang diberikan. Oleh sebab itu kajian kita menunjukkan tiba masanya kerajaan negeri Selangor untuk mencari cara yang bijak supaya semua hasil-hasil ini dapat didapati oleh negeri Selangor dan caranya ialah sumber-sumber alam ini ialah hak rakyat negeri Selangor, jadi bagaimana cara kita menguruskannya supaya hasil-hasil ini dapat dinikmati secara terus bukan secara royalti, secara pengurusan yang baik, secara taktik yang baik supaya hasil ini, keuntungan ini dapat dikumpulkan untuk rakyat negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kita peka tentang kehendak-kehendak industri, harta tanah dalam penggunaan pasir dan juga tanah tapi kita dalam masa yang terdekat akan mencadangkan dan kertas kerja sudah di siap supaya bagaimana kita dapat menerokakan sumber-sumber alam ini untuk dirakyatkan kepada rakyat negeri Selangor dan ini merupakan satu pembaharuan pemikiran bukan kita hanya menjadi tauke lesen ataupun tauke royalti. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Penjelasan Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ya, Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Menurut apa yang dijelaskan oleh Y.A.B. tadi, hasil yang diperoleh sepatutnya melebihi apa yang dicatatkan dalam tahun 2006 dan 2007. Jadi adakah sebarang tindakan atau siasatan akan dijalankan terhadap kehilangan hasil-hasil ini .

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, salah satu perkara yang sangat dirasai yang perlu kita atasi ialah pencurian pasir yang berleluasa berlaku. Jadi pencurian pasir ini boleh kita atasi dengan cara memberitahu rakyat bahawa sekarang semua rakyat memiliki pasir. Jadi dengan cara itu kita juga meminta rakyat memantau bagi pihak kita tentang kecurian pasir. Ini satu konsep baru yang saya tidak mempunyai masa untuk menerangkan. Ini satu konsep baru. Dulunya konsep ini ialah ramai yang bergelut untuk datang untuk mendapatkan lesen pasir. Ada juga beberapa cara juga menceritakan bagaimana dia boleh memperbaiki sungai dengan cara menswastakan perlombongan pasir. Kedua perkara tersebut kita dapatti tidak memberi satu keadaan yang cekap dari segi pengurusan sumber-sumber alam di negeri Selangor. Jadi kiraan kita, kita mesti mencari jalan supaya ini dijadikan satu institusi untuk menentukan cara pengurusan perlombongan, cara penjualan dan cara pemantauan yang sekarang rakyat mempunyai kepentingan dalam sumber-sumber alam ini. Tetapi saya tidak menggunakan masa sekarang untuk menerangkan sebab inilah beberapa contoh beberapa pembaharuan pemikiran dalam pakatan rakyat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker soalan no. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN SISTEM BEKALAN AIR DI NEGERI SELANGOR**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa loji rawatan air mentah yang terdapat di negeri Selangor dan siapakah operator loji-loji tersebut?
- b) Masalah pencemaran sungai yang menjadi sumber bekalan air mentah bagi rakyat negeri Selangor sering kita dengar. Adakah tahap teknologi rawatan air mentah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat ini berupaya menjamin mutu kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna pada masa kini dan akan datang tidak terjejas dan sentiasa memenuhi piawai kualiti air minum Kementerian Kesihatan?
- c) Adakah syarikat-syarikat ini bercadang untuk menaik taraf teknologi konvensional rawatan air masa kini kepada penggunaan teknologi rawatan air yang lebih moden bagi menjamin kualiti bekalan air kepada pengguna di masa akan datang?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Terima kasih Hulu Kelang, Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan ini terdapat 32 loji rawatan air negeri Selangor yang dikendalikan Puncak Niaga Malaysia Sdn. Bhd, Syarikat Sg. Selangor Sdn. Bhd. dan Konsortium ABASS Sdn. Bhd yang kalau hendak *detail* mungkin kita akan memberi jawapan yang bertulis kepada Yang Berhormat.

- a) Soalan mengenai masalah pencemaran air sungai tersebut, teknologi rawatan air mentah ketika ini telah menepati piawaian dan kualiti bekalan air minuman berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Kaedah yang digunakan adalah meliputi tapisan, campuran bahan kimia dan mendapan di loji rawatan air tersebut. Tuan Speaker, kalau boleh saya pergi sedikit tentang pencemaran ini masalah-masalah besar yang dihadapi oleh loji rawatan air masalah teknikal Tuan Speaker iaitu *river back level*. Sg. Semenyih, yang menurun akibat pengorekan pasir boleh mengancam kestabilan struktur muka sauh atau *rubber wall* dan lintasan air paip mentah. Kedua kualiti air mentah yang tidak menentu.
- b) Kalau kita lihat masalah besar masalah teknikal iaitu masalah pencemaran sungai, masalah perubahan cuaca global contohnya kemarau fenomena *El-Nino* boleh menjelaskan air mentah dan takungan empangan.

Yang ketiga Tuan Speaker, pewartaan kawasan empangan dan kawasan pemindahan air tasik dan loji pembersihan air Sg. Semenyih sebagai kawasan keselamatan. Saya juga ingin menerangkan tentang hal mengenai pencemaran sumber air itu antaranya ialah punca pencemaran kawasan perindustrian seperti di Beranang dan Arab Malaysian Nilai dan kawasan perindustrian Nilai di Negeri Sembilan. Loji rawatan kumbahan IWK misalnya. Pengorekan pasir di Sg. Semenyih yang dihentikan pada tahun 2007. Ini adalah merupakan punca-punca pencemaran di samping kepada punca pencemaran kerana penternakan babi. Ini saya fikir Y.B dari pada Tanjung Sepat boleh menjawab soalan ini dengan lebih baik daripada saya menjawab. Kemudian hal mengenai kos rawatan air yang dihadapi oleh beberapa pihak. Saya ingin menyebutkan teknologi terlebih dahulu. Teknologi rawatan air yang digunakan oleh negeri Selangor Tuan Speaker ketika ini adalah yang termoden seperti mana yang digunakan oleh semua negara-negara maju. Teknologi ini juga diambil kita dari segi kos yang efektif yang melibatkan rawatan air dan kos penjualan kepada SYABAS yang kemudiannya akan diterjemahkan kepada takrif air yang terawat namun begitu terdapat juga rawatan lain yang menggunakan kaedah tapisan *membrin* yang melibatkan kos rawatan yang agak tinggi. Kaedah ini kurang sesuai memandangkan kos tersebut akan diterjemahkan dalam bentuk takrif yang akan dikenakan kepada pengguna.

**Y.B TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Bangi.

**Y.B TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Soalan tambahan Tuan Speaker. Oleh kerana Selangor menghadapi masalah air setakat ini apakah cadangan untuk membeli air dari Pahang ada juga kata dari Perak akan diteruskan jika tidak mengapa.

**Y.B DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Tuan Speaker sebenarnya permasalahan air di negeri Selangor ini kita lihat yang lepas-lepas pada tahun 1998 misalnya telah menghadapi satu masalah kemarau yang agak panjang dan telah

melibatkan berbagai-bagai masalah mengenai tentang hal air *resources* air di negeri Selangor ini. Dan berikutnya dengan itu berbagai-bagai cara telah dibuat. Sama ada air daripada dalam tanah, air semula jadi, air daripada laut, air daripada sungai sebagainya telah diambil kira untuk merupakan beberapa alternatif-alternatif yang dapat diambil selain daripada apa cara yang kita gunakan sekarang ini. Mengenai penyaluran air daripada negeri Pahang kepada negeri Selangor memang persediaan telah dibuat. Rancangan telah diadakan bahkan perjanjian awal pun telah ditandatangani di antara kedua-dua belah pihak dan Insya-Allah dalam beberapa waktu yang akan datang ini di samping kajian demi kajian yang diteruskan dan kita akan melihat setakat mana pengaliran air daripada Pahang itu dapat dialirkannya dengan Selangor pada masa yang sama kita kerajaan Parti Pakatan Rakyat ingin melihat pertama kita ingin melihat semula tentang *costing* yang terlibat dan sebagainya dan teknik-teknik yang digunakan untuk menyalurkan air untuk menentukan rakyat negeri Selangor mendapat air yang bersih. Rakyat negeri Selangor mendapat air yang agak murah. Rakyat negeri Selangor mendapat air bila-bila masa atau waktu kemarau pun rakyat negeri Selangor tidak akan terjejas dengan musim kemarau tersebut. Ini adalah di antara kriteria dan beberapa perkara perlu diberi perhatian dan kerajaan Pakatan Rakyat akan menentukan perkara-perkara ini diambil kira supaya yang lepas-lepas sebarang peristiwa yang tidak baik, peristiwa hitam yang berlaku mengenai penyaluran air kepada rakyat tidak akan berulang lagi pada masa-masa yang akan datang.

**TUAN SPEAKER :** Soalan tambahan, Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan Tuan Speaker. Sekiranya sistem pemprosesan air moden digunakan dengan teknologi yang termoden kenapa rakyat perlu rakyat perlu menanggung kos yang tinggi untuk membeli penapis-penapis air tambahan khususnya di Hulu Kelang.

**Y.B DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI :** Saya telah pun berbincang dengan teman yang terlibat dengan penyaluran air yang telah ditapis iaitu SYABAS. Mereka telah menyatakan bahkan di SYABAS, di pejabat SYABAS dan teman-teman yang terlibat sebagai pegawai dan kakitangan SYABAS rumah mereka memang tidak ada penapisan, pejabat mereka tidak dibenarkan mengadakan tapisan sebab mereka minum terus dari paip. Ini jaminan yang menyatakan air yang disalurkan sekarang ini adalah merupakan air selamat digunakan dari segi kesihatan dan sebab itu untuk pengetahuan saudara teknologi yang dipertingkatkan setiap masa daripada segi konvensional yang terpakai di loji Sg. Semenyih, Sg. Langat dan kebanyakan logi-logi air di Malaysia dipindahkan kepada bentuk *perceter* namanya iaitu paten oleh *degremont Frunk* yang diguna pakai di loji Sg. Selangor Fasa 1 Peyubi Kota Tinggi Pesisir dan juga Sungai Johor. Kemudian itu ada lagi satu teknologi Yang Berhormat Hulu Kelang, teknologi yang dikatakan *active flow patent* oleh Celia Frunk yang digunakan di Sg. Selangor Fasa 2. Kemudian ada salah satu teknologi agak terkini *Yamela Plate patent United Kingdom Group* yang diguna pakai Sg. Selangor Fasa 3 dan berikutnya teknologi membran yang saya sebut tadi yang kosnya agak tinggi yang ini boleh mempengaruhi keperluan harga yang ditawarkan kepada rakyat, harga air yang ditawarkan kepada rakyat teknologi G.E water oleh USA *Zenon* daripada Canada dan *Cemon* daripada Germany *Landtec* daripada Netherland dan sebagainya. Kemudian *Rivers Osmosis* dan satu lagi teknik terakhir yang juga sedang dikaji oleh SYABAS iaitu teknologi yang dinamakan *Desalination* penyulingan air laut yang diguna pakai di negara Timur Tengah dan juga di Singapura. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW YUAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**Y.B TUAN YAP LUM CHIN** : Tuan Speaker, Soalan 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK : INDUSTRI PELANCONGAN DI SELANGOR**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah anggaran jumlah pelancongan yang melawat Selangor pada tahun 2007?
- b) Sila nyatakan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam memajukan industri ini dan adakah ianya berjaya mencapai matlamatnya?
- c) Apakah program terbaru yang sedang/akan diusahakan oleh Kerajaan negeri untuk memajukan industri pelancongan di Selangor?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Speaker.

- a) Anggaran bilangan pelancong yang melawat negeri Selangor pada tahun 2007 adalah seramai 5.2 juta orang.
- b) Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam memajukan industri ini adalah seperti berikut:
  - i. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor (MTPN)
  - ii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
  - iii. Kementerian Pelancongan Malaysia
  - iv. Tourism Malaysia
  - v. Lembaga Penggalakan Pelancongan Negeri
  - vi. Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)

Semua jabatan / agensi mempunyai dan memainkan peranan yang berbeza namun mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk memajukan pelancongan negeri Selangor. Di samping agensi-agensi kerajaan, di Selangor juga diwujudkan Tourism Selangor Sendirian Berhad (TSSB) sebuah anak syarikat yang berperanan menjana pendapatan melalui pelancongan kepada kerajaan negeri. Selain itu, Tourism Selangor Sendirian Berhad berfungsi sebagai pengurus, penganjur, pengelola atau agen bagi mesyuarat, konvensyen, acara dan pameran yang berkaitan dengan industri pelancongan.

Agensi-agensi ini telah berjaya mencapai matlamat berdasarkan kepada perancangan pelaksanaan yang telah dibuat dan dijalankan setiap tahun. Ini dapat dilihat daripada bilangan pelancong yang datang ke Selangor meningkat daripada 4,926,907 pada tahun 2006 kepada 5,315,330 pada tahun 2007.

Walau bagaimana pun usaha-usaha yang lebih berterusan dan kerjasama yang lebih erat di antara agensi kerajaan perlu dipertingkatkan lagi bagi memastikan semua perancangan meningkatkan pembangunan pelancongan di negeri Selangor berjalan lancar.

Program terbaru yang sedang / akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk memajukan industri pelancongan di Selangor adalah seperti berikut:-

- i. Menyertai promosi dan pameran di luar dan dalam negeri. Contoh: *World Travel Market*, London, *Arabian Travel Market*, Dubai UAE.
- ii. Memperbanyakkan Media *Farm-Trip* ke negeri Selangor, Contoh : Daerah Kuala Selangor, Klang dan Sabak Bernam.
- iii. Mempergiatkan penjualan pakej-pakej pelancongan oleh MATTA.
- iv. Meningkatkan pelaksanaan acara tahunan seperti dalam kalender acara.
- v. Memantau dan menaik taraf produk-produk pelancongan.
- vi. Meneruskan usaha mengadakan kursus-kursus pelancongan seperti Mesra Malaysia, *Tourism English* dan *Act Tourism* di kalangan “Front Liners” dengan izin pengusaha produk pelancongan.
- vii. Memperbanyakkan dan menghasilkan bahan-bahan promosi yang lebih berkualiti.
- viii. Menyertai iklan di media cetak dan elektronik.
- ix. Mewujudkan Pusat Penerangan Pelancongan di lokasi-lokasi strategik iaitu Pusat Informasi Pelancongan Selangor di KLIA dan Pusat Informasi Pelancongan di Batu Caves, Gombak.
- x. Mengenal pasti produk-produk pelancongan yang baru.
- xi. *Re-branding Tourism Selangor.*
- xii. Menstrukturkan semula tugas dan tanggungjawab Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB).

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, soalan tambahan. Berhubung kait dengan industri pelancongan ini dalam usaha kerajaan memperkasakan industri pelancongan. Adakah pihak kerajaan bercadang menjadikan banglo EXCO di Seksyen 7 sebagai satu pusat tarikan pelancong? Kerana banyak permintaan daripada orang ramai bertanyakan kepada saya mereka minat masuk untuk melawat banglo EXCO yang terbengkalai itu kelab EXCO itu. Kalau boleh kita jadikan dia sebagai satu destinasi pelancongan untuk mengutip tiket masuk dan sebab-sebab ingin tahu bagaimana mewah banglo EXCO tersebut dan contoh projek pembaziran. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih, Yang Berhormat. Sudah tentu cadangan Yang Berhormat akan diambil kira dan saya akan membincangkan secara langsung mungkin dengan Menteri Besar dan juga Bendahari Negeri di SUK dan saya ingin memaklumkan bahawa mengikut pemandu-pemandu industri pelancong bukan sahaja rumah-rumah EXCO yang menjadi tumpuan pelancong tetapi juga istana Zakaria juga sehingga sekarang ada dengan izin bas *tour* ke istana tersebut tentu kita akan ambil kira kerana aktiviti-aktiviti tersebut saya rasa boleh menjanjakan lebih dana pendapatan untuk negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Tuan Speaker, Tuan Speaker ...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker....

**TUAN SPEAKER** : Er. Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, seperti juga tapak-tapak kilang tidak sah, tapak-tapak pelancongan yang tidak sah. Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh kerajaan untuk mengesahkan tapak-tapak ini?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih, Yang Berhormat. Ini merupakan satu cadangan yang amat unik, saya rasa masalah tapak-tapak pelancongan yang tidak sah, saya rasa mungkin masalah haram atau tidak sah belum diiktiraf oleh kerajaan negeri Selangor. Ada banyak tapak-tapak pelancongan yang di mana saya rasa di luar tumpuan industri pelancongan khasnya katakan dengan izin *Gold Coast* Selangor di Sabak Bernam, di Kuala Selangor dan lain-lain. Ada terdapat, kebanyakannya keistimewaan kawasan-kawasan tersebut tetapi sehingga kini saya rasa mungkin industri pelancongan belum masuk ke tempat-tempat tersebut. Satu, sepertimana yang dimaklumkan tadi pihak kerajaan negeri Selangor akan selain daripada memantau dan menaik taraf produk-produk pelancongan, kita juga akan mengenal pasti produk-produk pelancongan yang baru. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW YUAN** : Tuan Speaker

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah tapak ternakan babi salah satu produk pelancongan terbaru negeri Selangor?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Yang Berhormat, kalau itu merupakan cadangan dari Yang Berhormat, kita akan mengambil kira.

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Itu soalan, itu soalan bukan cadangan ....

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang, Sijangkang soalan seterusnya Sijangkang.

**Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Tuan Speaker, soalan no. 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI  
(SIJANGKANG )**

**TAJUK : PELAJAR YANG KURANG BERJAYA**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- a) Nyatakan keputusan peperiksaan PMR dan SPM. Berapa ramai kah pelajar yang gagal menyambung ke peringkat IPT?
  - b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan pelajar lepasan SPM yang kurang berjaya dalam bidang akademi akan mendapat kemahiran bagi memastikan akan berjaya?
  - c) Apakah perancangan kerajaan bagi memastikan kadar pengangguran di kalangan belia dapat dikurangkan?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI** : Assalamualaikum Warbarakatuh, Tuan Speaker terima kasih kepada Sijangkang. Pertama tentang keputusan Peperiksaan PMR dan SPM. Berapa ramaikah pelajar keputusan peperiksaan pada tahun 2007, seramai 70,141 orang pelajar menduduki peperiksaan PMR dan seramai 58,341 orang pelajar menduduki peperiksaan SPM. Peratusan pelajar yang menguasai dalam peperiksaan PMR adalah sebanyak 70.3% manakala peratusan calon PMR yang cemerlang pula adalah sebanyak 8%. Bagi peperiksaan SPM pula gred purata negeri bagi negeri Selangor adalah 5.30%, manakala peratusan calon yang cemerlang pula ialah 0.34%. Buat masa ini, pihak kerajaan negeri tidak mempunyai data berkenaan jumlah pelajar yang tidak dapat menyambung pelajaran ke peringkat IPT. Namun berdasarkan kepada maklumat yang ... maaf saya sambungkan yang kedua. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan pelajar lepasan SPM yang kurang berjaya dalam bidang akademi akan mendapat kemahiran bagi memastikan akan berjaya?

Kerajaan negeri menjalankan kerjasama dengan Kolej Inspens dalam melaksanakan Program Pembangunan Insan Berkemahiran Teknikal (PPIBT). Melalui program ini, para peserta khususnya golongan belia Selangor yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke pengajian IPT ditawarkan dengan pelbagai kursus kemahiran selama 6 bulan. Kursus ini diwujudkan untuk membantu mereka dalam mendapatkan peluang pekerjaan. Kursus ini juga ditawarkan kepada semua belia tanpa mengira kaum dan dibiayai oleh pihak UPEN dan Yayasan Strategik Sosial. Pada tahun 2007, jumlah peserta adalah seramai 249 peserta dan bagi tahun 2008 adalah seramai 227 peserta. Kalau dilihat dalam Lampiran A dan Lampiran B saya rasa ianya agak *detail* yang telah diberikan di dalam lampiran tersebut yang menunjukkan bahawa Program

Pembangunan Insan Berkemahiran Teknikal telah di laksanakan oleh UPEN pihak kerajaan negeri dan sebagainya. Bagi yang ketiga apakah perancangan kerajaan bagi memastikan kadar pengangguran di kalangan belia dapat dikurangkan? Dalam menangani masalah pengangguran di negeri Selangor, kerajaan negeri telah mengambil pendekatan memperkenalkan program kursus kemahiran kepada para belia di negeri Selangor khususnya dalam bidang teknikal. Kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga turut menggalakkan para belia melibatkan diri di dalam sektor pertanian dan keusahawanan.

Berdasarkan pada maklumat yang diperolehi daripada *System Electronic Level Exchange* dengan izin jumlah siswazah yang berdaftar untuk pencarian kerja mengikut daerah di negeri Selangor sehingga 12.5.2008 adalah seramai 15,956 orang. Tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi siswazah menganggur di antaranya ialah pihak Tenaga Kerja Negeri Selangor telah meningkatkan sasaran kerja termasuk:-

- i. Memperbanyakkan lagi Karnival Kerjaya.
- ii. Menggalakkan lagi Pendaftaran Majikan dalam *System Electronic Level System*.
- iii. Menggiatkan lagi aktiviti Ceramah Kerjaya.
- iv. Serta mengatur dan mengadakan lebih banyak temu duga terbuka.

Terima kasih, Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN** : Terima kasih, Tuan Speaker Soalan No. 14 dari Bukit Gasing. Ah... 15 sorry.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : PAJAKAN TANAH (*LAND LEASE*)**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
  - a) Sila nyatakan jumlah hak milik tanah di Selangor yang merupakan pajakan dan hak milik selamanya / tetap.
  - b) Sila nyatakan jumlah hak milik tanah yang pajakan adalah kurang dari sepuluh tahun.
  - c) Sila nyatakan bagaimana kerajaan Negeri bercadang untuk melanjutkan tempoh pajakan ataupun hak milik tanah akan di tukar ke hak milik selamanya / tetap.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, ini maklumat pajakan dan hak milik selamanya. Angka-angka ini saya berikan supaya tidak mengambil masa yang banyak untuk soal jawab. Yang Berhormat boleh dapatkan sumber daripada Pejabat Daerah Tanah Petaling, yang menyatakan terdapat 1,487 tapak yang kurang 10 tahun dan pajakan di Petaling, Pejabat Daerah Petaling, iaitu pajakan Mukim. Jumlah pajakan ini sebanyak 14,167 dan hak milik dalam Pejabat Daerah Petaling berjumlah 14,442. Angka-angka ini menunjukkan bahawa Petalinglah yang mempunyai pajakan kurang 10 tahun dan proses ini dibuat oleh pihak berkuasa berdasarkan Seksyen 76 KTN untuk melupuskan tanah kerajaan sebagai pajakan atau selama-lamanya. Biasanya, kerajaan negeri hanya meluluskan hak milik secara pajakan supaya ada proses yang untuk dinilai semula dan premium dikenakan.

Saya tahu, proses yang banyak sekarang berkait dengan permohonan pemilik tanah di Petaling Jaya di Pejabat Tanah/Daerah Petaling untuk membolehkan mereka memanjangkan pajakan mereka sekarang dalam usia 10 tahun, memanjangkan pajakan mereka sampai 99 tahun. Hal ini boleh dibincangkan, dan saya sudah melihat tahun lepas juga ada kelulusan untuk memanjangkan pajakan ini. Tetapi saya tidak melihat pajakan ditukar menjadi hak milik selama-lamanya. Tiada. Biasanya kita beri secara pajakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA** : Penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIE** : Terima kasih, Tuan Speaker untuk makluman Dewan, di Sri Muda terdapat beberapa kawasan yang mana tanahnya mempunyai isu yang belum diselesaikan dalam tempoh antara 30 hingga 36 tahun. Jadi saya nak tanya apakah perancangan kerajaan negeri dalam menyelesaikan permasalahan tanah yang melibatkan isu-isu yang tidak dapat diselesaikan ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, masa sudah sampai. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 11.00 pagi dengan ini saya ingin menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, sambungan.

**TUAN SPEAKER** : Saya dengan ini mempersilakan pihak kerajaan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan akan memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dipersilakan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih Tuan Speaker. Beberapa perkara terhadap kampung baru telah dibahaskan dalam dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu. Saya berasa pelik apabila mendengar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Pelek tentang Kampung Baru Sungai Pelek. Sudah pun Barisan Nasional memerintah Selangor selama 50 tahun tetapi banyak lagi orang Sungai Pelek kena bersusah payah mencari makan di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Itulah sebab Sungai Pelek hanya melihat kesesakan jalan di Kampung Baru Sungai Pelek apabila hari perayaan. Kasihanlah Sungai Pelek kerana 50 tahun

Barisan Nasional sudah mentadbir tetapi Kampung Baru Sungai Pelek masih tidak dapat berkembang dengan baik.

Tuan Speaker, di Selangor terdapat 42 buah kampung baru, 19 kampung baru bagan dan 17 kampung baru tersusun. Perkembangan kampung-kampung ini sentiasa di lupa dan tidak terancang. Contohnya Kampung Baru Seri Kembangan merupakan kampung baru yang paling terbesar di negeri Selangor. Sekitar kawasan lapangnya telah digunakan untuk pembangunan. Oleh kerana pembangunan yang tidak terancang dengan teliti oleh kerajaan negeri yang lepas ia telah menyebabkan jalan besar di Seri Kembangan menjadikan salah satu jalan yang paling sesak di negeri Selangor.

Satu lagi contoh yang saya ingin nyatakan ialah Pulau Ketam. Sampai hari ini Pulau Ketam masih lagi menghadapi masalah bekalan elektrik dan air bersih yang sering putus. Selain itu infrastruktur di Pulau Ketam juga tidak memuaskan. Tuan Speaker, isu-isu tanah juga merupakan salah satu isu penting bagi kampung baru, kampung bagan dan juga kampung tersusun. Kerajaan negeri amat mengambil berat tentang masalah perlanjutan tempoh pajakan di kampung-kampung tersebut. Kerajaan negeri akan berusaha untuk meningkatkan kecekapan Pejabat Tanah untuk menguruskan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kampung baru, kampung bagan dan juga kampung tersusun. Selain itu saya ingin menegaskan bahawa kerajaan negeri tetap tidak menyokong kerajaan pusat untuk menujuhkan satu lagi JKJK Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan di kampung baru, kampung bagan dan kampung tersusun. Sekian. Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker dan ahli-ahli dewan. Kerajaan negeri Selangor telah mengambil maklum mengenai isu-isu perjanjian yang telah dileraikan oleh kerajaan persekutuan ke atas negeri-negeri yang di takbir oleh pihak pembangkang. Ahli Majlis Mesyuarat Negeri juga telah mengambil maklum mengenai isi-isi perjanjian yang telah dileraikan oleh kerajaan persekutuan sebelum ini, di mana perkara ini telah dibincangkan di dalam mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum ini. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor (MTPN) yang telah ditubuhkan untuk membantu menjalankan aktiviti pelancongan di negeri Selangor telah menerima arahan untuk tidak memberarkan menjalankan aktiviti pelancongan dan tidak dibenarkan mempunyai sebarang hubungan kerja dengan pihak kerajaan negeri. Saya ingin membaca dengan izin Tuan Speaker sebahagian daripada minit, di mana arahan ini dinyatakan. "MTPN Negeri telah pun menyenaraikan *signature events* masing-masing sempena Tahun Melawat Malaysia. Adalah dimaklumkan bahawa keputusan Mesyuarat Bersama Menteri Pelancongan Malaysia pada 25 Mac 2008 telah menetapkan bahawa senarai acara bagi beberapa negeri iaitu Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan digugurkan daripada senarai acara *signature events* berkenaan Lampiran A". Sehubungan itu pihak tuan dan puan adalah dipohon tidak menyenaraikan acara berkenaan dalam *calendar of events*, Laman Web serta sebarang bahan promosi dan publisiti. Oleh yang demikian tiada sebarang acara yang telah dirancang sebagai acara negeri dijalankan memandangkan peruntukan untuk acara-acara ini telah ditarik balik oleh pihak kerajaan persekutuan, walaupun kerajaan negeri bersedia untuk memberi kerjasama dengan beberapa bantuan logistik seperti lokasi, kemudahan keadaan setempat, keselamatan dan lain-lain, namun kerajaan persekutuan masih tidak boleh menerima keadaan ini. Ini adalah satu perkara yang merugikan industri pelancongan dan dapat menjaskan imej Malaysia

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** dan dapat menjaskan imej Malaysia.

**TUAN SPEAKER :** Ha, ya Bukit Lanjan. Ya ada apa-apa.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya tidak memberi laluan .

**TUAN SPEAKER :** Tak dengar tekan tekan.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Boleh minta penjelasan

**TUAN SPEAKER :** Nak minta penjelasan.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Bagaimana? Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya tidak akan memberi laluan kepada budak, budak-budak suruhan Menteri Pelancongan. Duduk (Tepuk)

**TUAN SPEAKER :** Dia tak beri laluan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Saya ingin sambung Tuan Speaker. Dan dapat menjaskan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Malah kerajaan persekutuan telah melantik Pengerusi MTPN yang baru bagi MTPN di bawah negeri-negeri Pakatan Rakyat. Saya juga rasa hairan mengapa EXCO dari penggal dahulunya tidak dilantik sebagai Pengerusi MTPN yang baru ini. Dengan ini kerajaan negeri telah mengambil satu inisiatif untuk mewujudkan satu kerjasama dengan negeri-negeri Pakatan Rakyat dengan menjalankan aktiviti-aktiviti pelancongan bagi membantu memajukan industri pelancongan di negeri ini agar tidak ketinggalan untuk menerima kedatangan pelancong yang Selangor telah mencapai seramai 5.3 juta bagi tahun 2007. Kalau kerajaan persekutuan sudi membentuk koridor-koridor ekonomi, negeri-negeri Pakatan Rakyat akan bekerjasama dan membantu koridor pelancongan antara lima negeri-negeri. (Tepuk)

Bagi tahun 2008 kerajaan negeri ingin mensasarkan seramai 5.4 juta pelancong untuk kedatangan dalam dan luar negara. Oleh yang demikian kerajaan negeri akan bekerja keras untuk memastikan segala aktiviti pelancongan seperti promosi, *maintenance* dengan izin di kawasan tarikan pelancongan di selenggara oleh PBT, acara pelancongan dan lain-lain aktiviti berjalan lancar di negeri Selangor. Buat masa ini kerajaan negeri telah menerima.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker minta penjelasan

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Satu.

**TUAN SPEAKER :** Ya Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Tangguhan..

**TUAN SPEAKER :** Bukit Lanjan

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Ya

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Bagi laluan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Tunggu sebentar.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya tidak akan memberi jalan. Saya ada banyak perkara di mana saya ingin mengemukakan dalam dewan ini. Minta maaf. Buat masa ini kerajaan negeri telah menerima lagi satu penangguhan untuk meneruskan projek-projek RM Ke 9 di mana Kementerian Pelancongan telah mengeluarkan arahan untuk menangguhkan semua projek RM Ke 9 yang masih belum mengeluarkan surat pelantikan kontraktor sebelum 5 Mei 2008. Arahan tersebut telah dikeluarkan pada 12 Mei 2008 oleh pihak Kementerian Pelancongan Malaysia kepada semua negeri. Untuk makluman Dewan, Pejabat Pembangunan Negeri Selangor telah mengadakan Mesyuarat Perolehan Tender Bagi Projek-projek RM Ke 9 Pelancongan pada 9 Mei 2008. Sehubungan itu projek-projek ini mempunyai potensi untuk ditangguhkan oleh kerajaan persekutuan. Ini akan mengendalakan segala projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan sebelum ini. Malahan pihak konsultan bagi projek-projek ini telah menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya untuk menaik taraf dan mengjudkan suasana baru di kawasan tarikan pelancongan yang telah diluluskan sebelum ini oleh kerajaan persekutuan. Sepatutnya kerajaan persekutuan lebih peka kepada situasi pembangunan memandangkan ini adalah satu kebaikan untuk negara bagi menyambut kedatangan pelancongan pelancong ke negara ini agar imej Malaysia tidak terjejas tanpa menyekat sebarang projek pembangunan pelancongan.

Bagi negeri Selangor sebanyak 10 projek di bawah RM Ke 9 yang diperuntukkan sebanyak 25.5 juta telah dibawa ke Mesyuarat Perolehan Tender tersebut dan adalah seperti berikut :

1. Peningkatan kemudahan pelancongan di Pusat Litar Minibike Antarabangsa di Sementah, Klang yang kosnya 2.5 juga.
2. Menaik taraf kemudahan pelancongan Alorceh Minah, Pulau Ketam 3 juta.
3. Peningkatan kemudahan pelancongan di Sungai Batu Selayang, Selayang RM1 juta.
4. Peningkatan kemudahan pelancongan di Taman Rimba, Templer Rawang RM1 juta.
5. Peningkatan kemudahan pelancongan Litar India Klang 3 juta.
6. Peningkatan kemudahan pelancongan di Bukit Frazer, Hulu Selangor RM 2 juta.
7. Peningkatan kemudahan pelancongan di Gua Damai, Batu Caves RM500 ribu.

8. Peningkatan kemudahan pelancongan di Kawasan Pantai Bagan Lalang *Track walk* dengan izin Sepang RM2.5 juta.
9. Peningkatan kemudahan pelancongan di Taman Alam, Kuala Selangor RM 2 juta, dan
10. Cadangan pembangunan kemudahan pelancongan Kuala Selangor RM 8 juta.

Dan jumlahnya RM25.5 juta. Ini adalah merupakan satu cabaran yang telah diambil oleh kerajaan negeri Selangor buat masa ini dalam industri pelancongan. Namun kerajaan negeri telah dan akan berusaha sepetimana yang dimaklumkan pada awal pagi ini. Untuk mengatasi keadaan ini dengan mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak terlibat termasuk pihak swasta untuk mengatasi keadaan ini agar sasaran pelancongan negeri Selangor akan tercapai dan kehidupan rakyat yang bergantung kepada sektor pelancongan tidak terjejas, walaupun kerajaan persekutuan masih pekat dan buta di musim pasca tsunami politik pada suara rakyat. Ini langsung tidak bermaksud kerajaan negeri Selangor akan mengabaikan rakyatnya. Kerajaan negeri Selangor juga berusaha untuk menaik taraf kawasan *eco-tourism* bagi menepati cita rasa para pelancong dan menyediakan kemudahan kepada para pelancong. Pelbagai usaha secara langsung dan tidak langsung untuk menjaga imej pelancongan negeri Selangor untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri Selangor akan dijalankan.

Kerajaan negeri juga bekerjasama dengan sektor swasta untuk mempromosikan hospital dan kolej melalui penyediaan, *browser*, VCD, Laman Web yang baru dan pelbagai cara untuk menarik para pelancong menyertai pakej-pakej pendidikan dan rawatan serta dapat memberi layanan baik kepada para pelancong. Hubungan baik dua hala antara Selangor dan sesebuah negara juga dapat menarik para pelancong untuk menikmati kemudahan pelancongan dalam kedua-dua bidang ini.

Kerajaan negeri Selangor juga akan memperbanyakkan bahan-bahan promosi dan pakej-pakej pelancongan untuk persediaan negeri Selangor menarik kedatangan pelancong. Ini memandangkan negeri Selangor akan menyertai program-program promosi ke destinasi tertentu dan negeri Selangor telah mempunyai *Selangor Tourism Information Centre*, dengan izin yang terletak di balai ketibaan KLIA sejak awal bulan ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Pandamaran.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHI EW :** Tuan Speaker dan kepada semua Y.B-Y.B, yang saya hormati sekalian. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Y.B. yang menyentuh ataupun memberi cadangan ataupun memberi kritikan mengenai isu-isu yang berkait dengan Kerajaan Tempatan. Dan banyak isu-isu yang di bawa oleh Y.B.-Y.B. adalah, adalah secara *spesifik* dan sebelum saya cuba menjawab isu-isu yang spesifik itu saya ingin mengatakan bahawa saya rasa sedih kerana ada Y.B. di Dewan yang mulia ini mengeluarkan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas. Kepada isu-isu yang spesifik yang mengenai penambahbaikan perkhidmatan PBT yang ada berkaitan dengan pelantikan Ahli Majlis. Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengambil keputusan bahawa kita tidak akan mengikut cara tradisi yang lama. Semuanya Ahli Majlis dilantik oleh kerajaan dan semuanya terdiri daripada ahli-ahli politik. Dan kita telah mencapai satu *consensus* iaitu kita akan memberi peluang kepada NGO yang terdiri daripada

profesional dan juga, aktivis, orang-orang kurang upaya dan sebagainya. Jadi kita telah mengambil keputusan lebih kurang 25% ataupun satu suku terdiri daripada NGO dan profesional. Dan senarai ini akan disiapkan pada akhir bulan ini dan akan diumumkan dengan secepat mungkin dan saya rasa angkat sumpah boleh diadakan pada permulaan bulan Jun. Dan mengenai pilihan raya PBT, Pakatan Rakyat juga akan mengembalikan *election* ataupun pilihan raya untuk PBT, tetapi ini tidak akan dapat diadakan dengan cepat..

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, boleh beri laluan?

**TUAN SPEAKER :** Ia Pandamaran macam mana, Bangi minta laluan?

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIW :** Saya baru *start* sahaja, boleh tunggu sekejap?

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Ia, boleh? Saya hendak sampaikan hasrat rakyatlah. Sekarang mereka agak gelisah oleh kerana terlambau lama menunggu pelantikan. PBT-PBT telah menggantung kontrak-kontrak seperti memotong rumput, membersih kawasan dan sebagainya sehingga pekan-pekan, bandar juga ertinya juga sudah semak dengan sampah dan sebagainya oleh sebab pekerja-pekerja sudah tidak berkhidmat lagi kerana mereka telah digantung. So, kalau di tangguh begitu lama akan berlonggok-longgoklah sampah dan sebagainya dan kotor tempat kami, risau berterusan menerima aduan yang sedemikian dan kita tak dapat hendak jawab secara logik yang mereka boleh terima. Maaf, terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIW :** Y.B., sebenarnya Kerajaan Tempatan yang di bawah portfolio saya ini kita tidak ada bercadang menggantungkan apa-apa pekerja ataupun projek-projek. OSC ataupun *One Stop Centre* dibenarkan berjalan sejak, sebaik sahaja selepas pilihan raya pada 8hb. Mac tapi saya rasa ada *rumors* ataupun khabar anginlah yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu. Sebenarnya semua urusan dijalankan dengan lancar. OSC dibenarkan berjalan. Semua permintaan ataupun permohonan untuk bangunan semua diteruskan. Cuma, cuma projek-projek yang menghabiskan kos yang banyak yang kita tidak beri laluan kerana kita bimbanglah rekod *Local Council* ataupun PBT pada masa yang lalu tidak berapa sihatlah, jadi cuma itu sahaja kita berhentikan. Dan semua YDP dikekalkan, semua ketua-ketua bahagian di semua PBT dikekalkan, semua dijalankan dengan lancar. Mengenai pilihan raya untuk PBT, saya tadi katakan kita tidak boleh buat secepat mungkin kerana ia ada unsur-unsur *legal*, dengan izin ya. Satu sebab yang, satu halangan perundangan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu ialah Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171 sub-seksyen 15(i) menyatakan seperti berikut :

Walau apa juu yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, semua peruntukan-peruntukan berhubungan dengan pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa atau mempunyai kesan.

Walau bagaimanapun kerajaan negeri akan mendesak supaya Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan meminda akta tersebut bagi membolehkan pilihan raya diadakan di Kerajaan Tempatan. Jadi kalau boleh kalau dengan ada kerjasama kerajaan pusat, mungkin boleh kita dapat mengadakan, mengembalikan pilihan raya untuk Kerajaan Tempatan dalam masa 3 atau 4 tahun selepas ini. Tuan Speaker, mengenai penguatkuasaan rumah urut, pusat hiburan dan sebagainya. Sebenarnya kerajaan baru

masih menjalankan dasar-dasar yang diadakan oleh kerajaan yang lama mengenai pusat-pusat hiburan, refleksologi, dan sebagainya ataupun *cybercafe*. Jadi kita tidak ada dasar yang baru lagi, cuma kita cuba, cuba mengadakan langkah-langkah seperti kita memberi arahan kepada PBT bahawa PBT memberi semua arahan kepada *cybercafe* bahawa semua cermin yang gelap itu ditukarkan dengan cermin yang cerah. Ini untuk mengelakkan ada-ada pusat tertentu menjadikan pusat mereka *gambling* ataupun perjudianlah.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Minta penjelasan Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Dan sebenarnya semua PBT telah menjalankan..

**TUAN SPEAKER** : Ia Pandamaran, Teratai minta laluan.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Biar saya lepaskan yang ini dulu ya. Semua PBT diberi arahan untuk memberi, membuat pemantauan dan saya ada satu *list*. Contohnya di MBPJ 213 premis telah diperiksa, MBSA 17 premis dan ada yang disita dan 2 ditutup di MDKS dan 10 premis di kompaun di MDSB dan sebagainya. Jadi tindakan ada diadakan supaya kita dapat mengelakkan elemen-elemen yang tidak negatiflah supaya menghalang mereka menjalankan aktiviti yang negatif. Mengenai pengeluaran CF kepada Pangaspuri Mutiara Court. Sebenarnya Pangaspuri Mutiara Court melibatkan pembangunan 232 unit pangaspuri kos sederhana 5 tingkat dibangunkan oleh Syarikat West Court Corporation telah di isytihar gulung tikar oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 21hb. Ogos 2007. Badan Pengurusan Bersama ataupun *Joint Management Body*, JMB Mutiara Court telah ditubuhkan pada 23hb. Februari, 2008. Syarikat Rain and Horn iaitu agen pengurusan yang dilantik oleh JMB Mutiara Court telah mula mengambil alih pengurusan dan penyelenggaraan pemajuan berkenaan sejak 1 April. Berkenaan persoalan mengapa MPSJ mengeluarkan Sijil Layak Menduduki walaupun bekalan air dan elektrik belum disalurkan. Untuk makluman Y.B., apabila sistem OSC, ataupun *One Stop Centre* diperkenalkan oleh KPKT pada November 2003, kelulusan Sijil Layak Menduduki tidak lagi memerlukan sokongan daripada Syarikat Bekalan Air dan TNB lagi sebagai langkah mempercepatkan tempoh pengeluaran Sijil Layak Menduduki ataupun CF oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun pemaju perlu berurusan terus dengan kedua-dua syarikat berkenaan tersebut untuk menyediakan utiliti asas berkaitan sebelum penyerahan milikan kosong ataupun *vacant perfections* kepada pembeli-pembeli dilakukan. Saya beri laluan kepada Y.B. dari Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Mengenai tadi yang dikatakan itu Cyberjaya, saya hendak tahu minta penjelasan adakah itu masa tutup untuk setiap Cyberjaya di setiap PBT adalah sama atau tidak sama.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : *Cybercafe*.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Ha, untuk *cybercafé* yang tadi disebutkan sebab di kawasan saya, iaitu Majlis Perbandaran Ampang Jaya masa tutup adalah pukul 1.00 tetapi di kawasan yang lain dia masa tutup adalah 1.00 pagi ya, a.m. dan ada kawasan yang pukul 3.00 dan ada banyak kali itu *Cybercafe* dia, *cybercafé sorry*, *cybercafé* apabila dia habiskan kerja dia tutup pintu tapi penguat kuasa yang masuk ke dalam dan bagi mereka saman kerana katakan dia tidak tutup dalam masa yang ditetapkan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIW :** Terima kasih Y.B. Teratai. Sebenarnya saya sendiri pun menerima aduan-aduan sebegini. Sebenarnya PBT sedang mengadakan satu garis panduan yang baru kerana satu daripada aduan daripada pengoperasi *cybercafe* bahawa mengikut normalnya, mengikut *international standard*, orang yang hanya ada masa, orang yang pergi Internet hanya ada masa selepas pukul 11.00, pukul 12.00, khasnya pelancong dari luar negeri. Mereka perlukan perkhidmatan *cybercafe* selepas *midnight*. Kalau kita tutupkan semua *cybercafe* sebaik sahaja 12.00, pada pukul 12.00 malam, maksudnya ini akan menjelaskan perkhidmatan *cybercafe-cybercafe* masing-masing. Sebab itu kita adakan, mengadakan garis panduan yang baru kerana kita memandang berat hal ini. Kita mahu ada *cybercafe* dan kita kena menjamin perkhidmatannya adalah baik untuk semua pelanggan, khasnya kepada pelancong dari negara asing. Kita faham, kita memahamilah kalau kita tidak ada garis panduan yang *uniform*, yang *standard* memang akan merumitkan operasi, operasi *cybercafe*.

Saya teruskan Tuan Speaker untuk menjawab isu-isu yang spesifik. Mengenai kekurangan tempat riadah dan komuniti di kawasan pangsapuri kos rendah. Kerajaan negeri sekarang menyedari bahawa tempat-tempat riadah, kemudahan sukan untuk para belia dan kemudahan untuk aktiviti komuniti setempat sangat terhad di kawasan pangsapuri kos rendah terutamanya di Desa Menteri dan Taman Medan seperti mana yang dibangkitkan oleh Y.B. Seri Setia. Kawasan tersebut mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan kemudahan yang disediakan itu memang oleh pemaju adalah tidak mencukupi. Kerajaan negeri melalui PBT juga berusaha untuk menyediakan kemudahan tambahan kepada penduduk tempatan. Walau bagaimanapun ketiadaan tapak yang sesuai menyukarkan pihak kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan tambahan kepada penduduk. Bagi mengelakkan perkara yang sama berulang di kawasan-kawasan perumahan yang baru dan belum diluluskan oleh PBT kerajaan negeri akan mengarahkan PBT supaya mensyaratkan pemaju menyediakan kemudahan riadah dan pusat-pusat komuniti yang mencukupi sebelum pelan pembangunan diluluskan. Mengenai satu isu yang agak hangat iaitu Kompleks 3C Majlis Perbandaran Subang Jaya sebagai projek gajah putih. Untuk makluman Y.B. kompleks 3C ini mula dibina pada tahun 2002 dan di siap pada tahun 2004. Kompleks ini telah memulakan operasinya pada tahun 2006 dan antara aktiviti yang dijalankan di kompleks tersebut adalah seperti program perkembangan kanak-kanak antara 3 hingga 5 tahun, program pra-sekolah yang bermula pada 3 Mei, Projek Perintis Nasum untuk kanak-kanak Emtisma bermula pada Januari 2007. Program Pusat Anak Permata Negara pada bulan Mac 2007, Program dan aktiviti anak-anak remaja dan dewasa seperti canting batik, kelas Bahasa Inggeris dan lain-lain, program pengajian jangka panjang dan pendek seperti *Fashion Trade Institute of Malaysia* bermula Disember 2006 dan pusat pendidikan integrasi Islam Seri Pintar Al-Amin. Selain itu kompleks ini menyediakan pusat pembelajaran, bengkel kanak-kanak, galeri dan *pattting zoo* yang dibuka pada pertengahan tahun 2007. Pada masa ini MPSJ sedang dalam proses pengubahsuaian di aras 2 dan 3 untuk menempatkan perpustakaan *Hypermedia* MPSJ dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada September 2008. Jadi katakan kompleks ini adalah gajah putih kurang tepatlah. Dan bagaimanapun kita akan memantau supaya menjamin Kompleks 3C ini akan digunakan dengan sepenuhnya.

Mengenai cukai pintu kawasan perindustrian Rawang yang tinggi berbanding dengan kawasan perindustrian di Shah Alam. Y.B. di Rawang ya. Untuk makluman, kawasan Rawang *Integrated Industry Area* yang dikategorikan sebagai kawasan maju oleh MPS dan kadar cukai pintu yang dikenakan adalah 12%. Memang betullah, kadar cukai pintu yang dikenakan bagi kawasan maju di Shah Alam adalah 7.5%. Walau bagaimanapun

apabila dikira nilai sebenar sekaki persegi antara kawasan maju di MPS dan MBSA, nilai yang perlu dibayar oleh pemilik kilang di MBSA adalah lebih tinggi berbanding MPS di sebabkan nilaiann tahunan di Shah Alam adalah sekitar 0.90 sen manakala di Rawang hanyalah sekitar 0.50 sen sekaki persegi.

Ok, mengenai isu yang seterusnya. Kurangnya pemantauan PBT terhadap perkhidmatan-perkhidmatan asas PBT. Jawapan saya ialah macam ini ya. Berhubung dengan perkara kurangnya pemantauan Majlis Perbandaran Selayang terhadap kerja-kerja pemotongan rumput, longkang, lampu jalan dan pemberian-pemberian jalan yang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor MPS seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Taman Templer, MPS sentiasa memantau terus kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor terlibat selain melalui aduan orang ramai yang diterima oleh MPS sendiri, tetapi saya ingin memberitahu Y.B-Y.B bahawa banyak kontraktor yang diadakan pada masa dulu memang ada masalah dan ini adalah kerana ada campuran tangan, campur tangan orang politik, faham-faham sajalah apabila saya sebut orang-orang politik pada masa yang dulu. Jadi kita kena meneliti dan kita kerajaan baru akan menjaminlah hanya kontraktor-kontraktor yang berkualiti akan diberikan kerja sebaik sahaja kita mendapatkan mereka ada terlalu banyak kontrak, syarikat yang sama mendapatkan kontraktor yang terlebih kita akan berhentikan, ada kontraktor kalau dia ambil kontrak sahaja tetapi tidak menyempurnakan kerja mereka kita akan `black list' syarikat mereka sebab ini kerajaan yang baru.....

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Tuan Speaker, minta laluan....

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Tak bagi peluang, mahu lebih ramai kontraktor ataupun usahawan tetapi kita tak mahulah lagi ada syarikat ataupun orang politik yang tertentu ada seorang misalnya di MPK saya difahamkan. Dia seorang ada `developed' syarikat yang dalam nama-nama yang berlainan tetapi taukenya sama.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Pandamaran, Teratai minta laluan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Minta laluan. Tuan Speaker, bolehkah saya tahu adakah kerajaan bersedia untuk membuka tender untuk sebuah PBT untuk semua kontrak-kontrak yang terlibat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Soalan ini sangat tepat kerana untuk menutup semua lubang-lubang rasuah kita telah bercadang bahawa apabila majlis semua dilantik, orang politik tidak akan diberikan peluang untuk menduduki dalam tender `board' dan sebagainya kerana mengikut pengalaman yang lama, berdasarkan `feed back feed back' daripada semua YDP dari semua PBT mereka katakan boleh, kalau boleh elakkan orang politik, jadi kita akan mencadangkan hanya ahli majlis daripada NGO diberikan peluang dalam tender `board' dan sebagainya. Memanglah semua tender ataupun sebut harga akan dibuat dengan secara telus dan kita akan cuba mempamerkan nama-nama semua kontraktor yang mendapat projek itu di dalam laman web dan dalam semua Kerajaan Tempatan dan untuk makluman semua Y.B-Y.B. di sini semua PBT telah ada laman web masing-masing jadi kita boleh gunakan laman web itu untuk memaparkan kontraktor-kontraktor supaya menjaminkan transparensi ataupun ketelusan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Tuan Speaker, minta laluan untuk Kajang.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Berkaitan dengan kontraktor yang kurang menjalankan tugas dalam pembersihan ataupun cuci longkang dan sebagainya ada satu cadangan bahawa persatuan penduduk ataupun Jawatankuasa Kemajuan Kampung diberi mandat, diberi tugas untuk menandatangani kepuasan daripada kerja yang dibuat oleh kontraktor itu, kalau sistem ini boleh dilaksanakan strategi ini merupakan satu cara untuk memeriksa sama ada kontraktor itu menjalankan tugas, kalau sekiranya kontraktor itu tidak menjalankan tugas maka pihak Persatuan Penduduk ataupun JKKK boleh membuat aduan melalui borang kepuasan ini kepada PBT, sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih Y.B. Kajang, saya rasa kita akan `study'lah cadangan yang dikemukakan oleh saudara Y.B. Mengenai bangunan keagamaan bukan Islam kerajaan negeri pada masa yang dululah menyediakan hanya peruntukan tahunan sebanyak RM3 juta setahun untuk bantuan baik pulih bangunan keagamaan bukan Islam. Perhubungan insentif cukai taksiran PBT sememangnya tidak mengenakan sebarang cukai taksiran bagi bangunan tokong, kuil raja yang berada di atas tapak pegangan untuk bangunan keagamaan. Manakala bagi bangunan keagamaan yang berada di atas tanah pegangan lain-lain, PBT boleh mengecualikan cukai taksiran sepertimana yang terkandung dalam seksyen *one three four* dan *one three five* Akta Kerajaan Tempatan. Selepas mendapat.....

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Pandamaran bila menggunakan bahasa Inggeris, tolong minta izin...

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Sorry ?

**Y.B. TUAN SPEAKER** : Bila menggunakan bahasa Inggeris, tolong minta izin...tadi...*one three five*, *one three four* tu kalau nak gunakan mestilah gunakan dengan izin....

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Dengan izin, di samping itu Jawatankuasa Bangunan Keagamaan Bukan Islam satu Jawatankuasa Bangunan Keagamaan Bukan Islam telah diadakan yang dipengerusikan bersama oleh Y.B. Teresa Kok, Y.B. Dr. Xavier dan saya sendiri, kita sedang menyediakan cadangan mengenai bentuk-bentuk bantuan lain yang boleh disalurkan oleh kerajaan negeri kepada tokong, kuil dan gereja. Cadangan ini akan dilaksanakan selepas di bentang dan diluluskan oleh kerajaan negeri. Kita memang mahu menjadikan peruntukan ini lebih `balance' dengan izin kalau dibandingkan dengan era yang lama. Seterusnya kontrak Alam Flora bersama PBT. Sehingga kini pengurusan sisa pepejal di semua PBT Selangor kecuali di Majlis Daerah Hulu Selangor telah dijalankan oleh Alam Flora melalui perjanjian interim antara PBT dan Alam Flora yang ditandatangani untuk tempoh setahun dan diperbaharui dari setahun ke setahun. Memandangkan pengurusan sampah yang dijalankan oleh Alam Flora masih mendapat rungutan penduduk dan memerlukan PBT menyediakan peruntukan yang besar kerajaan negeri sedang mengkaji kemungkinan untuk menamatkan kontrak tersebut dan menubuhkan Lembaga Pengurusan Sampah Selangor yang akan dikendalikan oleh anak syarikat kerajaan negeri iaitu *World Wide*. Cadangan ini akan dibentangkan kepada kerajaan negeri setelah kajian siap dijalankan. Mengenai pembangunan Bukit Melawati Ampang dan juga pembangunan-pembangunan, projek-projek di kawasan Ampang dan saya sendiri telah pergi ke MPAJ

beberapa kali untuk cuba untuk menyelesaikan masalah-masalah ataupun mendengar apakah aduan-aduan daripada orang awam. Kita rasalah dalam masa yang lalu memang terlalu banyak projek yang diadakan di lereng bukit yang tidak munasabahlah. Jadi bagi mengatasi masalah tidak terkawal pembangunan kawasan tanah tinggi sehingga mendatang kesan alam sekitar, dalam kejadian tanah runtuh serta menjana kepada penduduk, kerajaan negeri telah menetapkan dasar tidak membenarkan kawasan berkecerunan kelas tiga dan empat iaitu kawasan tanah yang berkecerunan melebihi 25 darjah diluluskan untuk pembangunan. Melalui dasar ini kawasan-kawasan tersebut akan dikenalkan sebagai kawasan hijau yang kekal. Mengenai 'bill board' mesra rakyat...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Soalan tambahan ...

**TUAN SPEAKER** : Ya.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Untuk pembangunan di cerun bukit seperti yang disebutkan tadi, kalau ada projek yang baru saja tapi diluluskan oleh kerajaan yang lepas, apakah tindakan yang akan diambil terhadap syarikat-syarikat ataupun 'developers', dengan izin itu.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih Y.B. Untuk projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan yang lepas, kita hanya boleh buat pemantauan yang lebih rapat, itu saja kita boleh buat dan kita mintalah semua penduduk bersama-sama yang terlibat bersama-sama tolong memberi kerjasama kepada kerajaan supaya pemantauan akan dijalankan dengan teliti untuk mengelakkan runtuh tanah dan sebagainya. Dan untuk 'bill board' mesra rakyat, inilah maklumat-maklumat yang saya ingin sampaikan kepada semua Y.B. Projek pembinaan 'bill board' mesra rakyat telah dilaksanakan oleh kerajaan yang terdahulu di mana syarikat iaitu syarikat Karisma Vista mempunyai perjanjian sehingga Disember 2008. Saya difahamkan ada Y.B. pada masa dahulu, dia sendiri terlibat dalam syarikat ini. Dalam perjanjian ini setiap Y.B. ADUN kawasan akan dibekalkan tiga 'bill board' dan sebagai balasan pihak syarikat akan mendapat tiga, enam 'bill board' untuk tujuan komersial. Ini sangat membawa keuntungan kepada Y.B. yang terlibat itu. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan supaya setiap Y.B. ADUN hanya menggunakan satu 'bill board' sahaja untuk tujuan promosi masing-masing. Dua 'bill board' lagi akan diserahkan dan diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing dan hasil pendapatan akan menjadi hasil kepada PBT tersebut.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, minta penjelasan. Saya tertarik dengan 'bill board' yang disebutkan tadi ada Yang Berhormat, bekas Yang Berhormat yang terlibat untuk menyediakan 'bill board' tersebut. Boleh sebutkan nama siapa yang terlibat tu, kita nak tahu, dia orang ni nak tahu, terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Minta maaf daripada Sekinchan kerana saya belum dapat, saya akan mendapatkan lebih lanjutlah supaya akan buat satu pendedahan yang sepenuhnya, sepenuhnya pada masa akan datang.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA B ABD. KASIM** : Tuan Speaker, minta laluan, saya minta laluan.....

**TUAN SPEAKER** : Ya Pandamaran.....Batang kali minta laluan.....

**Y.B. TUAN MOHD. ISA B ABD. KASIM** : Saya minta kalau belum ada fakta yang tepat, yang jelas jangan suka sebut-sebut, sampai Sekinchan tanya pun tak boleh nak jawab, saya belum dapat bukti, saya belum dapat, ini dewan yang mulia tidak boleh tuduh-tuduh, tolong beri penjelasan secara fakta, sebab ini boleh melibatkan, mengaibkan orang yang lain. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Saudara Y.B., adakah tadi saya sebut saya akan mendedahkan apabila semua fakta dengan sepenuhnya, jangan bimbang saya akan mendedahkan.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA B ABD. KASIM** : Tuan Speaker, tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Cukuplah, cukuplah, sedikit lagi kita ada banyak masa...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker dan Y.B. Pandamaran. Saya hanya ingin menanya adakah satu jawapan bertulis selepas semua fakta ini sudah sedia ada boleh dibekalkan ke dewan yang mulia ini supaya sebagai satu jawapan kepada soalan-soalan yang ditujukan, satu jawapan bertulis agar semuanya rekod penswastaan kontrak-kontrak bukan sahaja `bill board' malahan tempat letak kereta swasta kontraktor-kontraktor Alam Flora dan sebagainya boleh kita ada satu `clean' dengan izin, `clean list' satu `check list' yang cukup lengkap kemudian nanti.

**TUAN SPEAKER** : Sebelum Yang Berhormat Pandamaran menjawab saya ingin membuat satu pemerhatian, apabila Yang Berhormat sekalian merujuk kepada ahli yang lain tolong sebut Yang Berhormat itu cara yang lebih sopan daripada menyebut Y.B. Itu bukan amalan dewan ini, saya berikan peringatan. Silakan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW** : Terima kasih. Sebenarnya mengenai *bill board* yang disebutkan kita sedang mengadakan satu garis panduan yang baru untuk `bill board' kerana kita difahamkan kebanyakannya adalah `bill board' yang ada di semua kawasan PBT adalah tidak *legal* atau tidak ada izin ataupun kebenaran sepenuhnya. Ada yang tak ada TOL daripada Pejabat Tanah, ada yang tidak ada permit dan kita akan adakan satu rombakan semula mengenai `bill board' ini, kerana kalau kita dapat membetulkan operasi `bill board' ini akan membawa banyak keuntungan kepada semua PBT masing-masing. Dan tentu apabila garis panduan yang baru telah diadakan kita akan membuat satu laporan yang terperinci yang sepenuhnya kepada semua Yang Berhormat yang akan dapat peluang untuk memahami isu ini. Mengenai semakan semula ke atas perjanjian penswastaan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Ke sepuluh pada 1 April 1998 telah meluluskan pelaksanaan sistem kutipan hasil tempat letak kereta bersepadu secara berbayar dan peraga (*pay and display*) dengan izin di seluruh negeri kepada dua syarikat, iaitu Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd(SSESB) dan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. (GPSB). Tempoh konsesi adalah selama 20 tahun bagi GPSB dan 25 tahun bagi SESB. Tiada perjanjian utama dengan kerajaan negeri. Perjanjian ditandatangani dengan PBT yang terlibat dengan kedua-dua syarikat konsesi. Kedua-dua syarikat telah dipanggil untuk memberi penjelasan lanjut kepada kerajaan negeri bagi membuat penilaian ke atas isu ini. Jadi kita telah mendapati banyak masalah dan juga kelemahan dalam sistem yang sedia ada itu dan kita akan membuat penilaian yang sepenuh-penuhnya sebelum kita mengadakan dasar yang baru terhadap penswastaan *parking* yang serius ini.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Yang Berhormat Pandamaran. Rawang minta laluan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Yang Berhormat, saya ingin bertanyakan berapakah peratusan daripada perjanjian antara penswastaan kontrak tempat letak kereta ini, keuntungan jumlah sebegini berapa peratusankah akan diberi balik kepada PBT.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Ya, kepada Yang Berhormat daripada Rawang. Sebenarnya kita mendapati perjanjian yang diadakan sekarang itu lebih memihakkkan kepada syarikat tertentu. Misalnya kalau kita mendapat keuntungan itu hanya tiga puluh persen untuk PBT, tujuh puluh persen untuk syarikat. Ini adalah satu cara yang tidak betul dan kita akan membetulkan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker minta laluan. Yang Berhormat Pandamaran. Berkaitan kes Mutiara Court yang telah dijelaskan tadi. Saya ingin bertanya adakah PBT ataupun kerajaan negeri akan menjadi lebih proaktif dalam menguruskan pembangunan yang tidak bertanggungjawab ini. Saya rasa tanggungjawab pemaju untuk berurusan dengan syarikat bekalan air dan elektrik adalah tidak wajar. Saya rasa PBT harus mempunyai tanggungjawab sebelum memberi sijil kelayakan menduduki supaya pergi memeriksa betul-betulkah tempat itu sudah ada bekalan air atau sudah ada bekalan elektrik. Saya berharap keputusan ini boleh dirujuk semula dan membuat undang-undang yang betul-betul boleh memelihara penduduk. Tindakan tegas juga boleh diambil terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab. Saya rasa PBT mesti lebih berhati-hati dalam memberikan kelulusan pembangunan kepada pemaju. Rakyat harus dipelihara dan bukan

**TUAN SPEAKER :** Subang Jaya. Minta penjelasan ke nak buat ucapan.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Saya ada buat soalan, saya nak tanya adakah PBT betul-betul akan menjadi lebih proaktif.

**TUAN SPEAKER :** Itulah ok

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Terima kasih.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Terima kasih. Yang Berhormat saya memang bersetujuh pada masa hadapan semua PBT haruslah membuat pemantauan yang lebih teliti. Kerana memang ada aduan daripada orang ramai bahawa ada masalah *over certification* dengan izin. Maksudnya walaupun kerja-kerja itu belum dilaksanakan tetapi *certificate* dengan izin, sijil telah dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu. Ini sudah telah menjadikan satu masalah yang besar khasnya di negeri Selangor. Sebab itu kita memintalah kita akan menjamin semua PBT akan mengadakan pemantauan yang lebih teliti dan lebih baik dan berkesan. Kepada Tuan Speaker dan semua Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, semua cadangan dan teguran dan kritikan akan diambil oleh saya sendiri dengan hati yang rendah diri dan kita akan sedaya upaya mempertingkat lagi semua imej PBT di negeri Selangor, memang kita mengaku pada masa yang lalu imej PBT ini kurang sihat, kurang cekap, kurang berkesan dan sebagainya. Tetapi adalah kerajaan baru ini merupakan satu nafas baru telah di adakan, satu peluang baru telah diadakan untuk semua pegawai di PBT untuk

mempertingkatkan imejnya masing-masing. Kita, saya selaku EXCO yang menjawat portfolio ini, saya akan bersama-sama dengan semua YDP di semua kedua-dua PBT mengadakan perubahan dan juga merombak semua apa-apa garis panduan yang kurang tepat, kurang baik, termasuk adakah kita perlu memberikan pekedai-pekedai untuk meletakkan kerusi dan mejanya di luar kepada kedainya, adakah garis panduan untuk *signboard*, adakah masih baik dan bagus, serta berkesan, semuanya kita akan tinjau dari masa ke semasa, kita akan membuat perubahan. Saya minta rakyat memberi cadangan dan apa-apa teguran dan kritikan kepada kita dan kita akan cuba menjamin semua ini akan dijalankan dengan lebih baik dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM :** Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SEPEAKER :** Dah habis dah. Cempaka.

**Y. B. TUAN IR. ISKANDAR A. SAMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. Dalam titah DYMM Tuanku baginda telah menaruh harapan agar rakyat baginda akan mendapat tempat kediamannya yang sempurna. Kediaman yang sempurna, Tuan Speaker merupakan satu keperluan asas bagi setiap insan di negeri Selangor dan juga di seluruh negara. Harapan dan cita-cita ini kadang kala bertukar menjadi mimpi yang ngeri apabila kediaman-kediaman yang mereka impikan itu tidak dapat dimiliki walaupun mereka telah mengeluarkan wang yang begitu banyak. Terdapat seratus empat puluh projek pembinaan terbengkalai atau bermasalah di negeri Selangor, di mana seratus lapan darinya adalah projek-projek perumahan. Pembelian sesebuah rumah atau tanah adalah melalui perjanjian jual beli antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah di tandatangan oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku *break of contract* maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mendapati rumah mereka terbengkalai. Kerajaan negeri tidak mempunyai *local standby* untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat. Walau bagaimana pun di atas keprihatinan kerajaan negeri, beberapa langkah telah dilaksanakan melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi membantu mereka-mereka yang terlibat di dalam projek-projek ataupun yang telah membeli rumah-rumah yang terbengkalai ini. Kerajaan negeri sedang berusaha menangani masalah ini dengan bersungguh-sungguh. Buat masa ini terdapat projek yang dipantau dari dekat oleh kerajaan negeri melalui Lembaga bersama-sama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun KPKT. Mesyuarat diadakan dari masa ke semasa bersama pemaju, kontraktor, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Teknikal dan wakil-wakil pembeli untuk memastikan projek-projek itu berjalan lancar. Dan alhamdulillah setakat ini tiga puluh daripada seratus empat puluh projek telah dimulakan semula. Di dalam kes-kes di mana bantuan kerajaan negeri diperlukan untuk memastikan projek itu berjalan lancar, sebarang kelulusan yang perlu dipercepatkan atau di dalam hal-hal tanah makanya ianya akan dihulurkan. Sekiranya melibatkan masalah keperluan jabatan teknikal, maka perbincangan dengan jabatan-jabatan terbabit dibuat bagi membantu mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minimum bagi membolehkan projek itu disambung semula. Tetapi kita tidak akan berkompromi atau mengabaikan isu-isu keselamatan.

Tuan Speaker, kajian juga sedang dilakukan untuk menentukan sama ada tanah projek-projek terbengkalai atau bermasalah boleh dirampas oleh kerajaan negeri agar projek-projek itu dapat dimulakan semula oleh pemaju yang baru. Terdapat projek yang telah

terbengkalai bertahun-tahun seolah-olah pemajuannya tidak berminat untuk meneruskannya. Maka kajian ini perlu diteruskan melalui aspek undang-undang dan saya rasa kalau ianya berjaya maka banyak projek, banyak pemaju-pemaju yang mungkin akan menerima tawaran tersebut.

Tuan Speaker, walau bagaimana pun kuasa penguatkuasaan atau *enforcement*, penguatkuasaan terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab ini sebenarnya di tangan kerajaan pusat iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita ada akta. Akta Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966 di mana menteri boleh mengarahkan pemaju mengambil pihak ketiga untuk menasihatkan mereka menjalankan projek tersebut. Malah menteri juga boleh merampas sesuatu projek itu untuk diberikan kepada pihak ketiga untuk diteruskan sekiranya ianya dirasakan layak. Walau bagaimana pun perkara ini menurut kajian kami belum pernah dilakukan. Pihak kerajaan juga telah, pihak kerajaan negeri juga telah mengingatkan pihak Kementerian akan kuasa-kuasa yang ada pada menteri di dalam pertemuan atau mesyuarat-mesyuarat pemantauan yang dilakukan di antara bersama di antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

Tuan Speaker, selain daripada itu kerajaan negeri juga membuka ruang kepada mana-mana pemaju yang mahu menghidupkan semula projek-projek yang terbengkalai. Terdapat pelabur-pelabur baru yang telah mengemukakan cadangan untuk menyiapkan projek-projek terbengkalai. Dan di antara perkara-perkara yang mereka mahukan daripada kerajaan negeri agar dapat membantu mereka menyiapkan projek-projek tersebut adalah pengurangan cukai tanah yang tertunggak ataupun pembayarannya secara ansuran. Selain daripada itu pemilikan tanah tersebut di sekitar kawasan-kawasan pembangunan dan juga rundingan dengan penduduk-penduduk setinggan. Permintaan ini sedang dipertimbangkan.

Tuan Speaker, di dalam menangani projek perumahan terbengkalai atau bermasalah ini satu *task force* dengan izin sedang dalam penubuhan dan akan digerakkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang. Mereka yang mempunyai kepakaran yang berkaitan akan menganggotai kumpulan ini. Kumpulan ini akan mengenal pasti projek-projek yang boleh dipulihkan agar pelabur-pelabur yang berminat untuk memulihkannya dapat dicari. Pihak bank juga akan ditemui dan membantu melepaskan projek-projek ini kepada pihak ketiga untuk tujuan pemulihan. Walau bagaimana pun, Tuan Speaker, masalah projek terbengkalai ini sungguh rumit kerana setiap projek adalah unik. Bukan semua projek boleh diluluskan, boleh dipulihkan dan pemulihannya tidak akan boleh dilakukan dengan sekilip masa. Yang paling penting, yang paling penting adalah bebanan para pembeli yang terpaksa membayar ansuran bulanan perlu diringankan. Pihak kerajaan negeri telah mengeluarkan surat-surat mengesahkan sesuatu projek itu terbengkalai atau bermasalah. Dengan surat ini adalah diharapkan pihak pembeli dapat menstrukturkan semula pinjaman mereka. Walau bagaimana pun usaha ini sahaja tidak akan memadai. Memandangkan projek-projek perumahan terbengkalai ini merangkumi seluruh negara, kerajaan pusat perlu bertindak dengan lebih drastik, mungkin mengarahkan bank-bank lebih prihatin terhadap kesengsaraan rakyat dengan menangguhkan pembayaran ansuran pinjaman ini. Perkara yang sama telah dilakukan ketika berlakunya bencana alam seperti banjir dan projek perumahan terbengkalai atau bermasalah juga adalah satu bencana yang menimpa negara. Berkenaan dengan perumahan, kerajaan negeri yakin bahawa keperluan perumahan di dalam negeri kita ini akan dapat dicapai. Tetapi tidak ada gunanya kita membina rumah, tetapi ianya tidak mampu dimiliki oleh rakyat. Tidak ada gunanya kita membina rumah tetapi hanya spekulator-spekulator dari luar

negara yang mampu membelinya walhal rakyat tempatan hanya mampu menjadi penonton sahaja. Perbincangan dengan semua pihak yang terlibat dalam industri perumahan akan terus diadakan untuk memastikan agar di dalam kerancakan pembangunan di negeri ini tidak ada rakyat yang terpinggir. Buat permulaan satu seminar yang melibatkan persatuan pemaju, persatuan pembeli rumah dan ahli akademik akan diadakan pada 16 Jun ini dalam usaha untuk mencari jalan penyelesaian.

Tuan Speaker, di hari kedua Persidangan Dewan yang mulia ini Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar telah memberitahu bagaimana anak-anak syarikat kerajaan negeri telah mengalami kerugian akibat projek usaha sama yang hanya menguntungkan sebelah pihak saja. Oleh itu mungkin masanya telah tiba bagi syarikat-syarikat seperti perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri Selangor PKNS kembali kepada tujuan asalnya membina untuk rakyat. Anak-anak syarikat perlu dijadikan *vehicle* dengan izin, untuk menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Pohon laluan,

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kota Damansara minta laluan, silakan.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Terima kasih, kita membincangkan tentang perumahan yang terbengkalai, saya tidak tahu sama ada tindakan untuk mencari mereka. Kenapa mereka tidak melaksanakannya? Yang satu lagi kita menceritakan bahawa perumahan yang ada di mana khususnya rumah-rumah miskin, PPRT, ramai yang tidak duduk di situ akibat dari masalah lif masalah yang tidak diselenggarakan. Dan ini juga satu masalah kerana peringkat pertama apabila bangunan itu baru ada jawatankuasanya membantu melicinkan proses pentadbiran di kawasan mereka tetapi apabila ada masalah mereka membuat aduan kepada pihak-pihak tertentu, aduan itu tidak dilaksanakan hingga penduduk tidak percaya kepada jawatankuasa mereka. Ini menimbulkan pecah belah akhirnya apabila kami melawat ke tempat tertentu, dia tidak kisah siapa masuk keluar maka timbulah masalah jenayah.

Mungkin yang penting itu, penyelenggaraan harus diambil kira kalau bangunan yang ada lif, lif itu harus berjalan. Kalau tak cukup wang, cari wangnya kerana ini adalah golongan yang miskin dan bertahun-tahun kami cuba memperjuangkan masalah setinggan peneroka bandar apabila dipindahkan ke rumah panjang bermasalah, pindah ke rumah miskin atau pangsa dah jadi kawasan setinggan. Ini amat menyediakan kerana telah saya katakan dahulu bahawa anak-anak mereka juga bakal pemimpin kita dan kita tidak harus membiarkan saja mereka. Soalan saya tujukan dengan harapan bahawa perkara ini diambil kira dan kalau ada cadangan tertentu nak saya dengarkan. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Dia belum jawab lagi. Jawab soalan Kota Damansara dulu.

**Y.B. TUAN IR. ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara. Masalah penyelenggaraan bangunan juga sebenarnya satu perkara yang orang kata menghantui penduduk pangsapuri dan kondominium kerana kita selalu melihat bagaimana pemaju dan syarikat pengurusan yang dilantik oleh pemaju sering didakwa oleh penduduk tidak menjalankan tugas mereka. Akibatnya penduduk terpaksa

menanggung, mungkin kesengsaraan dan derita. Di dalam hal ini sebenarnya penguatkuasaan yang lemah menjadi salah satu kepada punca. Buat makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dengan penguatkuasaannya Akta Bangunan dan Harta Bersama Penyelenggaraan dan Pengurusan 2007 atau juga yang dipanggil sebagai Akta 663 pada 12 April 2007 dan pindaan kepada Akta Hak milik Strata Akta 318 pada tahun 2007 satu entiti baru telah diwujudkan yang dikenali sebagai Pesuruhjaya Bangunan atau *Commissioner of Building* dengan izin, ataupun COB.

Di bawah kedua-dua Akta tersebut dijelaskan tugas-tugas COB dalam mengatasi masalah pembeli atau pemilik petak di kawasan pembangunan berstrata yang mana menekankan lebih mengawal selia kesempurnaan, penyelenggaraan dan pengurusan bangunan harta bersama yang dilaksanakan oleh pemaju badan pengurusan bersama JMB, perbadanan pengurusan ataupun *Management Corporation* dengan izin, jadi jika COB ini menggunakan segala kuasa yang ada padanya masalah yang dihadapi penduduk akan dapat diselesaikan tetapi buat makluman Yang Berhormat sekalian bahawa Akta ini masih baru dan COB-COB ini perlu diberikan latihan untuk memastikan mereka memahami akan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Tetapi Tuan Speaker, kedua-dua perlu menjalankan tugas mereka seperti membayar yuran penyelenggaraan atau membawa sebarang pertelingkahan kepada COB.

Masalah yang kita hadapi adalah orang panggil masalah seperti masalah ayam dan telur atau *the chicken and eggs situation* dengan izin, di mana pemaju tidak mahu memberi perkhidmatan yang terbaik jika penduduk tidak mahu membayar yuran perkhidmatan. Dan penduduk pula tidak mahu membayar yuran perkhidmatan sehingga pemaju memberikan perkhidmatan yang terbaik yang mana satu hendak diselesaikan. Oleh itu Tuan Speaker, sebenarnya COB boleh dan mempunyai kuasa untuk melantik ejen-ejen pengurusan bagi mengambil alih pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama jika JMB atau MC gagal dibentuk atau terdapat aduan tidak berkesan di dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta bersama ini. Inilah satu cara yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah pengurusan dan penyelenggaraan yang lemah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kampung Tunku minta penjelasan. Silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Ahli Yang Berhormat EXCO Cempaka. Saya ingin bertanya sedikit tentang menarik perhatian Ahli Yang Berhormat Cempaka tentang projek perumahan di Bukit Beruntung, bolehkah Yang Berhormat menceritakan menerangkan sedikit sebanyak tentang apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan terhadap projek perumahan di Bukit Beruntung yang kebanyakannya terbengkalai. Saya menanyakan soalan ini kerana ada juga pembeli-pembeli rumah di kawasan saya yang membeli rumah di Bukit Beruntung tetapi sehingga sekarang tidak boleh menduduki sehingga wayar elektrik kena tarik, tidak boleh duduk langsung. Dan ini saya rasa juga merupakan satu masalah mengapa Majlis Daerah Hulu Selangor agak gagal dari segi kutipan cukai taksiran. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku, soal ini tidak dibangkitkan semasa perbahasan jadi tidak perlu dijawab.

**Y.B. TUAN IR. ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Tuan Speaker, saya minta penjelasan sedikit.

**TUAN SPEAKER** : Ya Cempaka, Batang Kali minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Silakan.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Kampung Tunku kerana membawa masalah kawasan saya. Cuma soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO setelah tiga bulan menduduki kerusi empuk sebagai EXCO agaknya dan saya nak mengingatkan, soalan saya apakah tindakan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat terhadap janji pilihan raya kepada penduduk di Bukit Sentosa mengenai bumbung rumah yang tercabut. Ada lebih kurang saya ingat dalam sepuluh blok. Janji mereka ketika pilihan raya, menang 8haribulan, 9haribulan turun buat. Saya ucapkan terima kasih Tan Sri Menteri Besar dah datang pun ke kawasan tersebut, cuma budak suruhan dia sebagai EXCO ini belum lagi datang melawat kawasan. Saya mohon perkara ini diberikan perhatian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Seperti yang saya katakan tadi, sama dengan soalan Kampung Tunku, ini tidak dibangkitkan dalam perbahasan. Jadi tidak perlu dijawab. Kita jimat masa. Kita mesti bergantung pada peraturan kita.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Boleh minta soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, sila.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Dalam mempertimbangkan konsep rumah kediaman selesa untuk semua, saya difahamkan ada golongan peneroka bandar atau setinggan yang mereka tidak mampu untuk beli rumah. Adakah konsep sewa beli akan dipertimbangkan dalam usaha ....

**TUAN SPEAKER** : Ini soalan baru kan? Ini soalan baru. Ini bukan masa untuk soalan baru. Sekarang untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan. Jangan bawa isu yang tidak dibangkitkan sebelum ini. Silakan Cempaka.

**Y.B. TUAN IR. ISKANDAR BIN A. SAMAD** : Sebentar tadi telah dibangkitkan oleh Pandamaran atau dijawab oleh Pandamaran bagaimana pengurusan ataupun *abilities* dengan izin atau kemudahan-kemudahan di rumah-rumah kos rendah atau penepatan-penetapan kos rendah yang tidak sempurna, sebenarnya kita sedang lakukan kajian untuk menangani masalah yang dihadapi oleh kawasan perumahan kos rendah yang tidak mempunyai kemudahan komuniti yang mencukupi. Selalunya apabila pembangunan perumahan kos rendah dibina seperti untuk penempatan semula setinggan, kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah amat menyedihkan seperti saya ambil di kawasan saya apabila penduduk di Kampung Dato' Harun, Ampang dipindahkan ke penempatan baru, surau yang disediakan di bawah bangunan oleh pemaju Sri Setara Sdn Bhd adalah tidak sesuai digunakan. Sehingga hari ini penduduk tidak menggunakan surau itu dan mereka terpaksa ke surau-surau lain berdekatan walaupun surau-surau yang sedia ada yang dibina oleh mereka telah dirobohkan oleh pihak pemaju.

Tuan Speaker, untuk mengatasi masalah-masalah sedemikian Pihak Berkuasa Tempatan akan diminta untuk memberi *Grid* dengan izin, kepada pembangunan-pembangunan seperti ini agar proses pemberian dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, *grid* ini kita tidak umumkan hanya untuk pentadbiran dalaman, sebab kalau kita umumkan sudah tentunya ia akan mempengaruhi harga tanah di situ. Kita juga tidak mahu menyelesaikan masalah setinggan di atas tanah tetapi kita mengujudkan setinggan di udara. Itu merupakan usaha kita.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Taman Templer telah bertanya tentang projek Bukit Botak. Projek Bukit Botak ini merupakan salah satu projek penyelesaian masalah setinggan yang melibatkan sepuluh buah kampung yang pada asalnya mempunyai lebih kurang 2037 orang penduduk keluarga. Projek ini telah dimulakan dalam tahun 1996 ketika itu projek ini dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ataupun PKNS. PKNS terpaksa mengambil alih projek ini daripada syarikat Dayapuri Corporation Sdn Bhd yang menghadapi masalah meneruskan projek ini. Walau bagaimanapun, PKNS terpaksa menanggung rugi lebih RM100 juta apabila mereka memasuki untuk meneruskan projek ini. Kenapa? Ini adalah kerana menurut perjanjian asal dengan Dayapuri Sdn Bhd penduduk boleh membeli rumah dengan harga diskaun. Rumah-rumah ini dijual dengan harga RM42,000.00, RM69,000.00 dan RM79,000.00 walhal kos membina rumah-rumah ini adalah lebih kurang RM114,000.00 ke atas. Di dalam perancangan asal, Dayapuri tidak akan rugi kerana mereka telah diberikan sekeping tanah oleh kerajaan negeri seluas 24.6 ekar sebagai subsidi ataupun *cross subsidization* dengan izin. Walau bagaimanapun, apabila Dayapuri berhenti melaksanakan projek ini, tanah ini tetap menjadi milik mereka. Tanah ini pula telah dicagarkan kepada bank. Tidak ada perjanjian yang mensyaratkan Dayapuri mesti menyiapkan projek ini untuk mendapatkan tanah 24.6 ekar, ini bermakna bahawa sepatutnya tanah ini diberikan kepada PKNS sebagai *cross subsidization* tetapi tidak ada perjanjian yang dilakukan sebelum ini. Maka PKNS akan rugi jika rumah-rumah ini dijual dengan harga yang asal. Tapi sebagai satu kerajaan yang prihatin penduduk Bukit Botak tidak akan dibiarkan begitu saja tetapi PKNS tidak seharusnya rugi sehingga lebih seratus juta. Saya telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil penduduk dan kita akan cuba mencari jalan yang paling sesuai yang paling baik bagi kita supaya perkara ini dapat diselesaikan, dapat menguntungkan semua pihak, Insya-Allah. Tuan Speaker, saya rasa itu sajalah yang ingin saya jawab. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dipersilakan Ahli EXCO daripada Batu Tiga. Batu Tiga ada penjelasan? Tidak ada. Seri Andalas ada penjelasan? Tidak ada. Ada.. silakan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Tuan Speaker, terima kasih untuk memberi peluang. Ada beberapa soalan telah dibangkit tentang kemiskinan dan juga perumahan dan juga tentang pengukuran kemiskinan di dalam dewan ini. Soalan pertama dengan definisi kemiskinan. PGK ataupun Pendapatan Garis Kemiskinan digunakan sebagai pengukuran kemiskinan. Sesbuah isi rumah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah adalah kurang daripada PGK yang ditetapkan oleh kerajaan negeri seperti berikut. Kemiskinan bandar dengan izin *urban poverty*, PGK seribu lima ratus ringgit (RM1500) sebulan seisi rumah ataupun ringgit tiga ratus dua puluh enam (RM326.00) per kapita. Kemiskinan luar bandar dengan izin *Rural poverty*, PGK ringgit enam ratus enam puluh (RM660.00) sebulan seisi rumah ataupun ringgit seratus lima puluh (RM150.00) per kapita.

Tuan Speaker, izin saya memberi sedikit maklumat latar belakang. Duli Yang Maha Mulia Tuanku melihat bahawa tahun 2008 sebagai tahun yang paling mencabar untuk menggalakkan Selangor menjadi sebagai status negeri maju. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan prestasi ekonomi akan terus stabil di samping meningkatkan kualiti hidup rakyat. Dengan keadaan sekarang di mana harga minyak dan komoditi terutamanya harga barang makanan seperti beras, minyak masak, tepung dan gula terus naik. Harga barang ini semakin mahal untuk dibeli oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Maka kerajaan akan meneruskan usaha untuk memberi bantuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah tanpa mengira kaum dan agama termasuk golongan yang terpinggir iaitu masyarakat orang asli. Kita juga mesti memberi tumpuan kepada golongan yang memerlukan prihatin dan perhatian istimewa golongan ibu tunggal yang boleh dibahagikan kepada dengan izin '*abandoned mothers and widows*'. Tuan Speaker, terlebih dahulu biarlah saya terangkan dengan lebih terperinci taraf kemiskinan di negeri Selangor. Untuk membawa perubahan terlebih dahulu kita mesti bersetuju kepada fakta bahawa 90% populasi rakyat Selangor berada di kawasan bandar. Dengan peningkatan penghijrahan dengan izin *migration* penduduk dari luar bandar ke bandar menyebabkan Pihak Berkuasa Tempatan terpaksa menghadapi tekanan ekoran peluasan kawasan bandar. Di bawah pentadbiran kerajaan yang lalu, dasar ekonomik yang baru yang sepatutnya diwujudkan untuk menaikkan taraf hidup mereka yang memerlukan bantuan tetapi sebaliknya ia diperkayakan hanya segelintir di kalangan elit yang mempunyai hubungan erat dengan kepimpinan tinggi pengusa.

Dalam tahun 2005 Malaysia mencatatkan pencapaian terendah dengan izin mengikut anggaran *Guinea Co-efficiency* di Asia Tenggara lebih teruk dari Indonesia dan Thailand. Berdasarkan ukuran paling efektif jurang pendapatan di antara dengan izin *the rich and the poor* di taraf 0.47, Malaysia berada dalam kedudukan terakhir di belakang Papua New Guinea. Ini jelas menunjukkan satu pencapaian terburuk dan kegagalan-kegagalan dasar ekonomi baru itu sendiri. Walau bagaimanapun, di sini kami ingin menegaskan bahawa Pakatan Rakyat akan mempertahankan artikel 153 Perlembagaan Persekutuan dan pada masa yang sama menolong semua orang yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa dan agama. Tuan Speaker, berdasarkan situasi ini kita mesti dan kita harus mengutamakan keadilan sosial dalam mengimbangkan jurang perbezaan pendapat di kalangan masyarakat. Kita harus mengujudkan satu polisi berkaitan minyak, penjagaan kesihatan dan pelajaran bagi meringankan beban rakyat ekoran kenaikan kos sara hidup. Ini akan membolehkan kita mewujudkan satu padang yang sama rata di antara golongan miskin dan kumpulan masyarakat terpinggir dengan izin *the marginalized and under pro ledge scope* akan dikeluarkan dari kitaran kemiskinan tersebut dengan bantuan dan sokongan kerajaan negeri Selangor. Seperti yang diwar-warkan oleh Saudara Anwar Ibrahim yakni dipanggil ekonomik berperikemanusiaan dengan izin '*human economics*'. Tuan Speaker, oleh yang demikian, saya mencadangkan agar kerajaan negeri Selangor memperuntukkan sejumlah dana untuk kebajikan rakyat Selangor yang memerlukannya. Cadangan Pakatan Rakyat adalah seperti berikut. Pekerja ladang yang dipinggirkan selama 50 tahun, kita merancang untuk membina asrama bagi anak-anak pekerja ladang supaya mereka mendapat bantuan dalam bentuk kaunseling, perlindungan, tuisyen dan pemakanan diet yang sihat.

Tuan Speaker, pelajaran dengan izin *education* adalah satunya cara yang terbaik untuk keluarkan dari lingkaran kemiskinan. Dengan restu dan sokongan Yang Amat Berhormat Dato' Tan Sri Menteri Besar, kita bercadang agar sebuah dana diwujudkan dengan bantuan syarikat-syarikat perladangan milik kerajaan dan syarikat-syarikat milik

kerajaan negeri Selangor. Di sini kita akan melibatkan PBT-PBT yang boleh menyokong usaha ini. Bagi Selangor mengekalkan status sebagai negeri maju, skim perumahan yang sesuai dan pampasan yang setimpal harus diberikan kepada pekerja-pekerja estet. Malahan kita harus membantu mereka apabila estet-estet ini bangunkan menyebabkan mereka diberhentikan kerja ataupun apabila pertukaran tanaman berlaku dengan izin *crop changes* dari getah kepada kelapa sawit dan sebagainya. Berikut saya ingin mencadangkan untuk mengadakan skim perumahan untuk pekerja estet dijadikan sebagai enakmen bagi mengurangkan kewujudan penempatan setinggan di bandar-bandar negeri Selangor. Kita harus membantu pekerja-pekerja ini yang telah bekerja kuat dan telah menyumbang kepada keuntungan lumayan syarikat-syarikat perladangan selama ini. Tuan Speaker, saya ingin menegaskan di sini bahawa pembinaan rumah-rumah pangsapuri seperti dengan izin *pigeon holes* akan menjadi tempat pembiakan pelbagai masalah sosial pada masa akan datang. Kita juga harus memikirkan semula kaedah penyediaan rumah untuk golongan miskin ini, dengan izin *we need to rethink the methodology and planning behind low cost housing development in negeri Selangor.*

Kepada kemiskinan Tuan Speaker, statik yang diperoleh daripada kerajaan sebelum ini berakhir 2007, jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat 14,238, jumlah penerima bantuan Lembaga Zakat Selangor 9,425 orang, jumlah kemiskinan berdaftar di Pejabat Daerah 6,124 orang. Jumlah yang dikemukakan oleh Pejabat Daerah tersebut adalah anggaran berdasarkan bancian yang telah dibuat oleh Pejabat Daerah dan jumlah tersebut merupakan jumlah miskin yang belum menerima bantuan. Tuan Speaker, insiden kemiskinan adalah bersifat dinamik, justeru jumlah yang dikemukakan tersebut akan sentiasa dikemaskinikan dari semasa ke semasa. Jumlah kemiskinan di negeri Selangor yang baru diberikan adalah kurang tepat kerana dianggarkan bahawa jumlah kemiskinan akan meningkat mengikut keadaan semasa. Walau bagaimanapun, kajian dan data menyeluruh masih lagi dikumpulkan oleh negeri/kerajaan. Tuan Speaker, bagi memastikan program-program pembasmian kemiskinan terus relevan tidak berlaku kecinciran, kerjasama dan sokongan daripada semua lapisan jentera perlaksana dan agensi memberi bantuan sangat diperlukan dalam mengenal pasti warga Selangor yang tergolong dalam lingkaran 1.1% miskin dan 0.2% miskin tegar bagi membolehkan bantuan sewajarnya disalurkan dan golongan ini terus mendapat pembelaan. Sehubungan dengan ini kerajaan negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan menujuhan jawatankuasa membasmi miskin yang dianggotai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, agensi memberi bantuan, penaja-penaja dari anak syarikat kerajaan negeri, Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor. JBM ditubuhkan secara khusus di tiga daerah sebagai perintis iaitu di daerah Sabak Bernam, Ulu Selangor, Kuala Selangor dengan mengekalkan dengan tiga strategi utamanya.

Tuan Speaker, perumahan, merupakan keperluan asas dalam pembinaan sebuah keluarga rumah-rumah yang di baik pulih dengan kos RM 8 juta sebelum atau dibina semula dengan kos 20 ribu ringgit. ...

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker.**

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kota Damansara minta laluan, bagaimana Seri Andalas. Ya, Silakan.

**Y.B. TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM :** Ya, Terima kasih. Saya ingin menegaskan bahawa definisi untuk kemiskinan harus diambil kira, ya dipertikaikan mungkin jumlah yang disebut enam ratus lebih tak cukup. Ya kalau kita fikirkan begitu lebih banyak yang miskin, Yang kedua itu juga , kita memang mengalu-alukan bantuan, biarlah bantuan itu tidak menimbulkan satu pautan dengan izin *dependency* kerana ini akan menghancurkan mereka kerana biarlah bantuan itu juga memupuk semangat berdikari. Ya kerana itu sahaja yang kita harapkan kerana kalau tidak nanti kita akan mengulangi sejarah. Bila nak sesuatu beri, hingga mereka mengharap-harapkan. Kita berharap kerajaan negeri memikirkan bantuan itu dalam fikiran bahawa mereka akan dapat berdikari dan membantu mereka ke arah itu dan juga ini bermakna adanya jangka pendek di mana *crisis situation* kita bantu secara apa yang diperlukan tapi secara *long term* dengan izin kita harus memikirkan bagaimana kita dapat menyertai dalam pembangunan negara. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Yang Berhormat Kota Damansara. Saya belum habiskan, saya ada long *term plan* yang saya akan perinci di dalam situasi ini. Sebanyak RM8.86 juta telah diperuntukkan untuk membina 304 buah rumah dan membaik pulih 325 buah rumah di ketiga-tiga daerah. Saya faham bahawa Kota Damansara tanyakan soalan macam mana kita nak ambil keluar golongan miskin dalam satu-satu situasi yang kita ada. Kita menggunakan pendidikan sebagai asas anak-anak mereka dalam golongan itu. Kerajaan negeri yakin pendidikan yang sempurna mampu memperbaiki kehidupan sebuah keluarga. Sehubungan ini seramai 731 pelajar telah dikenal pasti untuk diberikan bantuan sekolah rendah, 672 sekolah menengah dan mereka yang terpencil dari melanjutkan pelajaran di sekolah, namun berminat dengan kursus kemahiran teknikal seperti kursus mekanik, kenderaan motor, kursus juruteknik elektrik, kursus pelukis pelan dan sebagainya akan diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di kolej antarabangsa, INPENS untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran teknikal selama sama ada 3 bulan, 6 bulan atau 1 bulan dan kos perbelanjaan ditaja sepenuhnya oleh kerajaan negeri. Saya diberitahu baru-baru ini tempat-tempat di INPENS telah meningkat, kita ada tempat untuk 3 ribu anak-anak muda kita. Bagi pihak UNISEL dan kolej antarabangsa INPENS akan menyediakan model khas di mana model yang dirangka tersebut bekerja selepas menempatkan pelajaran kelak. Selain kursus-kursus yang berbentuk akademik, kursus motivasi juga akan diberikan kepada para pelajar yang tercicir ini. Kursus motivasi tersebut bertujuan untuk membantu para pelajar mengubah paradigma minda agar dapat menjadi seorang yang berjaya dan dapat meningkatkan motivasi diri untuk lebih berwawasan. Pekerjaan, perjumpaan juga diberikan kepada warga miskin yang masih produktif dan berpotensi menambahkan pendapatan. Mereka akan terus dibantu dari segi anjuran kursus-kursus kemahiran, bantuan berbentuk peralatan bagi meningkatkan produktiviti, bantuan dari segi projek-projek pertanian dengan izin *contract manufacturing* di kawasan mereka sendiri dan menawarkan pekerjaan di industri-industri yang bersesuaian. Untuk ketiga-tiga daerah seramai 935 orang telah dikenal pasti untuk dibantu bagi mendapatkan pekerjaan dan pendapatan yang lebih stabil. Program *networking* dengan SSIC dilaksanakan untuk menyediakan ruang pekerjaan di dalam bidang perindustrian. Kemudahan asrama dan pengangkutan turut disediakan. Namun begitu, bagi mereka yang tidak sesuai bekerja di kilang kerana faktor usia dan kesihatan, kerajaan negeri menyediakan peluang bekerja di tempat mereka tinggal seperti projek-projek industri kecil sederhana dan projek pertanian. Kerajaan negeri yakin program-program seperti ini mampu menjana pendapatan penduduk khususnya di kawasan luar bandar. Program kerajaan prihatin, program yang di mula diperkenalkan pada tahun 2001 telah memanfaatkan lebih daripada 1560 orang warga miskin Selangor

dengan membina rumah yang lebih selesa dan 480 rumah telah berjaya di baik pulih. Mekanisme yang dikumpulkan dana daripada penaja-penaja ini diperlihatkan dan menambahbaikkan setiap tahun bermula dengan RM18 ribu pembinaan telah berjaya dinaikkan kepada RM20 ribu. Baru-baru ini mesyuarat EXCO baru telah menaikkan harga rumah kepada dua puluh lima ribu ringgit Malaysia (RM25 0000.00). Tumpuan memang diberikan kepada ketua, isi rumah yang mendapat Ringgit 731.00 bagi isi keluarga . Sejumlah RM 1 juta di peruntukan bagi memastikan kesinambungan program ini. Program membasi kemiskinan bandar, bagi mengurangkan insiden basmi kemiskinan di bandar program kemiskinan di bandar turut dilaksanakan. Program ini dirangka khusus untuk membantu golongan miskin dan miskin tegar di kawasan bandar. Justeru menjadi tugas dan tanggungjawab Pihak Kuasa Tempatan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan program ini di bawah program PKB. Mereka yang layak boleh memohon bantuan seperti perumahan keluarga miskin, mengurangkan pembebanan tanggungan keluarga, penjanaan pendapatan keluarga, pendidikan dan latihan, membantu insan penduduk miskin bandar.

Oleh kerana Program Kemiskinan Bandar merupakan program baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, maka peranan kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan begitu penting khusus dalam memastikan tidak berlaku keciciran dalam pelaksanaan bantuan. Kini Pihak Berkuasa Tempatan selaku dengan izin '*urban managers*' perlu melihat '*a burn politic*' dengan izin, sebagai isu utama selain isu kebersihan dan pembangunan. Program Basmi Kemiskinan Negeri Selangor, program ini menggunakan pendekatan .....

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Teratai mohon

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker. Saya hendak tanya Yang Berhormat iaitu berkenaan kerjasama dengan PBT membasi kemiskinan. Adakah itu, peruntukan-peruntukan membasi kemiskinan adalah terhad atau nombor permohonan adalah terhad sebab baru-baru ini sahaja saya dapati PBT di kawasan saya ia mengatakan dia tidak boleh bagi peruntukan kepada semua orang kerana wang tidak cukup. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih Y.B. Teratai, tolong hubungi pejabat saya atau pejabat PBT yang terdekat kalau ada golongan miskin di kawasan Teratai kita boleh membuat sesuatu untuk tolong mereka.

**Y.B. TN. MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker, mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Seri Andalas, Batang Kali minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Yang Berhormat saya cuma ingin penjelasan yang program kemiskinan bandar tadi, ia sama dengan program yang lama yang dikelolakan oleh Kerajaan Tempatan yang lalu atau program baru oleh kerajaan negeri sendiri?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Memang kita ada program ini lanjutan tetapi kita telah pun adakan beberapa dengan izin '*input*' baru untuk kita laksanakan program itu diteruskan. Kita tidak boleh memberhentikan terus-menerus dengan program-program yang kita ada sekarang.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Bagi saya lanjutan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Seri Andalas, silakan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Di mana ketua isi rumah yang dalam golongan miskin, miskin tegar serta mempunyai kemahiran akan dibantu dari peralatan dan mesin. Ini bagi membolehkan mereka menjana pendapatan yang lebih.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Seri Andalas panjang lagi ke? Masa agak suntuk sedikit.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Ok, saya boleh sentuh sikit lah.

**TUAN SPEAKER** : Ya, silakan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Terima Kasih. Tuan Speaker, Kerajaan Selangor minta semua pejabat ADUN untuk memberi maklumat kepada SUK tentang aduan-aduan yang mengenai kemiskinan di bandar. Kita semua

**Y.B. TUAN. MOHD ISA BIN ABU KASIM** : Termasuk Pembangkang ya?

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Bukan sahaja pembangkang, semua. Mengenai kemiskinan di bandar dengan izin '*urban poverty*'. Sebagai contoh di Pejabat ADUN Seri Andalas dapat lebih kurang 500 penerimaan untuk bantuan. Dan aduan ini dibuat golongan pendapatan yang kurang dari RM1000 sebulan. Memang di semua pejabat ADUN, saya difahamkan golongan ini akan meningkat. Dan kita negeri Selangor memang ditetapkan ada peruntukan yang disediakan untuk membantu mereka yang pendapatan rendah ini. Tuan Speaker, sebelum saya habiskan, saya ingin sentuh sedikit soalan dari Y.B. Taman Templer mengenai situasi denggi dalam negeri Selangor. Tuan Speaker, perancangan jangka pendek dan jangka panjang negeri Selangor mengenai masalah demam denggi adalah seperti berikut. Kita akui denggi adalah satu-satu masalah dalam negeri Selangor dan kesakitan denggi ini dengan izin '*manufactural deases*' adalah masalah dengginya dengan nyamuk. Masalahnya dengan kawasan yang tidak bersih. Masalah '*legal dumping*' dengan izin. Dalam kawasan kita, masalahnya tidak mencukupi orang-orang untuk membersihkan tempat masing-masing. tetapi jangkaan pendek, kita mesti mengadakan gerak gempur, ops bersih selama dua bulan bermula pada 10 Mei,2008 di lokasi-lokasi wabak iaitu Petaling Jaya, Shah Alam, Bandar Klang, Pandamaran, Taman Sentosa, Bukit Tinggi, Kampung Jawa, Padang Jawa, Jalan Meru dan Hulu Langat, Gombak dan Kuala Selangor berikutnya. Dalam operasi ini, kita akan jalankan dari rumah ke rumah untuk nyamuk aedes dengan pemberian ubat jentik-jentik dan semburan asap. Pemeriksaan tapak binaan projek terbengkalai, kilang besi buruk dan lain-lain. Hebahan awam melalui media masa, pemasang bunting, poster dan sebagainya pengumuman bergerak, pameran, ceramah dan pencegahan denggi. Tuan Speaker, kita dengan izin '*aducate*' orang-orang tempatan dengan keadaan yang ada sekarang, kita akan lanjutan satu gotong royong yang akan dilancarkan oleh... tidak lama lagi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di seluruh negeri Selangor untuk kita membasmikan situasi ini. Pergerakan penduduk-penduduk di kawasan seperti wabak dan bukan wabak. Khasnya melibatkan pro-aktif dari ketua masyarakat, ADUN

kawasan untuk aktiviti ini. Jangka panjang, mewujudkan skuad denggi di semua lokasi-lokasi di negeri Selangor yang terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa dari penduduk dan diketuai oleh ADUN kawasan masing-masing sebagai penasihat bagi menjalankan aktiviti mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk di kawasan dalam dan luar kawasan rumah masing-masing. Merancang penubuhan skuad ini dimulakan pada Jun, 2008. Menambah peruntukan bagi program kawalan penyakit di bawah vector di PBT akan dijalankan juga. So, inilah sedikit maklumat yang saya ada sekarang dengan situasi kemiskinan perumahan dan isu denggi di dalam negeri Selangor. Sekian terima kasih

**Y.B. TUAN. MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Dah habis jawab dah!

**Y.B. TUAN. MOHD ISA BIN ABU KASIM :** Dah! Habis jawab dah! Dah nak balik da.

**TUAN SPEAKER :** Ya. Dipersilakan. Tolong ambil perhatian masa tinggal 20 minit.

**Y.B. PUAN. RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker, maaf tadi saya silap faham. Terlebih dahulu sampai juga masa saya berucap di dewan yang mulia ini dan sembah kasih serta menjunjung kasih ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Beberapa penelitian yang telah saya dapat iaitu laungan kebijakan yang diberikan oleh Pakatan Rakyat baru-baru ini memang benar-benar menarik perhatian ramai pihak termasuk Yang Berhormat Pembangkang sekalian. Yang menghairankan saya kerajaan BN ataupun Barisan Nasional selama memerintah lima puluh (50) tahun lamanya termasuk bekas Menteri Besar tidak sabar-sabar, mula bercakap mengenai kebijakan dan menuntut *manufacture* melaksanakan. Mereka sedia maklum kami Pakatan Rakyat baru sahaja memegang tumpuk pimpinan negeri Selangor. Tambahan lagi pembangkang Barisan Nasional seolah-olah tersedar bahawa perkara yang mereka tidak menitik beratkan dahulu iaitu isu pasal kebijakan telah mula menjadi hero, ataupun apa kata jaguhan kepada rakyat, maaf sudah terlambat. Kata-kata Yang Berhormat dari Sungai Air Tawar telah berkata bahawa dulunya Barisan Nasional hendak juga berbuat demikian iaitu melibatkan diri ke arah kebijakan kononnya, tetapi mereka kata mestilah berpijak di bumi nyata. Apakah mereka tidak peduli atau tidak faham bahawa hakikatnya, mereka bukan sahaja tidak menjejak di bumi nyata tapi sebenarnya kerajaan lama tidak mengambil perhatian terhadap masalah kebijakan rakyat di negeri Selangor ini terutamanya. Sebagai orang yang faham, tidak seperti Sungai Panjang yang selalunya tidak faham tentang situasi ini sebenarnya Barisan Nasional sebenarnya terkejut atau kerajaan lama terkejut kerana janji-janji ini walaupun tidak sampai 100 hari beberapa manifesto yang telah pun dan akan ditunaikan contohnya pemberian air percuma air 20 meter kiub, RM1000.00 untuk masuk IPT dilaksanakan dan beberapa lagi manifesto akan susul tidak lama kemudian. Ingin saya tegaskan di sini pucuk pimpinan Pakatan Rakyat benar-benar faham dan berkebolehan untuk mentadbir urus kewangan negeri bukan seperti kerajaan dahulu hanya pandai menghabiskan duit rakyat semata-mata. (Tepuk)

Tuan Speaker, di dewan yang mulia ini ingin saya katakan bahawa pakatan baru bukan sahaja menjanjikan kebijakan manifesto semata-mata tetapi telah menggariskan cara yang terbaik untuk memastikan objektif negeri akan tercapai. Antaranya EXCO Kebajikan dan jaringannya di peringkat agensi kerajaan bagi negeri dan daerah, Wakil-wakil Rakyat malah di peringkat pusat menekankan beberapa pendekatan untuk

memastikan kenal pasti dan mewujudkan mekanisme penyaluran bantuan kebaikan kepada golongan sasar secara efektif dan berkesan. Sehubungan dengan itu pengemaskinian pangkalan data kebaikan negeri menjadikan peranan penting. Ini penting kerana data yang ada di tangan saya contohnya data ibu tunggal pada 2007 amat tidak menggambarkan jumlah sebenar ibu tunggal yang ada di lapangan. Saya bacakan serba sedikit contohnya Gombak ibu tunggal yang hanya dilapurkan adalah 1073 orang, Petaling 608 orang, Hulu Langat 187, Kuala Langat 862 orang, Klang 642 orang, Sepang 200, Kuala Selangor 271, Sabak Bernam 244, Hulu Selangor 823 dan jumlah keseluruhan hanya 5710 tetapi baru-baru ini saya pergi ke Hulu Selangor jumlah ibu tunggal menjangkau 4000 orang. Cadangan daripada Yang Berhormat Kuang tempoh hari untuk membantu, ADUN-ADUN BN ingin membantu mendapatkan data dari kawasan Yang Berhormat sekalian saya amat alu-alukan. Saya faham kerana kemungkinan ADUN pembangkang sekarang sudah tiada kerja tetap jadi sesualilah menjadi pembantu saya untuk mendapatkan data-data ini dan menjimatkan wang kerajaan untuk membayar gaji kepada pekerja lain dan boleh disumbangkan semula kepada rakyat. Tetapi perlu kita ingatkan bahawa data-data ini mestilah menyeluruh mewakili semua lapisan kaum bukan untuk mereka yang menyokong Barisan Nasional semata-mata.

Cadangan kedua kerajaan negeri, Tuan Speaker adalah cadangan untuk menaikkan tanda aras bagi golongan miskin daripada yang telah dinyatakan pada garis-garis kemiskinan dan paras kemiskinan tegar yang telah dinyatakan pada 1500 yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri. Saya rasa kenaikan paras, tanda aras golongan kebaikan penting kerana membolehkan lebih ramai lagi golongan-golongan yang sebenarnya memang mampu atau patut diberikan bantuan dapat dilaksanakan dan perkara yang ke-3, ingin juga saya nyatakan di sini perlu dipastikan bahawa peruntukan dan dana-dana kebaikan ditambah dan mesti dikendalikan secara berhemah dan dengan urus tadbir yang cekap dan amanah. Saya bimbang jika perkara-perkara itu, sebenarnya kebimbangan saya kerana pada tahun lepas kita dapati cuma RM7 juta sahaja yang dibelanjakan untuk masalah atau pemberian kebaikan kepada rakyat di negeri Selangor sedangkan kalau diurus tadbirkan dengan cekap, jadi tidaklah timbul pendedahan yang telah dibuat oleh Dato' Menteri Besar baru-baru ini tentang pembelian pakaian sukan oleh BALKIS yang saya ulangkan semula, jika baju seragam yang berharga RM160,000 dan juga baju sukan yang berharga RM25,000 itu dibelanjakan kepada golongan yang memerlukan bantuan sudah cukup untuk membeli sepuluh unit rumah setinggan kepada rumah baru untuk setinggan-setinggan yang ada.

Akhirnya saya ingin juga menyatakan di sini sehubungan dengan tindakan yang perlu adalah untuk membangun dan memperkasakan setiap individu tanpa membezakan kumpulan etnik, agama, budaya, gender, daerah, fahaman politik, serta taraf perkahwinan dan keupayaan fizikal serta mengambil kira kepekaan terhadap keperluan dan kehendak rakyat. Ini bagi memastikan rakyat dapat menggunakan dan mempertingkatkan sumber serta kebolehan kendiri serta optimum bagi mencapai matlamat kendiri dan masyarakat pada setiap peringkat dan akhirnya laungan negeri Selangor. ....

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Tuan Speaker , minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Kuang minta laluan

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya minta

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Saya mengucapkan tahniah pada Batu Tiga kerana.....

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Speaker: Saya tak beri laluan

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Tak beri laluan, beri la laluan.....sombong nya.....bagi la sikit kita sama-sama Exco Pendidikan ni..

**TUAN SPEAKER** : minta dulu la.....rayu.....rayu , tak rayu pun, silakan Batu Tiga dia tak merayu..

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : dan akhirnya laungan negeri Selangor yang berorentasikan kebajikan akan dapat dilaksanakan jadi Y.B. Kuang jangan ragu dan bimbang masalah kebajikan

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Tuan Speaker bagi laluan sikit boleh

**TUAN SPEAKER** : Bagi la laluan sikit

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : ok lah saya *gentlemen* juga

**TUAN SPEAKER** : Itu baru betul, Lain kali rayu ya

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : Batu Tiga saya ingin mengucapkan tahniah kerana mengumumkan tempoh hari untuk pelajar-pelajar kita untuk ke Universiti tapi saya nak bertanya lah kerana lembu berpegang pada tali, manusia berpegang pada janji. Dulu manifesto RM1000 nak diberi kepada semua hari ini ada pula sekatannya dan syaratnya hanya yang berpendapatan RM1500 sahaja, nampaknya awal-awal lagi PR telah menipu rakyat , sila jawab....

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya, Y.B. Kuang telah tersilap tanya isu tersebut telah sepatutnya ditimbulkan kepada Y.B. Selat Kelang tetapi apa-apa pemberian atau manifesto yang dijanjikan adalah manifesto yang akan dikotakan tetapi inginlah kita katakan di sini bahawa kita mulakan dengan golongan berpendapatan RM1500 dahulu tidak semestinya dengan kata-kata ini kita tidak akan mengotakan janji dalam tempoh pemerintahan yang akan datang. Sekian.

**Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS** : ok kita tunggu.....ok kita tunggu

**TUAN SPEAKER** : Dipersilakan EXCO seterusnya.....ya Y.B. Selat Kelang dipersilakan.

**Y.B. PUAN DR HALIMAH BIN ALI** : Assalamualaikum WBT. Terima kasih Tuan Speaker, kerana memberikan peluang kepada saya, saya ingin mengambil peluang untuk mengambil perhatian persidangan dewan titah Tuanku “ beta amat memandang serius ke atas permasalahan rakyat, terutamanya dalam mengekalkan keamanan dan kemakmuran sehubungan dengan itu kerajaan beta perlu memastikan prestasi ekonomi yang terus stabil meningkatkan kualiti perubahan kepada pembangunan modal insan dan pendidikan yang cemerlang”. Daripada titah baginda jelas pada kita semua bahawa baginda sangat menitikberatkan pendidikan dan

pembangunan modal insan bagi memperkasakan sektor perkhidmatan dan menarik sebanyak mungkin pelabur-pelabur yang akan memacu keuntungan yang akan menguntungkan Selangor ini. Jadi kita memerlukan insan-insan yang cemerlang di dunia dan di akhirat. Saya menarik perhatian sidang dewan juga tentang titah Tuanku, "beta berharap kerajaan akan terus menekankan konsep pendidikan yang menyeluruh dan tidak hanya berpandukan kepada peperiksaan semata-mata bagi melahirkan insan yang cemerlang dalam segenap aspek". Jadi kita lihat dalam apa yang telah dinyatakan oleh tuanku ini, tuanku bukan hanya mengharapkan insan-insan atau manusia-manusia, rakyat Selangor ini yang hanya cemerlang pada segi akademik tetapi dari seluruh aspek kehidupan atau kemanusiaan itu sendiri.

Tuan Speaker, Y.B., yang dikasihi sekalian, saya ingin menarik perhatian juga kepada sidang dewan perangkaan calon UPSR pada 2007 seramai 82292 orang. Tetapi calon PMR tinggal 70141 orang maknanya ramai juga daripada kalangan yang telah melepas UPSR tetapi tidak menjadi calon PMR, apabila saya melihat calon SPM pula lagi merosot, hanya 58341 orang. Di manakah pergi 11000 lebih calon-calon PMR yang tidak menduduki SPM dan apakah yang terjadi kepada mereka. Apakah yang terjadi kepada keluarga mereka? Apakah yang mereka sumbang? Bagaimanakah kedudukan mereka sebagai modal insan di Selangor ini? Saya amat terkilan apabila mendengar beberapa ungkapan yang tidak menyenangkan daripada sesetengah pihak yang menggelar Selangor Darul Ehsan ini sebagai Selangor Darul Mungkar atau Darul Maksiat. Kita semua tahu semua bahawa kes berprofil tinggi seperti Altantuya berlaku di Negeri Selangor kita semua faham bahawa Nurin Jazlin Jazimin juga melibatkan Selangor, adik Sharlinie masih tidak dijumpai juga berlaku di negeri Selangor ini adalah kes-kes popular yang diketahui oleh seluruh dunia. Saya ingin membawakan fakta-fakta mengenai penagihan dadah di mana kita juga dikatakan Darul Jenayah dan Darul Maksiat tadi yang dilihatkan kepada perangkaan Januari hingga Disember 2007 yang menyediahkan kita yang menggusarkan kita ialah di mana kalau kita kaitkan dengan angka-angka calon-calon UPSR, calon-calon PMR, calon-calon SPM tadi yang saya katakan tadi ia sangat berkait rapat juga. Ada kaitan kalau tidak seratus peratus tetapi ada kaitan besar di mana umur ketika dikesan penagih dadah 16-17 tahun adalah 700 kali lebih daripada umur 15 tahun ke bawah. 18-19 tahun 6 kali ganda makanya 600 kali lebih ramai penagih dadah umur 18-19 tahun berbanding dengan 16-17 tahun mereka yang melepas SPM. Yang sedih lagi mereka yang sepatutnya menjadi modal insan, mereka yang mempunyai tenaga kekuatan 20-39 tahun, mereka ini adalah majoriti di kalangan penagih-penagih dadah. 20-24 tahun menyumbang kepada 20.72 peratus penagih dadah, 25-29 tahun 18.45 peratus penagih dadah, 30-34 tahun 20.23 peratus, 35-39 tahun 14.62 peratus. Maka belia-belia kita ini adalah penyumbang besar statistik penagih dadah bagi tahun 2007. Kita lihat juga kaitannya pekerjaan penagih dadah yang dikesan mengikut pekerjaan pada tahun 2007. Saya ada angka 2006 tapi saya rasa tak cukup masa Tuan Speaker ya...yang paling ramai ialah yang bekerja di dalam perkhidmatan yang kedua ramai maaf....yang paling ialah Buruh Am 20.65 peratus, yang kedua ialah perkhidmatan 16.18 peratus, juvana 10.79 peratus, yang anehnya penganggur yang tidak mempunyai pekerjaan 8.3 peratus. Jadi kalau kita kata orang tidak bekerja orang yang paling ramai terabit dengan dadah kita tersalah anggap.

Tuan Speaker tentang penglibatan juvana dalam jenayah seperti yang kita sebutkan tadi adalah kes-kes pelajar-pelajar yang tidak mungkin mampu untuk meneruskan pembelajaran mereka. Saya ingin ambil perhatian pada 2007 jumlah jenayah kekerasan berjumlah 72 kes. Setakat Mac 2008, 69 kes 3 bulan pertama 2008, sudah hampir sama dengan kes-kes kekerasan jenayah kekerasan pada 2007. Jenayah harta benda

pada 2007, 271 ini merangkumi yang paling banyak ialah curi motosikal, yang kedua ialah mencuri dan pada 2008 sehingga hingga Mac 2008 angkanya sudah mencecah 236 kes juga hampir kepada setahun 2007. Jadi apakah maknanya semua ini? Y.B. sekalian, ini menunjukkan kepada kita bahawa negeri kita seperti yang saya sebutkan tadi digelar orang Darul Maksiat, Darul Mungkar. Jadi kita Insya-Allah dalam kerajaan Baru Pakatan Rakyat membuatkan satu tekad baru untuk merubah mentransformasikan Selangor ini daripada Darul atau negeri yang dikaitkan dengan kemakmuran dan kemaksiatan kita ingin negeri Selangor ini negeri yang akan menjadi benar-benar Selangor Darul Ehsan dan khususnya juga Selangor ini menjadi Selangor Hub Ilmuhan, Hub Pendidikan supaya untuk menjadikan Selangor yang maju , Selangor yang berihsan kita mahu rakyat-rakyat di Selangor ini dipenuhi dengan ilmu-ilmu, dipenuhi dengan kemahiran-kemahiran supaya mereka boleh meneruskan kehidupan mereka dengan seimbang kita ingin mengapakan, membuangkan juara-juara multi R ini, Juara Rempit, Juara Ragut, Juara Rogol, Juara Rompak, Juara Rasuah, Juara Rakus, Juara Rampas kebebasan.

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat masa sudah sampai, pukul 1.00 sambung pada petang

**Y.B. PUAN DR HALIMAH BIN ALI :** Ok, terima kasih Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Dewan ditangguhkan.

**(Dewan di tangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

## **Dewan disambung semula**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER :** Dewan di sambung semula. Selat Klang sila teruskan.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum WKT* dan selamat tengah hari. Walau pun falsafah pendidikan negara bagus tetapi ketempangan sistem pengajaran dan pembelajaran serta penekanan yang terlalu berlebihan kepada pencapaian akademik semata-mata dan yang tidak cukup diimbangi dengan santapan atau pendidikan rohani menyebabkan lahirnya manusia yang tidak seimbang personalitinya dan cacat sikapnya apabila melangkah ke alam kerja. Maka timbulah fenomena-fenomena negatif yang telah banyak diperkatakan sepanjang persidangan kita di dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan atau pentarbiahan insan gagal melahirkan yang bersahsiah unggul dan insan yang seimbang, produktif, progresif, berdaya saing dan yang mampu menjadi aset dan bukan liabiliti kepada negeri Selangor yang kita cintai ini.

Tuan Speaker, dalam kita untuk proses, untuk mentransformasikan negeri Selangor ini kepada keadaan yang tidak menyenangkan hati semua yang di antaranya adalah tahap keselamatan yang sangat dicurigai dan tidak menyenangkan hati maka kita Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menawarkan memperkenalkan satu model pembangunan modal insan yang akan diperkenalkan kepada seluruh rakyat negeri Selangor merangkumi semua lapisan rakyat.

Pertamanya yang dikatakan model kita ini yang disebutkan secara ekonominya SPI atau SFIES kalau Inggerisnya SFIES dan kita bagikan pada peringkat awalnya kepada beberapa golongan atau segmen masyarakat, kita untuk memastikan semua rakyat di negeri Selangor ini akanlah lahir sebuah masyarakat atau rakyat di negeri Selangor ini, warga negeri Selangor yang seimbang dan produktif untuk negeri Selangor ini. Kita akan memperkenalkan SFIES remaja.

S - maksudnya pembangunan spiritual seseorang itu. Apa yang kita dengar di dewan yang mulia ini di mana pelbagai masalah-masalah penyelewengan kuasa, penyalahgunaan kuasa mungkin pembaziran dan sebagainya. Ada juga nama-nama yang disebutkan yang melibatkan orang-orang besar di negeri Selangor ini sepatutnya tidak terjadi. Kalau aspek spiritual ini, spiritual manusia ini dibangunkan sama ada ianya sebagai orang Muslim atau sebagai orang bukan Islam semua yang ada mempunyai suara dalaman yang menyatakan apa yang benar, apa yang batil, apa yang perlu dan apa yang tak perlu dibuat '*the spiritual*'.

F – fizikal, seperti yang dikatakan oleh EXCO Kesihatan pagi tadi bahawa kita mahu melihat negeri Selangor kuat dan sihat maka barulah kita boleh menjadikan modal insan yang terbaik.

I – intelektual, kita ingin melihat lahirnya rakyat negeri Selangor yang mantap inteleknya. Bukan sahaja inteleknya daripada segi mengira wang dan sebagainya tetapi

*“critical thinking, analytical thinking”* -dengan izin dan *‘creative thinking’* maknanya asas-asas kemahiran berfikir yang tajam supaya kita di negeri Selangor ini boleh menyelesaikan masalah yang ada kita hadapi dengan yang terbaik dan memacu negeri Selangor ini ke arah yang maju dan berdaya saing di era globalisasi ini.

E – emosi, saya juga mengambil perhatian sidang dewan, yang juga kerana kita melihatkan kadang-kadang apabila kita terlibat di dalam perkara-perkara yang mungkin tidak menyenangkan hati beberapa pihak emosi kita tidak terkawal. Kita ingin membangunkan emosi kestabilan emosi semua rakyat di negeri Selangor dan saya minta biarlah Wakil-wakil Rakyatnya memberi contoh yang terbaik mampu untuk mengawal emosi apabila berdebat atau pun bila berdepan dengan orang-orang yang mungkin tidak sama ideologi dengan kita. Kes Altanthuya dan sebagainya juga adalah kes yang menunjuk kes Nurin Jazlin Jazimin adalah kes-kes yang menunjukkan mereka yang melakukan jenayah seperti itu adalah mereka yang tidak mampu mengawalkan emosi.

S – adalah sosial pembangunan sosial insan ini kita akan bangunkan kerana apa yang disebutkan tadi. Masalah alam sekitar yang tercemar masalah dengan kerana rakyat di negeri Selangor tidak mampu untuk menjaga kebersihan sehingga menyebabkan dengan perkara-perkara yang biasanya mungkin boleh dikendalikan dengan cara pencegahan yang terbaik sepertutnya telah boleh dilakukan di Selangor ini. Dan dalam S ini juga pembangunan sosial ini juga kita ingin memantapkan atau pun mungkin memperkenalkan konsep kesukarelawanan bukan kerana duit baru kita bekerja, bukan kerana wang imbuhan, projek, tender dan sebagainya barulah kita ingin menabur bakti dan jasa. Jadi kita akan ada beberapa modul-modul, modul SFIES untuk remaja dan kanak-kanak, SFIES untuk institusi pengajian tinggi, SFIES untuk belia, SFIES untuk masyarakat, SFIES untuk kepimpinan. Sebenarnya saya nak sebutkan tadi tapi kerana melihatkan pihak pembangkang tak ramai sangat, saya ingin meyakinkan dan menegaskan di sini bahawa apa yang dikhuatiri oleh Wakil-wakil Rakyat dari pembangkang supaya jangan membazir, supaya menjagakan negeri Selangor ini dengan terbaik mengurus tadbirkan negeri Selangor dengan terbaik. Insya-Allah saya ingin menegaskan di sini bahawa kita ada modul-modul kepimpinan ini yang akan melibatkan semua lapisan masyarakat, semua agensi kerajaan, semua Ahli Dewan Undangan Negeri termasuk EXCO tidak terkecuali Menteri Besar dan Speaker jadi Wakil-wakil rakyat Barisan Nasional dan rakyat negeri Selangor janganlah risau dan takut kerana kerajaan Pakatan Rakyat adalah kerajaan yang, minta izin, dengan izin, ‘learnable’ dan ‘teachable’. Semuanya boleh mampu untuk lebih maju Insya-Allah.

**TUAN SPEAKER :** Boleh minta lalu beri laluan. Ulangan, silakan.

**Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Terima kasih Tuan Speaker, agen yang paling efektif dalam mentransformasikan baik bina insan atau pun negara ekonomi dan sebagainya ialah melalui pendidikan. Jadi kita di Selangor mempunyai tahap-tahap pendidikan daripada peringkat rendah, menengah hingga pengajian tinggi. Saya mahu tahu dari segi kita nak menuju kepada transformasi ini, apakah pendekatan yang nak dibuat melalui sistem pendidikan yang ada pada negeri kita. Adakah melalui kurikulumnya ataupun dari segi umpamanya meningkatkan kualiti tenaga pengajarnya atau meningkatkan dari segi umpamanya gaji sebagai insentif kepada guru-guru untuk mengajar atau umpamanya dengan memperbanyak kaedah-kaedah pengajaran yang efektif melalui berbagai-bagai institusi pendidikan yang ada di negeri kita. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih pada Bangi. Kita ada beberapa jenis institusi pendidikan, maksud saya sekolah dan institusi pengajian tinggi di Selangor ini. Yang pertamanya, adalah institusi sekolah-sekolah seperti di bawah JAIS dan sebagainya yang di bawah kerajaan negeri Selangor termasuk institusi tinggi seperti KUIS, UNISEL dan INPENS. Tetapi yang lainnya sekolah-sekolah biasa sekolah kerajaan yang biasa adalah di bawah jagaan atau kawalan atau kuasa kerajaan persekutuan pusat. Dan seperti yang semua maklum kita Wakil Rakyat daripada pakatan rakyat tidak di benar untuk mempunyai hubungan langsung dengan sekolah-sekolah ini. Jadi saya agak terharu dan teruja apabila mendengar ketua pembangkang Sg Panjang yang menegaskan yang menyatakan keikhlasan ke semua 20 wakil rakyat Barisan Nasional yang ikhlas mahu membantu kita kerajaan negeri Selangor. Jadi saya menyeru kalaalah yang disebutkan oleh EXCO Kebajikan tadi yang mereka khususkan untuk membantu daripada segi memberi data tentang ibu tunggal dan sebagainya kepada kerajaan negeri Selangor, tapi saya rasa untuk mengurangkan kos perbelanjaan negeri, saya rasa semua parti-parti Pakatan Rakyat ini pendokong-pendokong dan ahli-ahli parti Pakatan Rakyat ini sebenarnya selama ini tidak memerlukan kos pembiayaan untuk melakukan mendapat data dan sebagainya. Apa yang perlu dihajati, apa yang perlu kepada mereka ialah saya ingin menyeru kepada semua yang ingin menghulurkan tangan tadi supaya membantu kita di negeri Selangor seperti yang disebutkan oleh Bangi tadi supaya meminta kepada kerajaan pusat khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia supaya menarik balik arahan untuk mencegah kita daripada atau pun wakil rakyat-wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat ini daripada membantu memberi perhatian dan ingin memberi, mencurahkan segala khidmat bakti kita untuk menambah baik lagi prestasi akademik pencapaian akademik dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER** : Minta penjelasan

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Saya rasa belum habis lagi jawapan soalan tu. Jadi rasa kita sangat-sangat merasakan agak terkilan sebab saya mendapatkan banyak permintaan dan kenyataan daripada ibu bapa dan guru-guru. Bahawa mereka ini guru-guru dan ibu bapa yang menghantarkan anak-anak ke sekolah-sekolah ini adalah pengundi-pengundi dan majoriti adalah pengundi pakatan rakyat. Kenapa pula mereka tidak boleh mendapatkan manfaat daripadanya.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Minta penjelasan

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Saya rasa banyak lagi nak apa tu, mungkin tak sempat lagi nak bagi laluan.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan speaker saya merayu sekejap je.

**TUAN SPEAKER** : Boleh

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Boleh bagi masa kecederaan untuk saya nanti.

**TUAN SPEAKER** : Ya..

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Boleh bagi masa kecederaan ke untuk saya kalau saya bagi peluang.

**TUAN SPEAKER** : Boleh-boleh

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Ok-ok.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Terima kasih. Tuan Speaker, Yang Berhormat Selat Klang sebenarnya saya kalau benarlah apa yang dimaksudkan itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya berharap kalau benarlah ada tak bukti yang mengatakan bahawa pihak Kementerian Pelajaran sendiri mengatakan bahawa tidak dibenarkan Wakil Rakyat-Wakil Rakyat Keadilan ataupun Pakatan Rakyat masuk ke sekolah-sekolah semenjak Mac 2008 selepas pilihan raya. Kerana yang saya tahu nak bertanya balik, arahan ini adalah arahan lama yang telah pun dikeluarkan hampir 20 tahun yang lalu. Jadi saya tak faham adakah arahan baru, ada bukti tak, kalau boleh tolong tunjukkan dalam Dewan ini arahan terbaru yang dikeluarkan oleh Kementerian. Ini mungkin arahan lama kot, mungkin dah silap di sini, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih, er... mana. Ok, arah

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM** : Taman Templer

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Taman Templer ye. Tuan Speaker, memanglah arahan itu arahan yang lama, yang tidak dipatuhi oleh Wakil Rakyat Barisan Nasional yang sentiasa telah dilanggar oleh Wakil Rakyat Barisan Nasional selama ini, tetapi anehnya apabila kerajaan Pakatan Rakyat mula memerintah negeri Selangor dan negeri-negeri empat negeri yang lain maka arahan, penegasan arahan itu telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Mula-mulanya daripada lisan kepada guru-guru, buktinya saya sendiri dijemput oleh Yang Dipertua PIBG, Yang Dipertua, Guru Besar pula menjemput pihak lain, satu. Kedua; EXCO Agama juga sama, dijemput oleh pihak PIBG tetapi Guru Besar mengatakan bahawa kami tidak boleh menjemput pihak daripada Pakatan Rakyat, tetapi mereka ada yang menjemput dan masuk surat khabar sendiri di mana Wakil Rakyat Barisan Nasional merasmikan mesyuarat Agong dan sebagainya di sekolah-sekolah kerajaan. Jadi saya harap, saya, jadi saya tegaskan lagi perkara ini memang berlaku dan kita boleh kalau kita buat survey pun boleh. Mungkin semua Wakil Rakyat di sini pun mungkin ada yang berpengalaman seperti itu seperti saya .ye...ha... jadi kemungkinan besar rakyat di Selangor adalah orang yang cerdik, celik IT dan paling tidak suka untuk dikongkong dan dibelenggu pemikiran. Mereka tidak suka dipersoalkan prinsip hidupnya, disekat kebebasan dan kemerdekaannya. Jadi saya menyeru kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Barisan Nasional yang telah diamanahkan, mintalah Malaysia yang telah merdeka 50 tahun ini, merdeka daripada jajahan British, mohonlah kepada Kementerian Kerajaan Barisan Nasional, merdekalah rakyat Negeri Selangor ini daripada cengkaman pemikiran atau jajahan UMNO Barisan Nasional Pusat daripada arahan-arahan yang tidak munasabah itu.

Tuan Speaker, saya teruskan kembali apa yang saya tinggalkan tadi. Jadi antara perkara yang akan kita buatkan adalah yang seperti yang dibangkitkan oleh Bangi sendiri iaitu Bandar Ilmu Bangi. Sebenarnya Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi berhasrat dan telah membuat perancangan untuk menjadikan Selangor sebagai Hub-Ilmuan Hub-Pendidikan. Jadi kita akan melancarkan Projek

Jejak Ilmuan untuk menjelaki ilmuan-ilmuan yang berada di Selangor ini yang selama ini dipinggirkan, tidak dikenali oleh masyarakat Selangor sehingga muda-mudi, masyarakat di negeri Selangor ini mensalah idolakan, mungkin mereka lebih mengidolakan artis dan penggiat-penggiat seni sehingga mereka tidak sedar bahawa tokoh-tokoh ilmu-ilmuan ini berada di Selangor. Maka kita akan mencungkil mereka-mereka yang sudah ada di sini dan kalau selama ini dikatakan *brain drain* dengan izin berlaku di Malaysia khususnya di Selangor ini, maka kita ingin membuatkan satu tindakan untuk memastikan kita akan menjadi *magnet* dengan izin ataupun penarik kepada imuan-ilmuan ini supaya kembali ke Selangor dan membangunkan Selangor ini kepada Selangor memang betul benar-benar maju. Beberapa perancangan telah kita, kita buat untuk menjayakan program ini, mungkin saya hanya beri sepintas lalu, kita akan melancarkan buat *soft launching* dengan izin projek ilmuan ini pada 7 hari bulan Jun 2008 di UNISEL sempena dengan *career expo* di UNISEL yang saya difahamkan akan menarik 500 syarikat untuk dipertemukan kepada belia-belia yang sedang mencari pekerjaan. Dan kita akan mengadakan Hari Ilmuan, Anugerah Ilmuan, Maja Kuiz UNISEL, INPENS, IKYS dan sebagainya dan kita akan mengadakan Sistem Pengkalan Data Ilmuan Selangor yang akan membuat satu *database* tokoh-tokoh ilmuan, senarai tokoh ilmuan terbilang, senarai kepakaran ilmuan dan teknikal dan termasuk tentang kemahiran, laman *web* ilmuan Selangor dan senarai aktiviti ilmuan pakar ilmuan atau pakar dan masyarakat kerana kita ingin menghasilkan ilmuan-ilmuan yang bukan sahaja kaya dengan ilmu tetapi juga mampu, mampu memasyarakatkan dirinya, mampu untuk menyumbangkan ilmunya kepada negeri Selangor ini. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Silakan Kota Anggerik

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.* Tuan Speaker, bagi memulakan perbicaraan pada petang ini, satu pantun saya dulukan;

Dari Kota Anggerik pergi ke pekan,  
Melihat kupu-kupu ke sana sini,  
Terima kasih kami ucapkan  
Kerana penyapu, kami di sini.

Kepada sahabat-sahabat Yang Berhormat Pembangkang pantun tambahan daripada saya;

Kuala Kangsar Bandar baru  
Tempat bersemayam para raja  
Usah dikenang peristiwa yang lalu  
Kelak mengalir si air mata.

Tuan Speaker, negeri Selangor kawasan pertaniannya tidak seluas mana, hanya menyumbang 4.2 peratus KDNK negeri Selangor. Walau bagaimanapun, kita melihatkan sebagai serius untuk memastikan pertanian menjadi aspek yang penting dalam pembangunan negeri Selangor. Hanya dua kawasan padi sahaja terdapat di negeri Selangor iaitu kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam dan keluasan sekitar 19,000 hektar dan purata pengeluaran kita ialah 7.78 sehektar dan hasil bersih 6.46 setan sehektar. Tahun lalu 2007 negeri Selangor berjaya menghasilkan 229,670 hutan. Itu hanya cukup untuk 125 hari bagi penduduk Selangor seramai 5 juta orang. Oleh itu bagi menyahut cadangan daripada Bukit Antarabangsa bagi meningkatkan pengeluaran

padi negeri Selangor usaha hendaklah menggunakan teknik *transplanted* dengan izin berbanding tabur terus sekarang. Dengan itu bagi kluasan 19,000 hektar sebanyak untuk itu dengan kluasan 19,000 hektar sebanyak 325 buah *transplant* digunakan iaitu jumlah kos membeli *transplanted* adalah 20 juta. Seandainya ini dapat dilaksanakan, maka pengeluaran padi negeri Selangor maka akan meningkat kepada 400 tan padi setahun berbanding sekarang hanya lebih 290,670 tan. Apa yang menyediakan Tuan Speaker, nasib petani-petani padi, kita paksa mereka menanam padi tetapi mereka adalah petani-petani yang di bawah paras kemiskinan sebab purata tanah mereka sekitar satu atau dua hektar sahaja.

Tuan Speaker, baru-baru ini paras air di kawasan tanaman padi menurun kepada 20 peratus. Ini kerana aktiviti pencerobohan hutan berlaku di kawasan tersebut. Saya hairan bagaimana Sungai Burong tak perasan, kawasannya di ceroboh oleh apa ni peneroka-peneroka hutan. Bagaimana kita baru dua bulan mentadbir dapat mengesan sedangkan Sungai Burong dan Permatang lebih lama berada di situ. Oleh itu usaha-usaha untuk membendung penebangan hutan-hutan yang menyebabkan paras air menurun hendaklah dibendung. Antaranya ialah kita akan menenggelamkan balik kawasan tersebut supaya paras air kawasan ini dapat dikawal. Saya minta tolong kepada Sungai Burong dan Permatang dan tak kurang juga pada Sungai Panjang untuk membantu kita, memastikan bahawa pencerobohan hutan ini dapat dikawal.

Bagi memodenkan pertanian di negeri Selangor oleh kerana kawasan terhad, kita akan menggunakan *urban agriculture* dengan izin Tuan Speaker, iaitu cara penanaman di kawasan bandar-bandar, sekurang-kurangnya tanaman ini cukup untuk kegunaan sendiri ataupun taman-taman. Bagi mengembangkan pertanian, taman tanaman boleh di tanam di dalam bekas mudah alih seperti pasu, *Polly bag* dan seumpamanya atau di atas tanah. Bagi tanaman nipis terdiri daripada sayur-sayuran, daun-daun, herba dan ulam-ulaman. Saya cadangkan supaya Y.B. sekalian memulakan ada sekurang-kurangnya 2 atau 3 pasu sayur-sayuran di tanam di kawasan rumah masing-masing. Bagi *agriculture* penternakan *polytank* akan kita perkenalkan menggantikan teknik dan kanvas yang ada sebelum ini. Dengan itu pengeluaran akuakultur dapat dipertingkatkan kerana kerajaan negeri juga memberi penekanan kepada kebun kerang. Malangnya Tuan Speaker dalam kerajaan lalu, kita harapkan kebun-kebun kerang ini ditujukan untuk membantu nelayan-nelayan tetapi ada nelayan-nelayan yang dapat bantuan tetapi ada yang bukan nelayan dengan persetujuan orang-orang tertentu mereka dapat kebun kerang. Ini mendapat bantahan daripada nelayan-nelayan.

Bagi ternakan ayam, kita akan memperkenalkan teknik-teknik kes *farming system*. Dengan itu kita dapat mempertingkatkan pengeluaran ayam di negeri Selangor. Bagi meningkatkan kawasan ternakan lembu, kerajaan negeri Selangor mengenal pasti tanah, Insya-Allah di kawasan Kuala Langat untuk menempatkan keseluruhan lembu-lembu yang berkeliaran di kawasan PBT di satu tempat, ha.. itu Morib jangan risau. Kerajaan negeri mencadangkan supaya kawasan-kawasan baru diteroka untuk penanaman khususnya ubi kayu, Morib agak risau takut-takut kawasan kerepek ubi di kawasannya tutup. Untuk itu berita baik untuk Morib, 600 ekar kawasan akan dibuka di kawasan Sepang bagi meningkatkan pengeluaran ubi kayu untuk meningkatkan industri kerepek dan kita sedang berusaha untuk mengenal pasti sekurang-kurangnya 2 kilang kerepek yang ada untuk dijadikan mendapat tahap GNP. Sementara itu di kawasan Ijok, akan diperkenalkan kawasan nanas, untuk makluman, saya tak faham bagaimana Sungai Panjang tak faham juga membuat *total valley* di kawasan tanah gambut. Ini telah menelan belanja RM20 juta dengan kos menimbus tanah gambut. Sebab itulah

bila kita perkenalkan kepada pertanian, pertanian adalah sain berbanding sebelum ini dibuat pertanian politik (ketawa). Oleh kerana Perdana Menteri minat kepada pertanian, maka kerajaan negeri sebelum ini telah memperkenalkan sebuah ladang lembu di sebuah kawasan tanah gambut. Perdana Menteri turun diambil gambar maka lembu besar-besar semua ada, Perdana Menteri balik, lembu pun balik sama (ketawa). Pada hari ini seekor lembu pun tak ada di kawasan tersebut. Sebab itu di kawasan saya kenal pasti sesuai untuk tanaman nanas, iaitu satu projek Ladang Rakyat akan kita perkenalkan di kawasan tanah gambut tersebut. Dan kita telah pun mendapat persetujuan daripada Lembaga Nanas Negara dan Jabatan Pertanian untuk kita membuat konsep Ladang Rakyat di kawasan tersebut.

Kita kenal pasti kawasan-kawasan tanah, tanah-tanah yang tidak ekonomik untuk industri yang besar-besaran kita perkenalkan tanaman koko. Baru-baru ini kita telah memulakan projek koko di kawasan Bukit Lanchong, mensasarkan kawasan untuk setakat ini 30 hektar dan kawasan-kawasan kecil mungkin di Dengkil atau di Meru atau Sabak Bernam boleh kita perkenalkan tanaman koko dengan meletakkan ayam kampung di dalamnya, sebab sekarang ini keperluan telor ayam kampung ini nampak meningkat.

Untuk tanaman kenaf dan *sweet potato* di negeri Selangor ini, kawasan yang kecil untuk pertanian maka kita boleh menumpukan tanah-tanah pertanian yang ada ini untuk aktiviti pertanian makanan, berbanding pertanian untuk menghasilkan *ethanol*. Seterusnya bagi projek-projek keusahawanan kerajaan negeri akan mempromosi menggalakkan anak-anak muda untuk menjadikan keusahawanan sebagai karier, iaitu usaha-usaha dibuat bagi memastikan bahawa generasi muda di negeri Selangor untuk meminati usahawan. Untuk itu peringkat pertama kita akan memperkenalkan program-program yang boleh menambahkan minat dan keyakinannya. Seterusnya kita galakan dua program iaitu *mentoring* dan *coaching* di mana usahawan-usahawan muda ini akan kita *attachkan* dengan izin Tuan Speaker dengan teman-teman sudah berjaya dalam industri dan proses ini kita jalankan untuk tempoh setahun. Setelah itu kita akan bantu mereka dengan program *coaching* minta izin untuk membolehkan berjaya. Dengan itu kos untuk membuat kesilapan di dalam memulakan perniagaan dapat kita kurangkan. Berbagai-bagai program yang seperti yang lalu akan diteruskan. Kita ada peruntukan RM10 juta yang diletakkan di Bank Pertanian dan RM5juta di SME Bank akan diteruskan. Selain itu kerajaan negeri akan bertindak sebagai penjamin di bawah skim yang dikenali sebagai Skim Pinjaman Perusahaan Kecil dan Sederhana. Skim ini diujudkan bagi membantu usahawan untuk meningkatkan produktiviti dan pasaran tetapi tidak mempunyai cagaran yang cukup untuk membuat pinjaman bank. Kerajaan negeri juga turut menyertai program-program bagi mempromosi produk-produk keluaran usahawan di negeri Selangor. Antaranya program Selangor Ria akan kita teruskan dengan wajah baru untuk membolehkan usahawan-usahawan kecil ini mempromosikan barang-barang mereka di dalam program Selangor Ria ini. Satu program ialah untuk mengumpulkan dalam pusat promosi industri luar bandar akan kita tubuhkan. Dengan sokongan agensi pelancongan kita akan ajak pelancong-pelancong ini singgah di kawasan-kawasan promosi industri luar bandar.

Untuk akhirnya, Tuan Speaker, berhubung dengan isu pelantikan JKKK yang dibangkitkan oleh Y.B. dari Sungai Burung, dan Y.B. Batu Caves, kerajaan negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilihan Khas untuk memilih calon-calon Ketua Kampung dan JKKK dan kita jangkakan siap pada penghujung bulan Jun ini. Kira-kira yang ditetapkan adalah individu yang diterima ramai oleh penduduk dan tidak terlalu

bias memihak kepada mana-mana fahaman politik. Ketua Kampung yang akan dipilih adalah orang-orang yang benar-benar boleh berkhidmat kepada penduduk kampung tersebut dan kepada kerajaan negeri semasa. Adalah penting memastikan bahawa ketua-ketua kampung dapat menyokong dasar-dasar kerajaan negeri yang ada. Kerajaan Pakatan Rakyat tidak menetapkan bahawa ketua-ketua kampung yang lama untuk dipilih semula. Untuk makluman sebahagian besar Ketua-ketua Kampong yang lama mereka adalah ketua-ketua UMNO Cawangan dan dalam pertemuan yang saya cuba buat baru-baru ini mereka enggan untuk hadir mendengar penjelasan daripada kerajaan negeri. Untuk itu, saya merasakan bahawa mereka tidak bersedia untuk menjadi Ketua Kampung bagi menyampaikan dasar-dasar kerajaan negeri yang ada.

Dalam hal yang ini, saya yakin Ketua-ketua Kampung yang dilantik oleh kerajaan Barisan Nasional yang dahulu tidak berminat lagi untuk menjadi Ketua Kampung. Oleh itu, dasar kerajaan pusat untuk melantik ketua-ketua kampung dengan dana kerajaan pusat adalah satu perkara yang malang bagi kita kalau ia diteruskan. Sebab ia akan memecahbelahkan orang-orang kampung dan kelompok-kelompok kecil. Walaupun alasannya untuk menjadikan mereka ejen bagi desa wawasan. Saya mencadangkan kepada Y.B. Pembangkang untuk membatalkan hasrat, hasrat untuk melantik Ketua-Ketua Kampung, sebab ini akan memecahbelahkan penduduk kampung. Terimalah sahaja Ketua-ketua Kampung yang dilantik oleh Pegawai Daerah yang dilantik oleh kerajaan negeri.

Berkaitan dengan kawasan hutan, Yang Dipertua, di kawasan negeri Selangor hutannya tinggal 30.1% sahaja. Ini adalah kerana kerakusan kerajaan terdahulu untuk menebang hutan-hutan yang ada untuk mendapat keuntungan yang sedikit. Kita lihat dalam perjalanan daripada Shah Alam ke Ijok di mana hutan-hutan di kawasan Bukit Cerakah sudah ditarah. Ini semua dilakukan oleh kerajaan terdahulu. Oleh itu kerajaan yang ada sekarang ini akan menghentikan semua aktiviti pembalakan supaya kadar minimum 30% hutan yang ada hendaklah dikekalkan. Di samping itu usaha-usaha untuk menanam semula hutan di kawasan-kawasan hutan miskin hendaklah diteruskan.

Yang akhirnya saya hendak menarik perhatian, saya lihat Y.B. Pembangkang tertanya-tanya bila manifesto ini dapat dilaksanakan. Saya umpamakan beginilah, Tuan Speaker, anak kita baru kahwin tiga bulan takkanlah kita dah minta cucu. (Tepuk).

Sabar, akan kita laksanakan. Untuk akhirnya pantun daripada saya,

Ke Pasir Penambang membeli ikan,  
Tenggiri, bawal, cencaru dan gelama,  
Tempe jenis apa yang Pasir Panjang gunakan,  
Pertanian memohon resipi membuatnya.

Sekian. (Tepuk).

**TUAN SPEAKER** : Persilakan Gombak Setia, Dah habis dah. Dipersilakan Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Speaker, terutama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada 16 orang Yang Berhormat-Berhormat yang telah menyentuh secara langsung dan tidak secara langsung mengenai portfolio yang

diamanahkan kepada saya. Dan saya tidak bercadang untuk mengulas kesemua 16-16 cadangan atau pun saranan yang telah dibuat kerana sebahagianya pun telah ada dalam jawapan-jawapan terutama yang diberikan oleh diberikan oleh Y.A.B Menteri Besar, Datuk Menteri Besar dan juga jawapan teman-teman dan jawapan saya waktu kita memberikan jawapan kepada soalan-soalan dalam sesi soalan permulaan kepada sesi-sesi ini.

Pertama sekali sebagaimana juga dengan teman di Kota Anggerik, saya pun nampaknya berasa hairan dan berasa ada keraguan sedikit bila Sungai Burung, Sungai Panjang, Puchong menyebutkan, terutama Puchong ada menyebutkan kononnya PAS, Parti yang saya wakili di kalangan pemimpin-pemimpinnya pernah menyebut untuk menegakkan negara Islam di negeri Selangor ini. Menyebut untuk menutup kilang-kilang Carlsberg, kilang-kilang arak di negeri Selangor ini, menyebut kita menutup kilang-kilang judi dan sebagainya di negeri Selangor ini. Saya nak bagi tahu, kalau *statement* ini keluar daripada saya sebagai Ketua Pas di negeri Selangor ini, ataupun keluar daripada mana-mana mulut pimpinan tertinggi yang namanya Dewan Harian, itu dianggap sebagai polisi kita di peringkat negeri. Tapi saya terlalu yakin , kalau ada tunjukkan kepada saya, kalau ada CDnya tunjukkan kepada saya, kalau ada DVDnya tunjukkan kepada saya, mana-mana pemimpin yang namanya Dewan Harian kalau ada membuat kenyataan sebagaimana yang dikatakan Y.B. daripada Puchong. Saya nak menyebutkan perkara ini Tuan Speaker, sebab perkara ini sangat penting. Apa yang kita katakan selama ini ialah kita bergabung. Satu gabungan yang sangat mantap, Insya-Allah, gabungan yang bukan kekal dalam masa tiga bulan. Saya dengar Sungai Panjang mengatakan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat ini akan hanya boleh bertapak dalam masa tiga bulan sahaja. Begitu juga dalam masa PAS memerintah Kelantan dahulu, sekarang sudah masuk tahun ke lapan belas dah nak masuk tahun kesembilan belas tahun ni. Ada juga yang mengatakan tahan dua bulan, ada yang mengatakan tahan tiga bulan, ada yang mengatakan tahan, kebanyakannya orang UMNO tahan di bawah satu tahun. Sekarang rekod bagi negeri Kelantan tak ada mana-mana kerajaan, sama ada PAS sama ada UMNO sebelumnya yang dapat memerintah melebihi paras 18 tahun. Apa yang hendak saya menyebutkan Tuan Speaker ialah, dugaan daripada telahan ataupun apa yang telah ditimbulkan oleh Puchong, terutamanya yang dibayangkan oleh Sungai Burung dan Sungai Panjang saya nak mengatakan.

**TUAN SPEAKER :** Tak ada Puchong Yang Berhormat, tak de Puchong kat sini, Seri Serdang. Tak de Puchong.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN MOHAMED ALI :** Hah, Seri, Seri,Serdang, *sorry,sorry*, Haa eee pasal rupa tu rupa Puchong. Hah, hah,hah. (Ketawa).

**TUAN SPEAKER :** dulu dia Puchong, memang dulu dia Puchong.

**Y.B. DATO' DR .HASSAN MOHAMED ALI :** Seri Serdang, saya minta maaf.

**TUAN SPEAKER :** Yalah dulu memang dia Puchong.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN MOHAMED ALI :** Patut speaker dah betulkan saya awal-awal lagi. Jadi Tuan Speaker yang saya muliakan sekalian ya, saya nak membetulkan fakta-fakta ini. Pertama sekali tidak ada pimpinan PAS tertinggi yang memegang

Dewan Harian yang memegang polisi parti yang pernah membuat kenyataan ini. Kenyataan yang kita buat ialah kita bergabung bersama-sama dengan PKR, bersama-sama dengan DAP untuk menubuhkan kerajaan Pakatan Rakyat semata-mata untuk kita melaksanakan satu tujuan yang sangat murni, di mana tujuan-tujuan itu kita sama-sama berkongsi, apa dia keadilan, apa dia kesamarataan, apa dia , kesejahteraan, apa dia -tak ada rasuah, apa dia tak ada Mr. 30%, apa dia tak ada Mr. 10%, apa dia tak ada kroni-kroni dalam kontraktor-kontraktor dan tender-tender.

Saya nak bagi tahu, tender-tender kita dah ubah sekarang ini, daripada *negotiated* tender yang penuh dengan dosa-dosa di dalamnya. Insya-Allah kita akan melakukan satu bentuk tender, namanya *open tender*. Saya yang sejak, yang Sekinchan ada menyebutkan ya. Baru-baru ni ingat tak Sekincan menyebutkan jalan yang daripada Sekincan ke Ulu Bernam, yang Sungai Panjang kata semuanya telus, boleh cek dengan jabatan-jabatan, dilaksanakan dengan telus. Saya nak baca ni laporan ini. Laporan daripada Ketua Audit Negara mengenai pembinaan jalan Sekinchan ke Ulu Bernam, Ketua Audit Negara telah pun membuat ulasan tentang projek ini dalam laporan Ketua Audit Negara tahun 2006. Antara Laporan Ketua Audit Negara ialah Jabatan tidak mematuhi sepenuhnya undang-Undang dan peraturan yang telah ditetapkan semasa proses pemilihan kontraktor dan pengeluaran arahan perubahan kerja kontraktor telah dilantik secara runding terus. Pihak Audit berpendapat bahawa jika pemilihan kontraktor dibuat secara tender, jabatan dapat menentukan tawarkan harga kontrak yang lebih berpatutan. (Tepuk). Berdasarkan kos anggaran jabatan dan purata kos projek yang merupakan para penender.

Sungai Panjang! Sungai Panjang selalu sebut, kami, kami *clean*, kami bersih, kami bersih, kami bersih, tengok prosedur, boleh cek, boleh cek, macam mana nak cek, kalau misalnya BALKIS, dengan duit yang diberikan oleh PNSB hampir RM6 juta, RM6 juta lebih. Belanja untuk apa. Belanja untuk apa RM6 juta lebih. KDEB bagi RM600,000/-, PKNS bagi lebih daripada RM500,000. Saya difahamkan Zakat pun bagi. Saya harap perkara ini kena ditengok balik Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Sila. Sila, sila.

**Y.B. DATO' MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Sebenarnya Inilah. Saya nak beri tahu. Kita kalau orang Islam jangan buruk sangka. Sebenarnya kes jalan ini telah dilaporkan tahun 2002 dan telah disiasat oleh BPR, oleh pihak Polis, oleh semuanya, la semua ditentukan oleh jabatan. Jadi kalau lah Gombak Setia tidak setuju, ambil tindakan kepada jabatan.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN MOHAMED ALI** : Takkan ambil tindakan kepada jabatan, ambil tindakan kepada bekas Menteri Besar. (Tepuk).

**Y.B. DATO' MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Masalah dia mudah sahaja. Saya, saya, bagi saya ni , saya nak jelaskan bahawa semuanya ini ada, ada teknikal kita kena ikut, Bukannya Menteri Besar ni, Tuan Speaker, bagi harga terus ikut. Tak ada. Saya mudah. Apa-apa sampai kat saya, ikut peraturan, saya sain. RM10 juta ke atas tender memang Menteri Besar sain. Itu Peraturan Kewangan. Dan saya telah disiasat kesemuanya tak ada masalah.

Masalah BALKIS saya nak bagi tahu bahawa, kalaular duit itu salah, disalahgunakan, saya, saya rasa buat laporan. Masalahnya, Menteri Besar pun telah terangkan. Untuk Perayaan Hari Raya Cina, Perayaan Hari Raya Puasa. Semua kita beri pada orang lain. Dan duit ini yang ada, kita bukan simpan dalam poket kita, kita hantar ke Bakti, Bakti dah terima dan Bakti telah janji duit ini dihantar tiap-tiap bulan untuk menjaga sekolah BALKIS yang ada pada hari ini. Itu perjanjian yang telah dibuat. Dan saya hendak beri tahu tanyalah Pegawai Undang-Undang, siapa-siapa yang tidak menjadi Ahli BALKIS adakah dia berhak untuk bertanya? Kita kena ikut Undang-undang. Saya nak beritahu.....

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI :** Tuan Speaker dia akan bercakap lama. Saya ingat saya tak benarkan dia bersyarah Tuan Speaker. Ini *floor* saya.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya nak beri tahu. Saya nak teruskan.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Panjang, cuma, bukan saya tak hendak beri peluang. Jangan cakap *this is my floor*. Sekarang ini yang berucap ini Gombak Setia. *This is not your floor*. dengan izin. (Tepuk). Kalau hendak minta penjelasan boleh saya berikan. Tapi kalau hendak beri ucapan saya rasa dah tak boleh. Kita kena ikut patuh pada peraturan. Jadi Gombak Setia boleh teruskan. Kalau Sg. Panjang ada soalan boleh lagi minta laluan. ( Tepuk).

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI :** Saya banyak tengok Speaker di Malaysia ini. Ini antara Speaker yang terbaik yang kita ada. Dewan Bertepuk.

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM :** Tuan Speaker, beri laluan.

**TUAN SPEAKER :** Ya, Morib minta laluan.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI :** Saya belum, belum mula lagi. Kalau hendak *repeat* dengan apa yang disebutkan oleh Sg. Panjang tadi...

**TUAN SPEAKER :** Penjelasan, penjelasan.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI :** Tak perlu, tak perlu Morib duduk dulu.

**TUAN SPEAKER :** Dia tak bagi, sila duduk dulu. Silakan Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI :** Tuan Speaker yang saya hormati. Saya ingat tentang hal untuk menyebutkan, saya hendak *clearkan* yang sebenarnya dengan izin Tuan Speaker tentang Parti yang pimpin di negeri Selangor ini iaitu Parti PAS gabungan bersama dengan PKR dan DAP. Dan saya rasa ini sangat penting. Sangat penting kepada rakyat di Negeri Selangor ini khasnya bahawa kita bersama-sama dengan PKR. Bersama-sama dengan DAP menubuhkan satu kerajaan. Kerajaan Pakatan Rakyat yang berusaha sedaya upaya untuk menjalankan satu pemerintahan atas dasar *good governance* dengan izin, atas dasar kesamarataan, atas dasar keadilan dan inilah yang kita hendak bentangkan kepada masyarakat rakyat negeri Selangor lima puluh tahun mereka sudah menunggu. Nak dapatkan seorang Menteri Besar. Ada Menteri Besar yang junjung berapa kilo duit, berapa kilo duit di Lapangan Terbang

*Melbourne*. Ada Menteri Besar yang telah disabitkan kesalahan memang rasuah. Dan saya rasa bekas Menteri Besar ini pun kita akan kaji, kita akan lihat dengan *Select Committee* kita, dengan *PAC* kita dan berbagai-bagai lagi pada hal laporan yang telah dibuat paling tidaknya dengan sepuluh laporan yang dibuat saya yang melaporkannya. Di Parlimen saya sebut, di Dewan Undangan ini disebut tidak pernah diberitahu secara rasmi. Apa natijah daripada laporan yang telah dibuat kepada BPR, kepada Polis dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan bila saya menjelaskan tentang kedudukan Parti saya dan kedudukan PAS dalam konteks ini Insya-Allah PAS akan menjadi parti yang setia bersama-sama dengan dua orang teman yang lain untuk menentukan kita nak meletakkan ke ribaan rakyat di Selangor ini negara yang maju, negara yang aman, negara yang damai bersesuaian dengan kehendak Allah *Baldatun Taiyibatun Warabbun Ghafur*.

Tuan Speaker, yang saya muliakan sekalian, Tuan Speaker dan teman-teman yang saya muliakan. Saya juga hendak menyentuh mengenai kenapa ditimbulkan sangat eh! soal-soal yang, yang menyentuh soal manifesto hampir seluruh yang bangun. Di pihak yang sebelah sana tu tak ada seorang pun yang tidak menyentuh soal manifesto kita. Tadi Kota Anggerik telah sebut. Teman-teman lain pun dah sebut, semuanya dah sebut saya hendak beri *I am giving my peace towards this subject* dengan izin. Saudara, Tuan Speaker dan teman-teman yang saya muliakan sekalian ya. Tentang manifesto ini kita ada lebih daripada dua puluh tawaran kepada rakyat . Dan masa kita membuat tawaran ini saya hendak menyebutkan bahawa kita buat tawaran ini dengan penuh bertanggungjawab. *We are fully responsible* dengan izin. Bukan hanya petik daripada langit begitu sahaja dan Insya-Allah dengan kita meluluskan dua puluh *meter cube* ini, ini adalah perjalanan kepada kereta api yang pertama. Kepala kereta api kesejahteraan rakyat dengan membawa air bersih percuma dua puluh *meter cube* kepada rakyat kita. Yang tak pernah berlaku seluruh Malaysia, tak pernah berlaku. Yang berlaku hanya di negeri Selangor ini. Lima puluh tahun lebih UMNO Barisan Nasional memerintah tak pernah berlaku akan berlaku dalam pemerintahan 1 hari bulan Jun . *Billing for July* dengan izin *will reflect* dua puluh *meter cube* itu dipotong daripada bil-bil kepunyaan rakyat negeri Selangor terutamanya rakyat yang mempunyai meter-meter persendirian. Meter-meter yang *bulk meters* dengan izin kemungkinannya ada *treatments* yang lain untuk kumpulan itu. Saya hendak menyebutkan ya, soal *priority* yang disebut Aulawayadh. Aulawayadh ini *prioritising* dengan izin. Kita ada *priority* kalau kita ada dua puluh perkara yang kita hendak sembahkan kepada rakyat mesti ada *priority*. Kan kita dah ikut program namanya. Kan *prioritising* ini sebagai satu benda yang sangat penting dalam *management*. *No management would go without prioritisation*. Mesti ada *prioritise*. Nak didulukan yang didulu dan kemudiankan yang kemudian. Kalau dalam sembahyang dinamakan tertib. Dimulai dengan takbir kemudian tu disudahkan dengan salam. Itu tertib. Kan elok kalau kita jalankan secara bertertib. Dan ini yang kita hendak buat. Yang kita menyalak-nyalak ini fasal apa. Semalam dua hari yang lepas bersama dengan Yang Amat Berhormat Menteri besar kita buatkan satu seminar satu bengkel di INTEKMA Resort. Dua ratus tiga puluh orang yang hadir. Berbagai-bagai kalangan, korporatnya, profesionalnya, ulamaknya, orang kampungnya, ketua kampungnya, penghulunya , orang besar daerahnya saya tanya mereka apa komplain tentang manifesto. Tak ada komplain apa. Sanggup tunggu *after all* dia kata. *We have been waiting for the past over to fifty years, over fifty years*. (Tepuk). And therefore can't we wait for three months. Sg. Panjang tak pandang saya pula, dengan izin.

**TUAN SPEAKER : Sorry, sorry, sorry...**

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Dengan izin, dengan izin.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker, minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Sila, sila.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Kalau kita timbulkan nak dilaksanakan apa yang kecil hati sangat. Yang kita, kita timbulkan kerana tugas kita selaku pembangkang. Kalau dibuat alhamdulillah tak ada masalah. Yang kita rasa bila kita timbulkan pasal manifesto ini kita kecil hati sangat kenapa?

**Y.B. DATO DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Bukan soalnya, bukan soalnya mengatakan kalau hendak dibuat tu ok buatlah. Soalnya orang UMNO dah pergi ke cawangan-cawangan, dah pergi jumpa orang kampung, buatkan borang-borang pergi ke klinik-klinik, Pergi ke Klinik Sijangkang kat sana serbu klinik-klinik orang sana minta supaya kerajaan negeri bayar. Apa ni hendak kerjasama dengan kita. *Is that the basis for working together* dengan izin. Sebab itu saya harap Sg. Panjang ya, saya harap saya sebenarnya nak tunggu Seri Serdang ini, tak datang-datang dia lagi dia ni. Dengar ini, ini, ini saya nak tunggu sangat pasal yang, yang Sementa ni masa saya melapurkan diri untuk memegang jawatan bagi portfolio ini dilantik menjadi Ahli EXCO apa yang saya harap, saya kerja dengan kerajaan dua puluh tahun kerja dengan swasta tujuh belas tahun tradisinya ialah menyerah tugas namanya. *Handing over* tugas dengan izin. Saya tak dapat *handing over* tugas, *no handing over notes*. Saya masuk dalam bilik itu *deserted* dengan izin. (Tepuk). *Deserted*. Sampaikan sebahagian daripada bilik carpet-carpet pun di *raped off*. Apa ni, penyamun ni.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOM BIN SAPARI** : Masya-Allah.

**Y.B. DATO DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Serius. Berbesar hatilah, kalah-kalah, serah tugas. *These are the outstanding things. This you must do urgently. This one needs further, further, further meeting, this one needs* tambahan, duit tambahan. Apa masalahnya dengan izin. Kalau-kalau Arab boleh izin tak. Lepas ini saya hendak cakap Arab.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia, jangan marah sangat. *Easy* sikit, nanti naik darah tinggi pula.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Tak ada, tak ada, tak ada, saya tak ada. Saya marah ni sebab tegur Sg. Panjang kat depan ini. Dulu satu masa 2004 saya duduk dekat kerusi dialah tu saya Ketua Pembangkang dahulu. Jadi, saya, saya mengharapkan sangat ya, supaya manifesto ini kalau saya dapat, saya harap sangat kalau teman-teman saya ini di sebelah sana mari kita berjiwa besar. Dalam berkeadaan kita berjiwa besar ini dengan apa yang disebutkan oleh teman kita daripada Sg. Air Tawar dalam ucapannya hendak berjiwa besar, kita bersatu, kita pandang ah! Apa ni, ah! gambar yang lebih besar. Saya sedang memandang gambar yang lebih besar. Kita punya Kota Anggerik memandang gambar yang lebih besar. Semuanya memandang gambar yang lebih besar. Atas memandang gambar yang lebih besar itulah kita persembahkan manifesto ini kepada rakyat dan berjanji Insya-Allah dengan izin *Subhanallahu wataala* bukan hendak mendabik dada, bukan nak sompong, bukan nak bongkok kita nak berikan rakyat Selangor ini seketika dalam hidup mereka untuk menikmati satu keamanan, kedamaian, kesejahteraan dalam hidup dengan kita akan

mengusahakan sedaya upayanya setiap kali Mesyuarat EXCO, setiap kali Mesyuarat MTES saya dah nampak *the vibrant, the dynamicsm* untuk kita menggerakkan Selangor ini menjadi terus negeri maju walau pun saya ini sebenarnya agak terganggu dengan perkataan Selangor, Negeri Selangor Maju itu.

Tuan Speaker, yang saya muliakan ya. Saya hendak pergi kepada ucapan daripada teman saya yang memberikan beberapa butir yang minta saya menerangkan. Pertama ialah tentang daripada Sg. Panjang juga ya, yang saya hendak ulas sedikit persoalan bukan dari Sg. Panjang, daripada Seri Serdang juga, dan Sg. Burung juga tentang masalah maksiat ini. Maksiat memang banyak, saya tak mahu, saya tak mahu gandakan lagi maksiat sebagaimana yang disebut oleh Selat Kelang tadi. Tapi maksiat dalam bentuk judi, maksiat dalam bentuk persetubuhan haram. Maksiat-maksiat dalam bentuk bersubahat melakukan maksiat mabuk, minum jual arak, tidak berpuasa, mengajar tanpa tauliah, lucah, tidak sopan dan sebagainya itu adalah maksiat-maksiat yang dimaksudkan sebagai jenayah atau pun kesalahan-kesalahan syariah. Saya hendak menyebutkan ya, kesalahan ini banyak sebenarnya. Satu masa dulu kita ada BADAR namanya. Tuan Speaker, kita ada BADAR. Tetapi atas beberapa sebab BADAR tidak dapat diteruskan. Insya-Allah saya akan, sedang mengulang kaji balik seluruh proses nahi mungkar. Amal makruf nahi mungkar. Segala prosesnya yang saya akan bawa daripada awal-awal, daripada cawangan, daripada bahagian sampailah daripada jabatan kerajaan dan sampai kepada JAIS dan MAIS sampai kepada kalau boleh saya hendak bawa ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk kita membentangkan satu *blue print* tentang bagaimana hendak menegakkan *al-amirul nabi maaruf wannahu waanil mungkar* itu. Insya-Allah saya berharap nanti EXCO atau pun MAIS akan memberikan kelulusan kepada kita untuk meluluskan jawatan-jawatan yang namanya jawatan-jawatan penguatkuasa yang sekarang ini nisbahnya dengan penduduk Islam yang melebihi dua juta di negeri Selangor ini dalam penduduk Selangor yang jumlahnya 4.6 juta. Kita mengharapkan nanti bahawa pegawai-pegawai Penguat kuasa ini akan ada taring, pegawai-pegawai penguat kausa ini akan ada latihan, pegawai-pegawai penguat kuasa ini akan ada kesungguhan yang lebih penting daripada itu. Pegawai-pegawai penguat kuasa ini mempunyai kemantapan fikiran minda dan kebijaksanaan untuk menjalankan tugas mereka untuk mencegah yang mungkar dan menggalakkan yang makruf. Dalam hal itu saya mengharapkan pihak-pihak daripada di sebelah sana kalau misalnya ada kemungkaran-kemungkaran yang berlaku misalnya yang disebut tentang khutbah kalau ada betul-betul khutbahnya yang menyalahi tentang khutbah menyalahi hukum-hukum khutbah, melalui peraturan-peraturan khutbah atau membawa betul-betul parti politik dalam khutbah bagi tahu saya, bagi tahu JAIS, bagi tahu MAIS kita akan berikan *warning* kepada mereka dan kalau mereka terus juga menyebutkan perkara-perkara sedemikian agaknya tauliahnya perlulah ditarik. Dan ini akan kita lakukan dan untuk pengetahuan teman-teman di sebelah sana yang lebih tahu daripada saya sebenarnya sehingga ini dalam masa tiga tahun yang lepas saya tengok statistiknya hanya satu orang sahaja yang dilaporkan yang menyalahgunakan tauliah yang telah dikurniakan kepada mereka. Yang lain ok. Tak ada masalah pun. Sebab itu saya rasa ini bukan *big deal* dengan izin, bukan *big deal* tetapi apa pun sebagai orang yang bertanggungjawab dan diamanahkan saya akan menentukan satu sistem dapat dibuat. Satu peraturan dapat dibuat. Khutbahnya, penyediaan khutbahnya, pembacaan khutbahnya saya hendak memberitahukan semalam saya dapat SMS dua tiga SMS saya dapat. Ada lagi masjid-masjid yang membaca memang memilih membaca tajuk khutbahnya Islam Hadhari. Kita telah mengambil satu keputusan bahawa Islam Hadhari tidak diizinkan untuk diperkembangkan di negeri Selangor ini. Cukuplah dengan DiNur Islam. Cukuplah dengan *Alyaumal akmal tulakum dinakum waathemam tualaikum*

*nikmati waradhitulakum nikmati Islam Madinah.* Islam Madiinah. Sudah cukup bahawa Islam itu adalah satu pengkhususan cara hidup yang lengkap, yang inilah yang kita bekalkan kepada manusia mana pun, latar belakang mana pun agama, apa pun inilah yang akan kita sandarkan bila kita mengurus, mentadbir memerintah negeri Selangor ini.

Kemudian Tuan Speaker, sedikit lagi saya hendak menyebutkan daripada Paya Jaras. Paya Jaras ini ada satu ucapan yang paling baik. Sebelah sana saya rasa ucapan yang paling baik, yang menggunakan kepala dan akal ialah Paya Jaras. (Tepuk.) Dan Paya Jaras mengakui apa yang saya lakukan. Bila berlaku keadaan orang PAS di mana dituduhnya menggunakan surau dan saya disebutkan sebagai orang yang menegah supaya itu tidak berlaku dan saya harap itu sebagai satu, satu *acknowledgement* daripada Y.B. Paya Jaras apa yang saya nak sebutkan kalau ada pengkhutbah-pengkhutbah yang gagal dalam khutbah yang keduanya menyebut ke bawah Duli Tuanku umpamanya dengan Raja Muda dan keluarga Baginda Tuanku bolehlah laporkan kepada saya. Saya akan memberikan Insya-Allah satu nasihat kepada teman-teman memanggil mereka bahkan rancangan-rancangan *in the offing* dengan izin supaya dalam beberapa minggu akan datang saya memanggil seluruh pengkhutbah-pengkhutbah di negeri Selangor untuk menerangkan kepada mereka prasyarat-prasyarat, cara-cara, *method-method* dan cara-cara yang terbaik untuk mereka khutbah itu sebagai alat yang dapat mengubah minda, mengubah tatalaku, mengubah sahsiah masyarakat dan ini mesti dapat kita lakukan Insya-Allah. Terutamanya dalam konteks bila Pakatan Rakyat ini diberikan oleh Allah SWT amanah untuk mentadbir 4.6 juta rakyat di negeri Selangor ini. Kemudian teman daripada Kg. Tunku Yang Berhormat daripada Kg. Tunku yang pusat ibadatnya dan tempat beribadah yang tidak cukup dan sebagainya. Ini kita akan lihat dia ada nisbah-nisbahnya. *We are something out on proportions on nisbah-nisbah* yang sesuai nisbah untuk masjid, nisbah untuk gereja, nisbah untuk tokong, nisbah untuk tokong hindu dan sebagainya dan ini kita lakukan dan kita lakukan dengan adil. Bagi saya...saya tiada masalah, bagi saya *good kristian good* kita memerlukan di Malaysia *very a good Muslim, very a good kristian, very a good Buddhist, very good hindu* itu yang perlunya dan bagi saya bagi orang lain saya tak tahu. Biasanya orang yang ke masjid itu biasanya adalah Muslim yang baik, yang pergi ke kuliah subuh itu Muslim yang baik yang pergi sembahyang subuh itu Muslim yang baik. Sebab itu bagi saya...bagi saya...saya tidak ada masalah untuk teman-teman bergantunglah kepada keperluan, bergantunglah kepada kesesuaian yang hendak buka masjid, yang hendak,buka surau, yang buka madrasah, buka madrasah persendirian, yang buka maahad-maahad tahfiz dan sebagainya. Bagi saya makin banyak makin elok makin banyak elok tetapi perlulah diselaraskan dengan sebaik-baiknya.

Kemudian kepada Kajang. Yang Berhormat daripada Kajang yang juga menyebut tentang rumah ibadah itu saya tidak ulas tapi saya akan ulas tentang merobohkan rumah ibadah seperti apa yang berlaku dalam Kg. Rimba Jaya sebagainya dan Insya-Allah atas sebab-sebab yang telah saya sebutkan tadi merobohkan rumah-rumah ibadah ini seperti surau dan masjid memanglah tindakan yang tidak ada pilihan langsung lagi, kot-kot itu menjadilah pilihannya kemudian itu berlaku, selagi itu tidak berlaku selagi ada masa pilihan walau macam mana jauh pilihan itu kita akan terus memilih pilihan yang mengekalkan di mana-mana surau dan mana-mana masjid sebagainya.

Perancangan kita mesti mengekalkan masjid dan surau, mengekalkan gereja mengekalkan rumah ibadah orang-orang Hindu, orang-orang Budha, orang-orang Kristian dan sebagainya. Sebab macam saya katakan tadi kita memerlukan rakyat di

negeri Selangor ini dalam keadaan dipukul oleh gelombang pembangunan, gelombang moden, gelombang *westernization* gelombang *Hedonistic culture*, kita memerlukan tampan-tampan ini, kita memerlukan benteng-benteng ini. Benteng-benteng yang tidak lain tidak bukan ialah *the bridge of spirituality* benteng *spirituality* dengan izin. Maka dengan itu saya sangat menyokong apa-apa usaha pun saya akan bersama-sama dengan saudara hatta yang pembangkang pun untuk bersama-sama kita menghidupkan surau, menghidupkan gereja, menghidupkan rumah-rumah ibadah untuk membolehkan rakyat di negeri Selangor ini menjalankan ibadah mereka.

Kemudianya Sg. Burong saya tak mahu,tak mahu banyak tentang zakat, pungutan zakat. Zakat telah dipungut memang betul zakat RM202 juta, tapi biarlah saya belum mengkaji habis-habisan lagi, belum meneropong secara habis-habisan lagi tentang bagaimana duit-duit zakat diurus, dikendalikan dan sebagainya. Cukup saya nyatakan bahawa kita memerlukan satu penerokaan dalam hal pungutan zakat dan juga pengagihan wang zakat. Tak mahu lagi saya misalnya wang zakat pergi ke BALKIS, tak mahu lagi digunakan satu masa-masa dulu, kalau YB dari Sg Panjang kalau ingat masa dulu saya pernah bercakap dalam dewan ini macam mana wang zakat dibelanjakan untuk melibatkan diri dalam pertandingan golf saya sebut dalam dewan ketika itu. Jadi kita tidak berharap ia tidak berlaku terus tidak berlaku dan saya akan menentukan terus menentukan ini akan berlaku amanah daripada Allah. Kalau duit poket kita sendiri saya tak berapa kisah, duit orang saya tak berapa kisah tapi duit zakat saya tak izinkan walau satu sen pun dibelanjakan untuk mengikut nafsu syahwat, nafsu serakah kita untuk membelanjakan wang-wang zakat tak masuk dalam 88 asnaf yang diizinkan oleh Allah SWT itu.

Kemudian saya pergi ke Lembah Jaya. Y.B Lembah Jaya menanyakan tentang BPR masuk ke Lembaga Zakat memang BPR telah masuk ke Lembaga Zakat untuk melihat integrasi apa yang berlaku dalam Lembaga Zakat, dalam MAIS 2 orang yang sudah ditahan reman, lama juga tak salah saya sampai ke paras 3 minggu tahanan remannya dan dibebaskan dengan jaminan RM10,000 dengan 2 orang penjamin dan saya tidak dapat *disclose* sebab benda ini dalam siasatan. Saya tidak dapat bagi tahu lebih daripada itu sebab benda itu dalam siasatan, maka apa pun siasatan itu telah disiapkan dan saya berita-berita lanjut dapat diberitahu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bahkan dapat diberitahu terus kepada orang yang paling bertanggungjawab mengenai masalah agama di negeri Selangor tidak lain tidak bukan Di bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Jadi saya berharap kita merenung di depan, di belakang, kiri dan kanan di mana kita sebenarnya pentadbiran zakat dan sebagainya dan saya akan menentukan, saya akan menentukan dan saya sudah pun dilantik jadi Timbalan Penggerusi MAIS, dan saya juga menentukan dengan izin Allah SWT, dan saya juga akan masuk menentukan keadilan teman-teman saya yang lain yang menentukan duit zakat, wang zakat akan dibelanjakan mengikut 88 asnaf seperti yang telah ditetapkan oleh Allah SWT

Kemudian tanah kubur. Ini satu lagi tanah kubur daripada Teratai mengungkitkan soal tanah kubur dan teman dari Lembah Paya Jaya juga mengungkitkan soal tanah kubur. Soal tanah kubur ini yang saya soalkan latar belakang Perancang Bandar *urban science*. Latar belakang saya ini yang kita merancangkan kalau kita hidup lupa untuk mati. Pada hal disebut *abdholuziq zikrulmaut* zikir yang paling baik ialah zikir tentang mati, maka kita merancang hidup tidak merancang orang mati. Apa yang berlaku di negeri Selangor seorang mati, mayatnya terpaksa di usung dalam 30 ke 40 meter untuk ditanam di suatu tempat sebab kubur di tempat di kawasan dia sudah penuh tidak boleh

menampung. Kita telah mengusahakan supaya daerah-daerah mengadakan kubur-kubur berpusat, kubur-kubur berpusat *concentrated* dan kita juga sedang mengambil langkah-langkah untuk menentukan seperti yang disebutkan di Ampang ,kawasan 5 ekar di Ampang itu dapat menentukan tentang keperluan rakyat tempatan di kawasan tempatan, di masyarakat tempatan memerlukan kalau *shopping centre* dengan kubur, kubur diperlukan saya akan menentukan mereka dapat tanah itu untuk perkuburan tersebut. Pada masa yang sama kita sedang meneliti fakta di negeri Selangor pada 8 September 2004 telah membuat satu fatwa apa faktanya dibenarkan menanam mayatnya bertingkat-tingkat. Jadi Pulau Pinang sudah melakukan sampai masanya, sampai ketikanya agak Sg. Panjang pun bolehlah kalau hendak ditanam di Shah Alam saya rasa tingkat-tingkat rasanya....jadi saya harap kita dapat melaksanakan menanam mayat secara bertingkat-tingkat ini kemungkinan kerana fatwa mengizinkan saya rasa sampai masanya terutama tempat-tempat seperti di Gombak, tempat-tempat seperti di Petaling, tempat-tempat seperti di Klang, tempat-tempat seperti kawasan-kawasan bandar begini sudah sampai masanya, agak masa dan ketikanya melaksanakan apa yang telah difatwakan itu.

Akhirnya Y.B. dari Sekinchan, saya telah menyebutkan tadi hanya yang akhir saya ingin menyebutkan kalau boleh Tuan Speaker, saya mengharapkan sangat bagi pihak temanteman Pakatan-Pakatan Rakyat mari kita berhubung, mari kita berhubung mari kita *network*, mari kita cuci diri, cuci hati, cuci jiwa mari kita sama-sama melalui satu proses namanya taski nafs membersihkan diri membersihkan jiwa kita banyak menangis banyak sembah Allah banyak berdoa kepada Allah, banyak berzikir pada Allah ini adalah cara-caranya saya nampak inilah hubungan sebenarnya yang boleh menghubungkan hati-hati insan. Bila berhubung hati insan-insan tersebut diharap Insya-Allah cerahlah negeri Selangor. Maka cerahlah keberkatannya maka cerahlah keredaan Allah SWT untuk terus Allah SWT terus menyeluruh kita supaya kita menjadi insan-insan Allah meredai kita. Tuan Speaker cukuplah setakat itu saya ucapan ribuan terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih, Lega dah.....Gombak Setia. Dipersilakan Y.B. Kinrara.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Walaupun tiada sesiapa ADUN Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu Pelaburan Perindustrian dan Perdagangan tapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat yang mulia ini tentang pelaburan yang ada di negeri kita. Pelaburan asing di negeri Selangor telah meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2006 terdapat 312 projek perkilangan diluluskan oleh kerajaan. Manakala 318 projek perkilangan diluluskan pada tahun 2007. Jumlah modal pelaburan pada tahun 2006 ialah 5 bilion 380 juta 384 ribu dan 318 ringgit. Manakala angka ini meningkat kepada 11 bilion 181 juta 450 ribu dan 369 ringgit. Tuan Speaker bagi tempoh Januari hingga Mac pada tahun ini sebanyak 58 projek perkilangan telah diluluskan di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah 1 bilion 727, 300 dan 3 ribu 879 ringgit. Daripada angka ini 18% dari pelaburan tempatan dan lain daripada pelaburan asing. Saya berharap jumlah pelaburan dalam tahun ini akan terus meningkat. Bagi membantu pelabur datang melabur di negeri Selangor kerajaan negeri Selangor telah mewujudkan SSIC Berhad yang berfungsi sebagai *One Stop Agency* kepada pelabur untuk mendapatkan maklumat serta sebagai membantu pelabur untuk mendapatkan kelulusan daripada jabatan-jabatan yang berkaitan. Selain itu SSIC Berhad juga akan memantau serta membantu para pelabur bagi menyelesaikan permasalahan atau isu

yang berbangkit sepanjang mereka melabur di negeri Selangor. Kerana negeri Selangor akan terus melaksanakan konsep Mesra Pelabur dan diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapat maklum balas bagi keselamatan mereka di negeri Selangor. Dari segi permohonan kelulusan pula, kerajaan akan mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti permohonan sijil layak menduduki, permohonan kelulusan pelan pembangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan oleh pihak industri pelabur melalui One Stop Centre ditubuhkan di setiap PBT.

Untuk maklumat Ahli-ahli Berhormat, saya sebagai Ahli Parlimen pernah mengemukakan satu pertanyaan lisan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di Dewan Rakyat pada 5 Mei 2008. Soalan saya ialah sama ada kementeriannya akan terus bekerjasama dengan lima kerajaan negeri DAP, PKR dan PAS untuk pelaburan asing dan memberi insentif kepada pelabur asing untuk melabur di lima negeri tersebut. Jawapan Menteri kepada saya adalah seperti berikut: bermula dengan kurungan (Kerajaan memang menggalakkan pelaburan asing ke semua negeri, justeru itu semua insentif sama ada yang sedia ada atau insentif baru akan terus diberikan kepada semua negeri. Kerajaan akan sentiasa memastikan hasil pelaburan dinikmati semua rakyat. Kemasukan pelabur asing adalah faktor terpenting yang menyumbang kepada pembangunan negara, kerajaan pusat tidak akan mendiskriminasikan mana-mana kerajaan negeri. Justeru itu, kerajaan negeri di kelima-lima negeri tersebut adalah digalakkan untuk meneruskan polisi-polisi sedia ada, dengan izin '*Pro Business*'. Di samping itu, kerajaan di negeri-negeri ini diharap tidak memperkenalkan atau melaksanakan apa-apa dasar baru di peringkat negeri yang tidak proaktif dari segi pelaburan atau yang mungkin bercanggah dengan dasar dan perundungan yang telah lama di laksana serta di kuat kuasa di peringkat kerajaan persekutuan untuk meneruskan prestasi cemerlang yang diwarisi dalam menarik kemasukan pelaburan asing). Tuan Speaker, ini adalah jawapan yang ha..jawapan..ha...yang saya terima daripada Dewan Rakyat. Saya juga telah mengadakan satu pertemuan dengan Ketua Pengarah dan Pegawai MIDA pada 20 Mei tahun ini, sekali lagi saya diberi jaminan bahawa MIDA akan membantu kita dalam usaha menarik pelaburan asing dan ke semua insentif yang ditawarkan oleh MIDA kepada para pelabur asing juga akan ditawarkan kepada pelabur asing yang menanam pelaburan mereka di negeri Selangor. Akhirnya, saya ingin menyeru pada Ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini dan ke semua pegawai kerajaan negeri Selangor, untuk bekerjasama dengan pihak...

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Boleh minta laluan, Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Yang kita dengar tadi, semuanya tarik modal masuk ke negara kita lahir Selangor, tapi dari maklumat yang kita tau..ha..dapat ada juga pemodal-pemodal yang menarik modal dia keluar...mengalihkan modalnya ke negeri lain. Setakat ini, katakanlah daripada 2005, berapa banyak pemodal-pemodal yang telah menarik modal mereka dari negeri Selangor ke tempat yang lain kalau ada mengapa? Memang ada, di Bangi pun ada. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Terima kasih, Yang Berhormat Bangi. Saya, 'off hand' saya tak ada statistik seperti ini, tapi statistik seperti ini mungkin boleh kita dapat dari MIDA, kalau Yang Berhormat berminat, saya cuba akan dapatkan

angka dan maklumat berkenaan dan dalam perjumpaan kami di Pejabat MIDA, ha..Ketua Pengarah MIDA juga..ha..memberitahu kami, rombongan saya..bahawa kerajaan juga Kerajaan Persekutuan juga menggalakkan pelaburan daripada warga Malaysia ke negara asing, sebagai salah satu cara bagi kita untuk mengadakan 'networking' dengan pelabur-pelabur di negara yang lain. Dan mereka mendapati dengan cara ini kita juga boleh mendapat..ha..dana asing untuk dimasukkan aa..ke dalam ha. negara kita. Jadi, saya akan cuba dapat maklumat ini dengan secara bertulis dalam..ha...minggu-minggu..ha..hari yang akan datang. Akhirnya, saya ingin menyeru pada Yang Berhormat..di Dewan yang mulia ini dan ke semua pegawai kerajaan negeri Selangor untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menarik pelaburan asing..

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Tuan Speaker, mohon laluan.

**TUAN SPEAKER :** Kinrara, Kota Damansara minta penjelasan

**Y.B. TUAN TERESA KOK SUH SIM :** (ketawa) biar saya habiskan..okey..terus..

**TUAN SPEAKER :** Silakan, silakan, Kota Damansara

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Terima kasih, ini dibaca dalam akhbar di mana ha.. kerajaan Malaysia minat untuk lanjutkan ha.... Perjanjian Perdagangan Bebas, '*Free Trade Agreement*' dengan izin, ha....dan apa yang dilakukan oleh pihak pusat akan dirasai oleh di peringkat negeri. Ha ... saya mohon nak tau, apakah impaknya kepada kerajaan negeri khususnya dari segi harga barang ubat, dari segi ha .....pekerjaan dan juga dari segi penjejasan terhadap industri-industri kecil. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ha...Kota Damansara, saya dah ingatkan pagi tadi isu ini tidak dibangkit dalam perbahasan. Jadi Kinrara tidak perlu jawab.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Ok, terima kasih.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya memang telah, juga pernah membangkitkan isu berkenaan dengan '*Free Trade Agreement*' dengan Amerika Syarikat dalam pertemuan saya di MIDA dan ha.. saya diberitahu, ini adalah masih dalam rundingan dan seperti apa..ha.. dan saya juga ..ha.. mintak ha... bahagian MIDA untuk menyampaikan kepada pihak kerajaan pusat, supaya juga memberi taklimat kepada ke semua Wakil Rakyat di negara kita kerana sama ada kita sebagai ADUN di sini, ataupun sebagai Ahli Parlimen di dewan rakyat, tiada seorang pun memberi apa-apa maklumat tentang ha.. apa terkandung dalam FTA dengan Amerika Syarikat. Apa yang kita tahu adalah, taklimat yang diberi oleh ha..pihak NGO dan ha.. saya sebagai..ha.. saya juga sebagai Ahli Parlimen..ha.. saya juga akan cuba bangkitkan isu ini kepada pihak Kementerian dan bersama dengan ha... ha... isu pertanian yang dibawa oleh Yang Berhormat. Sekian, penyampaian saya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Ijok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** *Bismillahi rahmani rahim*, Tuan Speaker, pertama, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

kerana membahaskan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya tertarik dengan perbincangan tetapi seperti yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan. Baginda mengharapkan pengurusan negeri Selangor itu dibuat dengan begitu mantap, mengharapkan pertumbuhan ekonomi yang diuruskan dengan cekap, bersih dan amanah. Tuanku juga mengamalkan sikap terbuka dan membincangkan banyak isu-isu rakyat untuk diperkatakan dan dewan ini menerima cabaran itu dan sudah bersama-sama membincangkan perkara-perkara tersebut. Tuanku juga menyentuh semua aspek dalam pembangunan ekonomi, pendidikan, isu keselamatan, kebajikan, hal ehwal agama dan juga isu-isu tentang pentadbiran perkhidmatan awam.

Tuan Speaker, saya berasa perbincangan ini sangat sihat, walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara tentang perbincangan yang disertai rakan-rakan kita tentang ucapan tuanku mengenai pertumbuhan ekonomi dan juga mengenai paras kemiskinan. Saya ingin mengambil ha..untuk..saya menggunakan masa untuk bersama-sama menyertai perbincangan ini. Saya rasa perbincangan ekonomi yang dibuat oleh rakan-rakan kita tidak nampak perbezaannya, jika kita tidak menganalisis falsafah ekonomi itu. Falsafah ekonomi, ekonomi bertumbuh maju, ekonomi bertambah peningkatannya 10%, 20% dan seterusnya. Bererti, adakah pertumbuhan ekonomi itu, akhirnya. Jawapan itulah yang membezakan antara Pakatan Rakyat dengan rakan-rakan kita yang mempersoalkan, mengapa? mengapa mereka tidak faham bahawa pertumbuhan ekonomi ini sudah ada. Tetapi mengapa pertumbuhan ekonomi ini tidak menarik perhatian masyarakat. Jawapannya, kita lihat daripada segi akhirnya pertumbuhan ekonomi ini. Terdapat, adakah terdapat jurang antara pendapatan mereka yang banyak, dengan mereka yang mendapat pendapatan yang kecil.

Di Selangor, ha..ini jawapannya, di Selangor terdapat jurang yang besar, di Selangor walaupun Selangor ini negeri maju tetapi pemilikan, pemilikan harta dan juga pengumpulan pendapatan tidak sama rata. Saya bukan bercakap di dalam dewan ini untuk berbincang pasal perkataan minta izin ‘egalitarian’. Konsep ‘egalitarian’ itu sama rata, tak bukan, saya bukan daripada kumpulan ‘egalitarian’ tetapi saya dalam kumpulan, iaitu kekayaan negeri ini jika hanya dimiliki oleh segelintir ataupun sebahagian kecil masyarakat tidak membawa kestabilan ekonomi di negeri ini ataupun di negara Malaysia. Itu pandangan, dan inilah yang merupakan perbezaan kita yang saudara kita daripada Sg Panjang dia kurang faham. Faham itu, boleh saudara, bukan pada masa ini, sebab saya pun takut tentang masa. Saya boleh menerangkan tentang konsep ‘gene cal official’ tetapi itu satu ceramah yang berlainan tetapi menunjukkan terdapat pengumpulan harta daripada satu kumpulan kecil yang harta itu dikuasai dan sekumpulan besar mendapat pendapatan yang kecil. Ini, yang, tak.. boleh jadi tak nampak daripada saudara-saudara dalam UMNO dan Barisan Nasional. Mereka tak nampak. Rupanya rakyat tahu, rakyat tahu, rakyat tengok eh! Megah! Perayaan cantik, bangunan cantik tetapi berapa ramai yang menikmatinya dan inilah yang menyebabkan kita mempersoalkan perkara tersebut, mempersoalkan adakah terdapat perbezaan antara mereka yang berada dan tidak berada dan berapa ramaikah mereka yang tidak berada.

Saya nak tunjukkan, perangkaan yang dibuat oleh kita begitu megah apabila kita ambil apa yang dikatakan pendapatan purata yang, yang bawah RM800. Jadi, kalau masyarakat itu bawah RM800 ataupun yang sampai RM400.. ah! Sudah tentulah tak ada yang banyak dikatakan miskin di negeri Selangor. Tetapi apabila kita boleh

menaikkan perangkaan kepada 1500 ke 1500, 1500 daripada angka 2% atau 3% dah jadi 5%. Kalau kita naikkan ke 2000 dah jadi 10%. Kita naikkan ke 3000 dah jadi hampir 30%. Jadi menunjukkan apa? Menunjukkan ketidaksamarataan. Dan ketidaksamarataan inilah yang perlu kita sama-sama uruskan supaya matlamat kesejahteraan,negeri, rakyat negeri Selangor itu berhasil. Itu sebab, dalam kenyataan Tuanku, saudara-saudara yang pernah mendengar kenyataan Tuanku dari beberapa tahun dan hari, kali ini, Tuanku menyebutkan perkataan merakyatkan ekonomi Selangor. Perkataan merakyatkan ekonomi Selangor itu sangat penting. Saya nak tunjukkan kepada saudara-saudara, itu sebab perkataan merakyatkan ekonomi negeri Selangor itu, ada hubungannya dengan strategi ekonomi yang dilakukan oleh Pakatan Rakyat. Saya nak tunjukkan bagaimana merakyatkan ekonomi Selangor itu diterjemahkan dalam usaha yang kita lakukan.

Salah satu daripada manifesto ataupun ha..syor kita apabila kita menang, kita hendak memberi air percuma kepada masyarakat, suri-suri di Selangor. Sudah tentu rakan-rakan mengatakan eh! bagaimana perkara ini boleh dilakukan, dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor yang mungkin menjadi beban kepada kerajaan negeri Selangor sebab mengeluarkan duit untuk membayai air percuma. Ha..itu kebaikan kita di sebelah sini. Dan di sana, kalau Sg. Panjang perhatikan, struktur penswastaan air di Selangor ini, tidak memikirkan tentang rakyat Selangor. Struktur pun tak sampai. Struktur penswastaan air kalau saudara perhatikan baik dikuasai oleh 4 syarikat, 4 syarikat yang mengeluarkan air dan juga yang membekalkan air. 4 syarikat itu ialah Puncak Niaga, Syarikat yang dipanggil SPLASH, syarikat konsortium yang dipanggil ABBAS dan kemudian SYABAS ialah syarikat daripada pembekalan air. Jika saudara perhatikan struktur syarikat itu, keuntungan yang besar yang didapat daripada orang yang terlibat dalam pengeluaran air. Yang SYABAS itu tidak berapa mendapat untung. Yang mengeluarkan air itu sekarang nilai-nilai yang diberikan kepada saya pada mulanya saya datang untuk memikirkan tentang bagaimana air percuma ini.

Rupanya, nilai orang yang mengeluarkan air yang kita beri penswastaan oleh kerajaan negeri Selangor ini, melebihi RM5 bilion. Dan saya tanya eh! rakyat Selangor bagaimana? Rakyat Selangor tidak termasuk dalam sektor ini. Rakyat Selangor tak ada. Dan saya kata, kalau ini berlaku apa jadi pada kita, kita rakyat Selangor asyik membayar sahaja. Membayar kerana sudah termasuk dalam kiraan nilai-nilai tersebut. Dan, nasib baik ataupun terlihat bahawa usaha Selangor ini pula, ini pula dapat oleh kerana nilai itu terlalu besar. Orang yang memegang konsesi itu ingin keluar juga untuk mengambil keuntungan daripada konsesi tersebut dan mula memikirkan agenda baharu, bahawa kita mesti susun semula supaya balik macam dulu. Orang yang pengeluar air, orang yang mengatur air serupa suruh balik kerana dengan cara itu nilai itu sudah didapati.

Jadi, saya lihat kerajaan Malaysia pun oleh sebab dalam keadaan tersebut bersetuju pada 16 Januari 2008, melalui surat Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi pada 5 Februari 2008, KDEB, iaitu Kumpulan Darul Ehsan dilantik untuk menerajui proses penstrukturan semula syarikat-syarikat tersebut termasuk bekalan air Selangor. Saya menerima keputusan tersebut sebab penstrukturan itu ada nilai baharu. Oleh sebab itu saya kata, boleh, boleh kita sesuaikan sekarang. Kita buat satu penyusunan semula. Boleh, tetapi kita masukkan kehendak rakyat negeri Selangor. Kena beri rakyat negeri Selangor 20 meter padu persegi. Saudara semua kena menyokong saya sekarang. Sebab saya memberi balik kepada saudara harta yang dibincangkan dalam penstrukturan itu. Itu sebab Pakatan Rakyat bukan sahaja mengeluarkan manifesto

tetapi cara, cara kita menganalisis manifesto itu, dan memulangkan balik bukan hanya ambil duit daripada poket serahkan kepada rakyat tetapi menyusun semula hak-hak rakyat supaya dikembalikan semula. Saudara mesti megah sekarang Selangor lebih baik daripada negeri-negeri yang lain kecuali dalam Parlimen Malaysia, saya juga sebagai wakil Parlimen Bandar Tun Razak dipersoalkan bagaimana dia boleh berbuat demikian? Nanti rakyat Selangor dapat 20 meter padu air kemudian dia hilang akal menggunakan air begitu banyak hingga apa jadi kepada ekonomi air dan sosial?

Tak ada. Ini bukan permainan hilang akal. Ini menunjukkan mereka tidak faham, bahawa 20 meter sudah ada dalam kiraan. Tetapi kalau dia gunakan lebih 20 meter padu tu harga yang RM0.50 tu boleh jadi sekarang lebih daripada itu, dia kena bayar RM1.00 dan kalau lebih daripada itu lagi, dia kena bayar RM2.00. Jadi, tak jadi masalah. Tetapi yang kita buktikan bagaimana pemikiran kita untuk mengembalikan hak rakyat Selangor kepada rakyat Selangor. Ini bezanya. Itu sebab dia orang pilih kita kali ini. Jadi, jangan takut sebabnya KDEB merupakan anak syarikat milikan penuh kita dan anak syarikat milikan penuh kita boleh menyusun semula ini dan saya sudah meminta mereka meneliti semula terma-terma perjanjian dan modal kewangan syarikat-syarikat konsesi sedia ada, dan memastikan manfaat yang lebih kepada rakyat. Proses penstruktur semula ini dijangka mengambil kira kos bekalan air 20 meter padu percuma kepada rakyat negeri Selangor yang berkuat kuasa 1 Jun 2008. Ini ditulis oleh anak syarikat kita. Itu bezanya. Itu sebab, apabila kita merencana ekonomi Selangor pada masa hadapan kita boleh menjana jawapan kepada ketidakseimbangan. Ini merupakan jawapan kepada ketidakseimbangan.

Saudara saya Yang Berhormat dari Sungai Pinang, (ketawa) Sungai Panjang sorry. Sebab dia pun datang tak jauh daripada kampung saya dan saya mengajar pula di Tanjung Karang. Kemudian mempersoal tentang pertumbuhan ekonomi. Saya ingin menarik perhatian ini, sebab jangan kita terlalu megah nanti kita susah juga. Saya membandingkan pertumbuhan ekonomi Selangor dengan pertumbuhan ekonomi Singapura. Jadi, pada awalnya kita serupa tetapi akhirnya kalau kita tengok Singapura mempunyai jumlah penduduk sama dengan kita, antara 4.5 ke 4.9 juta penduduk dan kita lihat KDNK Singapura mencatatkan sebanyak 243.18 bilion. Manakala, *there is a bilion* US dan manakala Selangor mencatatkan 61.05 iaitu KDNK Singapura, empat kali ganda dari Selangor. Jadi, selepas itu kita tengok pendapatan per kapita dan pendapatan per kapita pada Singapura pada 2007, ialah 35,000, 163US manakala Malaysia 6615, Selangor 6652. Jadi, tetapi *genuine coefficient* Singapura lebih even. Maknanya di Selangor terdapat satu keadaan, apabila 40% daripada rakyat Selangor memiliki lebih 65 ke 70% kekuasaan ekonomi di negeri Selangor.

Jadi, saudara perhatikan, perhatikan angka-angka ini. Mungkin Tuanku, pada masa membuat ucapan tersebut memberi gambaran mengikut perancangan ekonomi Malaysia kesembilan. Apabila kita nak masukkan perkataan *genuine coefficient* dalam satu keadaan yang sekarang tidak memungkinkan kita terpaksa membuat satu perancangan baharu. Oleh sebab itu dalam perancangan baharu ada juga rakan-rakan kita memperkatakan apa yang dikatakan sebagai sumber dalam negeri Selangor. Antaranya pasir, tanah, lombong. Bagaimanakah sekarang sumber ini dapat dikuasai oleh rakyat Selangor? Jawapannya, sekarang kita beri jawapan kepada saudara-saudara Yang Berhormat semua sebab Yang Berhormat mungkin mengatakan kita asyik membuat kritikan pasal usaha ini dalam 2 minggu kita boleh beri jawapan. Sebab saya nak suspenskan ini dan kita berjumpa lagi sekali saudara boleh dapati satu struktur perancangan ekonomi Selangor yang tidak serupa dengan yang ada sekarang. Tetapi

yang pentingnya, perancangan ekonomi Selangor boleh berjaya hanyalah jika dikira bagaimana perancangan ekonomi ini dapat mempertingkat pendapatan seluruh rakyat Selangor. Ini yang paling penting dalam usaha kita.

Pendapatan pesawah, pendapatan mereka yang bekerja selaku nelayan, pendapatan mereka yang bekerja sebagai pekerja mahir, sebab itu apabila kita membincangkan tentang *target* kita, apa usaha kita dalam perancangan ekonomi, kita mula mengatakan berapakah pendapatan yang mereka dapat dalam perancangan kita itu? Ini satu pembaharuan. Saya lihat dalam rencana perancangan ekonomi yang ada dibuat di Selangor ini, tidak melihat daripada segi perbezaan pendapatan yang kita buat itu dan kita juga sudah membuat satu analisa baharu dalam usaha yang dibuat oleh saudara-saudara. Saya tahu rakan-rakan kita pada masa menjaga negeri Selangor bekerja kuat, tetapi saudara tidak melihat daripada segi keuntungan itu jatuh, apabila saya lihat begitu banyak saudara membuka tanah, mengadakan *joint venture* untuk membolehkan perkara itu dilakukan. Tetapi tidak dikira daripada segi risikonya, daripada segi pulangannya. Kalau dikira daripada segi risiko dan pulangannya, dan barulah kita boleh ertikan adakah ini munasabah untuk rakyat Selangor?

Saya sudah tunjukkan pada hari yang mula-mula kalau kita membuat pelaburan, pembangunan pelaburan sebanyak 35 bilion dengan hasil pendapatan 1 bilion. Sekarang orang di luar dah tahu macam mana kita boleh dapat sikit tanah ini kita punya, *approval* kita punya, semua kita yang jaga kenapa kita beri orang lain jadi tauke kita jadi tukang buat kerja dia dan hasilnya kita tak dapat. Dan yang menakutkan saya kebanyakannya orang yang kita pilih itu tidak menjanjikan kejayaan sebab mereka yang dipilih itu bukan berasaskan *track record* yang dia boleh melakukan perkara tersebut. Risikonya tinggi, hasilnya rendah. Adakah ini usaha untuk melayakkan ekonomi negeri Selangor? Tidak. Walau bagaimanapun, kita perlu sekarang bekerja keras membetulkan keadaan, meminta mereka membuat kerja supaya hasilnya memberi hasil yang bermanfaat kepada negeri Selangor.

Tuan Speaker, saya tahu Tuan Speaker melihat saya sebab dalam keadaan yang ini sebab ramai rakan berasakan masa terlalu lama untuk mengadakan perbincangan. Walau bagaimanapun, ini merupakan perbincangan yang sangat penting untuk kita bersama-sama menghayatinya sebab kita percaya kita mahu negeri kita ini berjaya dan kita percaya inilah satu usaha bersama dan saya berharapkan saudara-saudara semua memahami konsep pengurusan yang dibuat oleh Pakatan Rakyat. Dua konsep yang paling penting. Konsep yang pertama, ketelusan. Itu sebab kita membuka perbincangan tentang usaha-usaha yang kita lakukan. Kita membuka, kita tidak menyimpan sebab kita buka supaya pembukaan itu membawa minda yang begitu baik dan begitu dapat memberitahu kita cara-cara, *option-option* yang boleh kita dapat jawapannya dengan sebaik-baiknya. Kedua, kita percaya kepada konsep akauntabiliti iaitu konsep kebertanggungjawaban. Itulah sebabnya saya menyatakan, saya membukakan perbincangan tentang BALKIS ini sebab kebertanggungjawaban, dan ini sangat penting. Nanti orang tidak percaya pada kita. Dia beri kepada kita, kita tukar cara kita menggunakananya. Tak boleh. Dalam bisnes ini bukan cara yang baik. Kalau nak duit tak apa, tetapi caranya itu. Saya bukan ingin, itu sebab saya minta Dewan ini membincangkan perkara ini dengan tertib, dengan betul supaya kita belajar tentang kebertanggungjawaban. Sebab kita berhasrat membina satu skil yang amanah, harta rakyat ini perlu dikembalikan kepada rakyat dan skim ini bakal dilancarkan supaya kita dapat bersama-sama menikmati kemewahan negeri ini.

Saya berharap tuan-tuan, ahli-ahli Yang Berhormat, ha.. marilah kita bersama-sama, membuat satu langkah baharu, satu langkah baharu bagaimana negeri Selangor ini dapat kita majukan walaupun dalam keadaan berbeza. Dulunya tak ada keadaan perbezaan. Sekarang, terdapat satu keadaan perbezaan. Kerajaan *Federal* terdiri daripada kumpulan yang tidak sama kumpulannya dengan Pakatan Rakyat. Terdapat perbezaan. Tetapi saya percaya dan saya terima cadangan err....Sungai Panjang bahawa kita mesti bersama-sama dengan Kerajaan *Federal* untuk membangunkan negeri Selangor. Tetapi saya ingin menyatakan Dewan Undangan Negeri ini dilahirkan berdasarkan perlembagaan. Perlembagaan Malaysia ialah perlembagaan persekutuan, dengan menghormati kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, penggunaan wang cukai diserahkan kepada Kerajaan *Federal*. Dan penggunaan wang cukai mesti tidak boleh didiskriminasikan, dan ini *fundamental*, kejayaan persekutuan berasaskan prinsip dan konsep sama rata. Maknanya orang Selangor membayar cukai. Orang membayar cukai bukan berasaskan orang Selangor UMNO membayar lebih, orang MCA bayar lebih dan PAS dan Keadilan bayar kurang, tak ada. Semuanya serupa. Semuanya serupa. Jadi oleh sebab itu saya mengharapkan saudara-saudara di dalam Dewan yang mulia bersama-sama membetulkan satu konsep yang paling penting dalam perwujudan persekutuan.

Walaupun ada kalanya rakan-rakan kami dari PAS Kelantan mengingatkan saya betapa keadaan diskriminasi itu berlaku. Tetapi orang di Kelantan, kebal sungguh dan dapat mempertahankan negeri. Ini tidak mungkin berlaku di Selangor, di Perak, di Pulau Pinang kerana terdapat kumpulan *middle class* yang tahu tentang tanggungjawab mereka dan tahu tentang cukai itu bukan boleh didiskriminasikan dan saya menasihatkan menteri-menteri kita dari Kerajaan *Federal* mesti bekerjasama dengan Selangor kerana pembangunan Selangor ini memberikan pembangunan *federal* dan Kerajaan *Federal*. Oleh sebab itu tiba masanya untuk kita menggunakan kebijaksanaan kita. Menentukan perlembagaan dan cara perlaksanaan persekutuan ini boleh berlaku walaupun dalam perlembagaan, dia menentukan *consolidated fund* itu ada tentu-tentu bayarannya. Tetapi dalam semua aspek penggunaan, duit cukai tidak boleh didiskriminasikan. Jadi ini sudah mula nampak belang-belangnya di negeri Selangor.

Tetapi saya berharap kepintaran dan kebijaksanaan kita tidak sampai ke satu peringkat yang perkara ini dibincangkan di Mahkamah sebagai *ultravires* dalam perlembagaan. Jadi, oleh sebab itu saya berharaplah kita sama-sama bekerja dan saya berterima kasih kepada rakan-rakan, daripada EXCO dan Ahli Dewan Undangan Negeri , Pakatan Rakyat yang bekerjasama , saudara semua, sekarang *In glass houses* dalam rumah gelas (minta izin), *and do not throw too many stone* . Nanti oleh sebab orang lain juga boleh membaling kepada kita. Jadi walau bagaimanapun, saya bersedia kerana saya sudah berjanji dengan rakan-rakan kita berusaha menunaikan janji kita untuk rakyat Selangor. Terima kasih. (Tepukan)

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Amat Berhormat Ijok. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi berikut :-

“Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang berhimpun di dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Kedua Pembukaan Penggal Pertama persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang ke 12. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuji sila kata YA.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian , oleh kerana urusan dewan ini masih panjang, maka dewan pada hari ini perlu disambung sehingga segala urusan yang berkaitan dengannya selesai dijalankan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul untuk menyambung persidangan dewan oleh YAB Dato' Menteri Besar.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat , bahwasanya dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut syarat perenggan 11, dalam peraturan tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga semua urusan yang berkaitan dengannya selesai dijalankan .

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Sekarang saya kemukakan usul ini untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, kata TIDAK. Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007-2008 ) semua peringkat .

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan perkhidmatan bagi tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan Kali Yang Pertama.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama satu Enakmen bagi memerlukan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambah perkhidmatan bagi tahun 2007 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya mencadangkan di bawah peraturan tetap 78, supaya ditangguhkan peraturan tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat , yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Cadangan ini dipersetujui.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat, tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa statutori bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2007 yang telah tidak diperuntukkan oleh Undang-undang sedia ada.

Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, satu usul berjumlah 1.150 juta, telah diluluskan di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang telah diadakan pada 27 hingga 30 November 2006 berdasarkan anggaran perbelanjaan sehingga Disember 2007 terdapat kekurangan sebanyak RM74,761,389.00. Sehubungan dengan itu peruntukan tambahan sebanyak RM74,761,389.00 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan tersebut. Peruntukan tambahan ini diperolehi/diperlukan oleh jabatan-jabatan seperti berikut :

- 1.1 B01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sebanyak RM9,038,265.00;
- 1.2 B03 Pejabat Dewan Undangan Negeri sebanyak RM2,475,251.00;
- 1.3 B10 Jabatan Hutan sebanyak RM480,000.00;
- 1.4 B12 Jabatan Kerja Raya sebanyak RM2,150,000.00;
- 1.5 B14 Jabatan Agama Islam sebanyak RM23,815,566.00;
- 1.6 B23 Pejabat Daerah dan Tanah Sepang sebanyak RM215,000.00;
- 1.7 B25 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor sebanyak RM787,307.00;
- 1.8 B26 Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam sebanyak RM800,000.00; dan
- 1.9 B29 Perbendaharaan (Luar Jangka) sebanyak RM35,000,000.00.

Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi B01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM9,038,265.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan di bawah pecahan kepala 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Yang Dibeli) iaitu bagi menampung kenaikan gaji kakitangan sambilan dan kontrak.

Bagi B03 – Pejabat Dewan Undangan Negeri, Sejumlah RM2,475,251.00 diperlukan untuk menampung perbelanjaan bagi bayaran kenaikan Elaun Khas/ Elaun Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan/ Jawatankuasa Tetap dan Elaun Tetap Pemandu bagi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ex-Officio, Speaker dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta bayaran gaji kakitangan kontrak.

B10 - Pejabat Hutan sejumlah RM480,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan di bawah pecahan kepala 29000 bagi menampung kenaikan gaji kakitangan sambilan dan kontrak.

B12 - JKR, sejumlah RM2,150,000.00 diperlukan bagi menampung pecahan di bawah pecahan kepala 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Yang Dibeli ) iaitu pemasangan sistem sekuriti kediaman Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Selangor.

B14 - JAIS, sejumlah RM23,815,566.00 bagi perbelanjaan di bawah pecahan kepala 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan yang Dibeli) iaitu menampung gaji kakitangan kontrak, sambilan dan elaun guru-guru KAFA.

B23 - Pejabat Daerah dan Tanah Sepang , diperlukan sejumlah RM215,000.00 bagi perbelanjaan tambahan di bawah pecahan kepala 29000 diperlukan bagi membayar gaji dan elaun kakitangan kontrak kerana pelarasan gaji kakitangan awam.

B26 - Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam, diperlukan sejumlah RM800,000.00 bagi pembiayaan 20 buah padang futsal yang berjumlah RM40,000.00 setiap satu di bawah pecahan kepala 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Yang Dibeli).

B29 - Perpendaharaan (Luar Jangka) – sejumlah RM35,000,000.00 diperlukan bagi menampung kenaikan gaji semua kakitangan awam di semua jabatan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian,

Dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2007 berjumlah RM74,761,389.00 dan memperuntukkan wang itu untuk maksud yang tertentu dibaca Kali Yang Kedua.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Dipersilakan . Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, Sekinchan ingin turut serta mengambil bahagian dalam bahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2007) 2008. Tuan Speaker, saya merasa kesal dan kecewa kerana Dewan Yang Mulia ini terpaksa meluluskan Perbekalan Bajet Tambahan 2007. sebanyak RM2,224,389. Walaupun kita pun sedia maklum jumlah tersebut bukan digunakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Sebaliknya tersebut telah dibelanjakan oleh kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Tuan Speaker, saya dimaklumkan dibelanjakan semata-mata untuk menghadapi Pilihan raya Umum Yang Kedua belas yang lalu. Setelah diteliti bajet-bajet di negeri Selangor memang jarang ada perbekalan tambahan kecuali pada bajet tahun 2004 di mana tahun tersebut juga merupakan tahun pilihan raya. Maknanya satu sindrom ada pilihan raya akan ada bajet tambahan dan apa yang dibentangkan oleh bekas kerajaan lepas bulan November lalu mengatakan bajet negeri Selangor sentiasa mencapai bajet berimbang nampaknya ada meleset sekali kerana terpaksa di bekalkan perbekalan tambahan.

Namun begitu sebagai sebuah kerajaan baru yang memegang amanah dan tanggungjawab kita juga harus menguruskan satu.

Tuan Speaker, cadangan kerajaan untuk melaksanakan kaunter kutipan hasil cukai pintu, cukai hasil tanah dan sebagainya untuk tujuh hari seminggu. Saya menyambut baik langkah tersebut kerana ini adalah satu langkah yang dapat meneruskan masalah yang dihadapi oleh pembayar-pembayar cukai. Kita sedia maklum ramai rakyat kita, peniaga-peniaga, pekerja-pekerja, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, pelabur-pelabur sibuk dengan rutin hari mereka. Mereka bekerja siang hari dan malam tiada masa untuk pergi membayar cukai tanah, cukai pintu dan sebagainya Sekiranya dengan adanya dasar ini untuk mengutip cukai kaunter dibuka tujuh hari seminggu berturut-turut maka akan memudahkan mereka pembayar-pembayar cukai untuk membayar cukai dan seterusnya itu saya percaya cukai-cukai yang dikutip oleh PBT akan bertambah dengan mendadak dengan adanya dasar ini dan kemungkinannya. Tuan Speaker, berlakunya kesulitan-kesulitan oleh kakitangan-kakitangan PBT dan Kerajaan tetapi bagi saya sekiranya caturan dan pengurusan masa yang sesuai dan berkesan saya rasa masalah ini tidak di timbul. Cuba kita renung kebanyakan hospital Kerajaan, hospital swasta banyak yang buka tiap-tiap hari buka sepanjang minggu dan ada yang 24 jam. Tiada masalah tentang cuti yang dihadapi oleh pekerja dan sebagainya. Itu satu yang keduanya dari segi kawan-kawan daripada Media yang mengendalikan berita, wartawan-wartawan mereka juga mengkaji berita-berita sepanjang minggu, sebulan tanpa henti-henti kecuali ada kelepasan-kelepasan yang umum dan di sini kita boleh belajar mengapa mereka dapat melakukan perkhidmatan ini kepada orang ramai dan kenapa PBT kita tidak boleh dan sebagai sebuah Kerajaan Pakatan baru yang efektif saya rasa perkara ini dapat diatasi dan cadangan ini saya rasa wajar disokong oleh semua Ahli Yang Berhormat Yang Mulia di dewan ini.

Tuan Speaker, dalam kita kerajaan Pakatan Rakyat mewujudkan satu pentadbiran pengurusan yang berhemah dengan terusan amanah, cekap, ketelusan akauntabiliti maka sudah sampai masanya kakitangan-kakitangan Dewan seperti Bentara, petugas-petugas Dewan, elau-elau mereka lebih masa perlu disemak. Kita tidak boleh mengharapkan mereka berkhidmat dengan kerja lebih masa memandangkan kos keadaan hidup sekarang ini bertambah dengan lipat ganda. Saya cukup memahami kepedihan hidup mereka ini sebab saya seorang peniaga runcit harian. Barang-barang keperluan harian naik dengan mendadak sekali contohnya susu tepung dahulunya setahun dua mungkin RM35 untuk 900gm tetapi sekarang RM65.

Tuan Speaker, ini cukup membebankan kakitangan-kakitangan kita khususnya bertugas Dewan Bentara dan kakitangan-kakitangan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Jadi sudah sampai masalah kita minta dan Kerajaan mengkaji dan membuat pertimbangan yang sewajarnya untuk mereka supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih selesa dan dapat hidup tidak seperti sentiasa tertekan. Bahkan .....

Orang kata pergi kerja waktu pagi, balik kerja waktu petang  
Cukup bulan dapat gaji, habis semua bayar hutang.

Ah ini cukup pening. Saya faham perasaan mereka walaupun tidak di sini berkecimpung bergaul dengan mereka sebab *customer* saya ramai dari golongan bawahan. Saya fahamkan sangat hati mereka. Sehubungan itu juga Tuan Speaker, saya ingin meminta kepada pertimbangan kerajaan Pakatan ini sudah sampai masa lah sebuah kerajaan yang menerajui Selangor yang pesat bangunan ini Ahli-Ahli Yang

Berhormat, Ahli-Ahli EXCO, Tuan Speakernya kerana kita dapat menjalankan Persidangan Dewan, Mesyuarat berjalan dengan baik dan terbuka. Saya rasa perjalanan Dewan kita di negeri Selangor Darul Ehsan ini pastinya akan menjadi contoh kepada negeri-negeri lain kerana sekiranya kita renung balik sebagai wakil kepada pembangkang yang lalu tiada suasana perbahasan seperti ini di Dewan Yang Mulia ini. Baru lah kali ini bawah kerajaan Pakatan Rakyat baru kita berpeluang di mana sewaktu saya berada di pembangkang yang menggulung soalan yang menjawab soalan yang berbangkit perbahasan yang berbangkit dari Ahli-Ahli Dewan hanya seorang sahaja tidak lain tidak bukan bekas Menteri Besar Y.B. Sg. Panjang, EXCO-EXCO lain seolah-olah tidak tahu menjawab soalan. Seolah-olah mereka tidak diberi mandat diberi kepercayaan oleh Sg. Panjang untuk diserahkan menjawab penjelasan-penjelasan isu-isu yang berbangkit lain dengan Barisan EXCO Pakatan Rakyat di bawah YAB Tan Sri Dato' Khalid Ibrahim. Hari ini ramai EXCO kita pertama kali walaupun baru tetapi mereka dapat menjawab dengan baiknya tahniah dan syabas diucapkan. Maka dengan itu saya nampak kita nak mewujudkan satu pentadbiran pengurusan yang terus yang amanah tidak rasuah, maka dengan itu elaun bulanan pada EXCO, Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan mesti dinaikkan ah.... Kalau pembangkang tidak bersetuju kita boleh minta dikecualikan. Kalau setuju kita ikut sama sebab apa dalam pepatah Cina (bahasa cina) dengan izin You minta kuda itu lari dengan kuat, kerja dengan kuat tetapi tidak beri bekalan yang secukupnya untuk dia makan, maka kuda itu akan kelaparan mati. Akhirnya akan kemungkinan terlibat dalam ganja, rasuah dan saya juga hairan kenapa Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang lepas, mereka hidup dengan mewah elaun bulanan sebagai ADUN sebanyak RM 4,912.70 *basic*. Mereka boleh hidup dengan kereta besar, *driver*, rumah besar, isteri besar bukan isteri besar, isteri ramai. Saya hairan saya buka kedai runcit dua itu pun kais pagi kais makan petang bukanlah susah sangat tapi nampak mereka boleh. Mereka kemungkinan ada saluran-saluran, ada paip-paip, macam tanah itu masalah tanah yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat, tanah digadaikan, pasir, hasil pasir dikutip oleh kerajaan negeri RM20 juta sahaja RM17 juta susut kemudian dompet lesen dan sebagainya oh lupanya ada *footloose* di belakang itu. Jadi kita untung mengelakkan perkara-perkara ini dari berlaku saya minta pertimbangan yang sewajarnyalah daripada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar supaya elaun asas bulanan ini RM4,000 lebih, EXCO RM 6,000 lebih, Speaker sepatutnya patut lebih tinggi kerana susunan protokol Speaker lebih kurang dengan kedudukan Timbalan Menteri Besar. Lebih wajar dan Menteri Besar lebih tinggi sedikit sebab sebagai seorang CEO yang pernah menjajah Wilayah jajahan yang lebih besar dari Singapura takkan dengan RM4,000 sahaja tidak cukup. Jadi kita wajar dinaikkan 100% saya cadangkan. Ha.. kalau boleh sebab mungkin ini melibatkan Kumpulan Wang Di Satukan yang lebih tetapi sekiranya kita dapat mengurus tanah-tanah kita tidak digadaikan pasir dengan baik, sumber-sumber yang baik saya rasa negeri Selangor mampu melakukannya dan kita akan jadikan satu negeri Selangor yang menjaga kebijakan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan baik supaya mereka boleh dapat kerja dengan lebih kuat untuk kemajuan negeri Selangor yang tercinta ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Saya pun jatuh hati dengan Sekinchan sekarang. Dipersilakan Teluk Datuk.

**Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE :** Terima kasih Tuan Speaker, Teluk Datuk juga turut serta dalam perbahasan. Tuan Speaker, isu yang ingin dikemukakan daripada Teluk Datuk adalah tentang peruntukan kepada Sekolah Rendah Jenis Cina dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Tuan Speaker, selama 50 tahun dulu di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional Sekolah Rendah Jenis Cina dan Tamil hanya diberikan peruntukan yang amat sedikit jika berbandingkan dengan peruntukan kepada Sekolah Kebangsaan iaitu tidak sampai 50% daripada jumlah peruntukan kepada Sekolah Kebangsaan. Polisi ini menyebabkan Sekolah Rendah Jenis Cina dan Tamil perlu memungut derma sendiri daripada Ahli Masyarakat bagi menampung perbelanjaan dan pembangunan sekolah.

Tuan Speaker, pendidikan sepatutnya diberi kedudukan yang sama bagi setiap orang tanpa mengira warna kulit dan kaumnya. Negara yang kuat dan maju tentunya berasaskan dengan sistem pendidikan yang sempurna. Bagaimana nak meminta sebuah negara kalau gagalnya sistem pendidikan umpama sepohon jika tidak dijaga baik daunnya layu macam mana hendak mengharapkan pokok berbuah.

Tuan Speaker, isu politik sepatutnya tidak harus dicampuradukkan. Semua rakyat Malaysia seharusnya menikmati hak yang sama dalam pendidikan, justeru Teluk Datuk berharap Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil diberikan peruntukan yang lebih tinggi sekurang-kurangnya sejajar dengan nisbah kaum. Memandangkan 35 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia merupakan orang Cina dan India, maka jumlah peruntukan kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil tidak seharusnya tidak sampai 5 peratus daripada jumlah peruntukan kepada Sekolah Kebangsaan.

Tuan Speaker, sekolah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara kerana merupakan tempat membentuk tunggak negara pada masa depan. Oleh itu, peruntukan seharusnya diberikan kepada setiap sekolah tanpa mengira jenis sesebuah sekolah.

Tuan Speaker, kerajaan negeri Kelantan telah memperuntukkan seribu hektar tanah kepada Sekolah Menengah persendirian Cina untuk dikenali sendiri sebagai sumber pendapatan kepada sekolah tersebut. Oleh itu, Teluk Datuk berharap kepada kerajaan negeri Selangor juga boleh mencontohi kerajaan negeri Kelantan .

Tuan Speaker, terdapat 4 buah Sekolah Menengah persendirian Cina di Klang, Selangor. Sekolah-sekolah tersebut perlu menjalankan kempen memungut derma pada setiap tahun, pelajar-pelajar mengorbankan masa belajar untuk memungut derma daripada ahli masyarakat setempat. Hak pelajar-pelajar tersebut untuk belajar sepenuh hati telah dirampas.

Tuan Speaker, jasa Sekolah Menengah persendirian Cina dalam melahirkan banyak tunggak negara tidak sepatutnya diabaikan. Oleh itu, Teluk Datuk mencadangkan bahawa kerajaan negeri Selangor mencontohi kerajaan negeri Kelantan iaitu membuat peruntukan tanah kepada 4 buah Sekolah Menengah persendirian Cina di Klang, Selangor. Selain itu juga dicadangkan bahawa kerajaan negeri memberikan peruntukan tetap tahunan kepada sekolah persendirian seperti yang telah dilakukan oleh kerajaan Pulau Pinang dan Perak, sudah pasti jumlah yang harus diperuntukkan oleh kerajaan negeri Selangor mesti lebih tinggi daripada mereka misalnya sebanyak  $\frac{1}{2}$  juta secara tetap setiap tahun kepada setiap sekolah.

Tuan Speaker, isu yang kedua yang ingin dikemukakan daripada Teluk Datuk adalah tentang tapak pelupusan sampah di Sungai Sedu, Kuala Langat.

Tuan Speaker, tapak pelupusan sampah di Sungai Sedu yang terletak di Daerah Kuala Langat sudah bersejarah selama sepuluh tahun. Cara pengurusan sampah di tapak pelupusan tersebut adalah tidak terancang. Selain itu sejak tiga, empat tahun yang lalu tapak pelupusan tersebut selalu mengeluarkan bau busuk yang tidak menyenangkan. Hal ini telah mengakibatkan pencemaran udara di kawasan yang berhampiran dengannya. Oleh itu, Tuan Speaker, penduduk yang menjadi mangsa pencemaran udara tersebut telah mengambil tindakan yang proaktif iaitu melaporkan masalah tersebut kepada bekas kerajaan negeri tetapi malangnya tidak diendahkan oleh bekas kerajaan negeri.

Tuan Speaker, perlu diberi perhatian bahawa muatan sampah ditapak pelupusan tersebut akan menjadi terbku pada akhir tahun ini, tambahan pula sebelum pilihan raya bekas kerajaan negeri telah berjanji kepada penduduk setempat akan menutup tapak pelupusan tersebut sebelum bulan Ogos tahun ini. Justeru, Teluk Datuk berharap kerajaan negeri akan menyelesaikan masalah ini dengan sempurna. Tapak pelupusan sampah baru di hutan simpanan selatan Kuala Langat perlu dibuat perancangan yang teliti dan sempurna untuk menggerakkan masalah pencemaran udara daripada berulang. Teluk Datuk juga mencadangkan bahawa kerajaan negeri meminta peruntukan bagi projek ini daripada Kerajaan Pusat kerana tapak pelupusan sampah baru ini bukan sahaja mengumpul sampah dari Daerah Kuala Langat malah juga dari tempat lain seperti Putrajaya, Sepang, Hulu Langat dan lain-lain lagi. Dengan adanya peruntukan tersebut diyakinkan bahawa tapak pelupusan sampah baru ini akan berfungsi dengan lebih sempurna dan cekap.

Tuan Speaker, projek ladang ternakan khinzir moden di Tumbok, projek ini telah diluluskan oleh bekas kerajaan negeri untuk menangani masalah pencemaran alam sekitar dengan menggunakan teknologi terkini dan pengurusan yang cekap. Sebelum meluluskan projek ini, bekas kerajaan juga telah membuat lawatan ke luar negara untuk membuat kajian yang teliti. Kelulusan projek ini adalah setelah penelitian kajian yang telah dibuat, oleh itu kerajaan ingin meluluskan usaha bekas kerajaan dengan melaksanakan projek ini, namun kerajaan menerima suara bantahan daripada ADUN-ADUN Barisan Nasional terutama UMNO, motif suara bantahan tersebut amat mencurigakan sama ada merupakan taktik sesetengah pihak untuk memainkan isu perkauman, berbanding dengan negeri Kelantan yang diperintah oleh PAS, UMNO lebih tidak berfikiran terbuka dan bersikap agresif dalam isu ini.

Tuan Speaker, projek yang membawa kebaikan kepada rakyat akan kami melaksanakannya dengan gigih, oleh itu projek ini akan terus dilaksanakan walaupun terdapat ia banyak halangan dan rintangan, rintangan. Teluk Datuk berharap bahawa projek ini dapat dimulakan dengan secepat mungkin.

Tuan Speaker, selepas pilihan raya dokumen-dokumen penting di pejabat kerajaan negeri telah dipindah kosong. Dokumen rasmi tersebut merupakan hak milik kerajaan negeri dan bukannya pihak lain. Berlakunya kejadian ini seakan-akan memberi mesej kepada orang ramai bahawa bekas kerajaan telah melakukan perkara yang tidak boleh di umum secara terbuka.

Tuan Speaker, pada malam pengumuman keputusan pilihan raya negeri Selangor merupakan negeri yang paling lewat mengumumkan keputusan, adakah disebabkan

bekas kerajaan mengambil masa tersebut untuk masuk ke pejabat kerajaan negeri bagi menghapuskan dokumen-dokumen.

Tuan Speaker, dimintakan bekas Menteri Besar memberikan penjelasan yang sewajarnya, selain hal itu Pegawai Keselamatan juga gagal menjalankan tugas kerana membenarkan orang luar masuk ke pejabat kerajaan negeri sewenang-wenangnya. Hal ini menunjukkan bahawa cara pengurusan bekas kerajaan lemah kerana isu keselamatan pun gagal di kendali dengan baik. Teluk Datuk juga ingin membangkitkan projek 'Canal City' yang terletak di Bukit Cheding, Kuala Langat. Projek ini penting kerana merupakan usaha kerajaan negeri untuk membangunnya menjadi Wilayah Lembah Kelang 2. Oleh itu, Tuan Speaker, Teluk Datuk mencadangkan bahawa kerajaan akan membuat pemantauan yang secukupnya dalam melaksanakan projek ini agar tiada berlakunya kes penyelewengan serta untuk menjamin kejayaan projek ini. Diharap kesemua isu yang saya bangkitkan dapat direalisasikan. Sekian. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Terima kasih. Tuan Speaker, Bangi berdiri untuk membangkitkan apa ini tentang perbekalan tambahan Bajet 2007 berhubung dengan B 14 yang diperuntukkan sebanyak RM 23,819,815.66 dan PK 11 Pembangunan Insan sebanyak RM 12,0000.10, tadi kita telah mendengar ucapan daripada Bahagian Hal Ehwal Islam daripada Dato' Dr Hassan Ali.

**TUAN SPEAKER** : Tolong jangan sebut nama.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Daripada Gombak Setia dan juga daripada Selat Klang berhubung ingin meningkatkan prestasi Islam dan juga untuk menjadikan Selangor sebagai 'hub-ilmu'. Er.... Saya fikir untuk meningkatkan prestasi ni kita perlu umpamanya saya sentuhkan dari segi pendidikan dulu, perlu kita tingkatkan dari segi 'facilities' persekolahan sekolah-sekolah agama yang kita melihat agak teruk dari segi peralatan dan sebagainya. Daripada lawatan-lawatan saya kerana membantu apa ni... er... Gombak Setia

**TUAN SPEAKER** : Bangi, Morib minta laluan. Nak minta laluan ke...

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Boleh. Perkara 67 (3)

**TUAN SPEAKER** : Ya

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Setelah dicadangkan Usul hendak dibacakan Rang Undang-Undang itu kali yang kedua dan disokong maka bolehlah dijalankan perbahasan dengan serta merta tetapi hendaklah dihadkan kepada asas-asas Am Dasar dan Pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-Undang.

**TUAN SPEKAR** : Ya.

**Y.B. TUAN HASIMAN BIN SIDOM** : Tetapi dibincangkan tadi perkara-perkara lain.

**TUAN SPEAKER** : Disebabkan ada kenaikan gaji, jadi tidak ada masalah. Silakan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Saya sambungkan semula, jadi kita perlu umpamanya meningkatkan dari segi latihan guru yang kita dapat iaitu kebanyakan guru nya perempuan semua kita tanya mengapa guru lelaki tak nak berkhidmat dikatakan gaji terlampaui murah RM 600 tak ada orang nak bekerja jadi tinggal semua guru-Guru perempuan semua di seluruh sekolah seperti di Bangi Lama, semua guru perempuan tak ada yang lelaki nak bekerja sebab gajinya terlampaui murah tetapi wajar juga kalau kita fikirkan daripada waktu dia mengajar hanya tiga jam sahaja sebab itu kita fikirkan perlu difikirkan juga bagaimana untuk menambahkan waktu mereka bekerja supaya dapat ditambah dari segi pendapatan umpamanya sampai seribu ringgit umpamanya mesti dia mengajar dua sesi ke untuk melengkapkan dari segi jumlah waktu mereka mengajar begitu juga barangkali kena perbaiki dari segi ko-kurikulum, penyusunan waktu mengajar, gaji kemudian dari segi masjid-masjid, saya ingat dari segi masjid ini perlu disusun balik dari segi pengajarannya biarlah dia menjadi semacam pusat pengajaran setiap tempat yang ada di masjid misalnya perlu kita wujudkan guru-guru tetap yang kita pilih dan layak dan mereka mesti diperiksa dan melulus tahap tertentu yang kita perlu wajibkan dan mereka ini perlu mengajar pelajaran mata-mata pelajaran yang ditentukan oleh kita dan juga tidak mereka sebebas-bebasnya menggunakan berbagai-bagai kitab atau cara atau berceramah sahaja tanpa ada teks yang mereka gunakan, kalau kita boleh cadangkan teks-teks pilihan, teks-teks wajib yang mereka perlu ajar melalui masjid, surau barangkali kita dapat satukan dari segi pemikiran, apa ni... kaedah keilmuan yang diterima oleh masyarakat dan sebagainya, ertinya tidak mereka sebebas-bebasnya dengan kadang-kadang hanya ceramah begitu sahaja tiap-tiap kali pergi tidak ada arah dan tentu. ‘So’, kita barangkali perlu menyusun teks itu sendiri pada peringkat negeri Selangor yang saya fikir bukan payah sangat kalau kita nak susun umpamanya di negeri Kedah, saya dapat dia ada kitab khas yang disusun oleh guru-guru di situ dan diluluskan untuk digunakan oleh masjid-masjid bahkan kitab-kitab itu turut digunakan tempat kita oleh kerana tidak ada kita sediakan teks-teks yang khas yang diajar pada peringkat masjid-masjid dan fikir juga umpamanya kita perlu wujudkan semacam tahap pengajaran di sesuatu daerah tiap-tiap daerah tu barangkali ada masjid-masjid yang mengajar pada peringkat yang lebih tinggi ko-kurikulum yang lebih tinggi, kitab yang lebih tinggi guru yang paling baik umpamanya di surau-surau barangkali guru-guru yang biasa jadi barang siapa yang ingin mendalami pengajaran yang lebih tinggi dari segi mata pelajarannya boleh mereka pergi ke masjid yang lebih khusus, pokoknya ertinya kita perlu dari sekarang semasa peluang kita ada ni, kita menyusun bukan saja masjid ni dari segi Ahli Jawatankuasa nya tetapi juga menyusun dari segi pengajaran-pengajaran yang dilakukan di masjid-masjid itu daripada pelbagai peringkat dan mata-mata pelajaran yang diajar. Barangkali kita tidak mesti tiap-tiap surau atau masjid mengajar kitab yang sama berdekatan misalannya kalau surau ini mengajar akidah, surau ini fikah, surau ini tasawuf dan sebagainya jadi ahli-ahli qariah tu boleh memilih mana-mana surau macam saya di Bandar Baru Bangi di sana ada lebih kurang 25 surau di Bandar Baru Bangi, ertinya kita boleh atur di tempat-tempat itu bermakna surau-surau yang istimewa dari segi pengajaran fikah, istimewa dari segi akidah umpamanya jadi masyarakat boleh memilih mana-mana pengajaran yang baik. Kalau sesuatu telah mencapai tahap yang baik dari segi pengajaran sebenarnya dia boleh menarik masyarakat untuk datang ke tempat itu misalannya Surau An-Nur di Bandar Baru Bangi yang mana imej Dr. Harun Din dan beberapa tokoh yang ramai itu menjadi tarikan ertinya berterusan orang datang bukan sahaja dari Bangi dari seluruh negeri Selangor bahkan dari negeri Johor, Pahang dan sebagainya. Pada hari-hari minggu terutamanya mereka datang belajar, Isnin malam datang mengajar. Kalau kita wujudkan tiap-tiap kawasan itu ada pelajaran masjid fokus. Pelajaran fokus, Kitab fokus tertentu, ertinya ini dapat meningkatkan dari segi pengajaran di masjid itu. Ini bukan

bererti kita hanya menekankan masjid sahaja. Ertinya bahagian pengajian hak ilmu satu hal yang kita tingkatkan dari negeri Selangor. Tetapi dari segi kita juga mahu menjadikan masjid surau ni terbaik. Seperti mana yang saya katakan Selangor sekarang sudah terkedepan, dari segi pimpinan keilmuan agama dari segi pendekatan moden. Sekolah-sekolah di Selangor ini dimulai di negeri kita ini dengan kolej Islam Selangor itu sendiri kalau negeri di pantai timur bermula dengan sekolah-sekolah pondok. Tapi kita di negeri Selangor bermula dengan tradisi pengajian moden Islam dan ia berkembang. Sistem ini berkembang menjadi sekolah menengah agama yang jadi tarikan dan pilihan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka. Tetapi oleh kerana sekolah-sekolah ini terhad jumlahnya, rebutan ramai jadi tidak cukup. Jika kita di Selangor ini juga harus memikirkan untuk mewujudkan sekolah-sekolah menengah agama. Saya sokong kuat sebagaimana Gombak Setia bercadang untuk mengambil balik sekolah-sekolah menengah agama telah diserahkan kepada Selangor kepada Kerajaan persekutuan tiba kita nak melawat dekat sana pun dah tidak boleh padahal sekolah kita. Sekolah kita ambil balik dan ia menjadi hak pendidikan menengah yang boleh menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar dari negeri lain untuk menghantar pelajar di sini seperti mana tarikan dari kolej Islam atau Hamidiah Sekolah Kebangsaan Agama di Kajang itu adalah sekolah pilihan yang menjadi rebutan dari semua pelajar di seluruh negara. So, Kalau kita dapat sediakan itu jadi kita dapat menyediakan peringkat menengah hingga ke peringkat Universiti. Tarikan-tarikan keilmuan jadi kita ke depan dari segi Universiti IPTA dan IPTS tetapi juga tarikan-tarikan pengajian yang mana puncak keagamaan di negeri kita ini ada seperti UIAM, KUIS dan barangkali kita boleh tambah lagi pendidikan-pendidikan yang lain yang menjadi negeri Selangor ini mutlak hak pendidikan. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Kampung Tuanku menyampaikan membahas Rang Undang-undang 2007 2008 ini, dan setelah dewan yang mulia ini bersidang tiga (3) hari Kampung Tuanku merasa berat hati apabila Kampung Tuanku melihat sumber yang begitu kaya di Selangor ini dibazirkan apabila kita menyaksikan pelbagai bentuk berlaku berpunca dari kelemahan pentadbiran yang dahulu mentadbir kewangan kerajaan negeri. Jadi saya imbas kembali dewan yang mulia ini dikejutkan dengan risiko-risiko tinggi yang perlu dihadapi oleh anak-anak syarikat negeri semasa mengusahakan projek usaha sama dengan syarikat swasta. Cara-cara BALKIS membelanjakan wang derma anak-anak syarikat kerajaan negeri Selangor. Penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di PBT-PBT di Selangor dan sebagainya. Semua peristiwa itu berlaku wajar didedahkan agar rakyat malahan warga kerja negeri Selangor termasuk para ADUN dan Parlimen memahami situasi sebenar keadaan di negeri Selangor. Ini juga penting untuk kerajaan negeri Selangor yang baru ini untuk menempatkan dirinya di tempat permulaan yang sesuai agar kita boleh mengetahui hala tuju yang kita hadapi pada masa hadapan. Pada masa depan kita terasa berat hati seperti apa yang katakan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Sekinchan, sekarang sumber ini diuruskan dengan teliti, berintegriti, berhemah dan tulus. Maka saya yakin kerajaan negeri Selangor tetap akan betul-betul jauh maju. Yang mana warganya dapat hidup dan bekerja di negeri Selangor dengan amat dan selesa. Tidak kira seorang itu pekerja kilang ke tidak, sama ada seorang itu kakitangan penjawat awam, ataupun dan lain-lain. Dan melalui pemerhatian saya ada masalah yang perlu dipandang serius oleh Kerajaan Negeri Selangor. Yang pertama sekali, kontrak-kontrak Pihak Berkuasa Tempatan dengan pihak swasta wajar dinilai semula, seperti apa yang diterangkan oleh sesi kerajaan negeri berbahas semasa dewan

berbahas usul menjunjung kasih Tuanku Sultan Selangor wujudnya perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai di antara Pihak Kerajaan Tempatan dengan syarikat swasta yang mana pembahagian keuntungannya adalah berat sebelah. Sebagai satu permulaan, saya ingin mencadang kepada kerajaan negeri supaya semua perjanjian ini boleh dirombak kembali seperti mana peruntukan-peruntukan dan perjanjian-perjanjian yang tersebut. Khususnya kontrak-kontrak dan perjanjian-perjanjian yang diberikan kepada syarikat-syarikat kroni UMNO khususnya yang tidak dapat menunjukkan prestasi. Ini termasuk kontrak-kontrak melihatkan penswastaan tempat letak kereta misalnya. Pembersihan sampah-sarap, longkang dan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran yang lain. Tuan Speaker, Kampung Tuanku juga ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini terhadap perbelanjaan Pejabat Menteri Besar untuk mana-mana calon BN di pilihan raya kampus, Walaupun ini tidak ditunjukkan di dalam bajet ini, tetapi kalau kita mengimbas kembali laporan fakta Elektronik Malaysia Kini yang bertarikh 19 September 2006 adalah difahamkan terdapat 42 mahasiswa menginap di sebuah hotel empat (4) bintang di PJ pada masa itu. Iaitu Hotel *Crystal Crown*, dan apa yang dilaporkan adalah sebahagian daripada perbelanjaan ini dibiayai oleh Pejabat Menteri Besar Selangor pada masa itu. Saya rasa walaupun jumlah perbelanjaan tidak banyak tapi saya rasa ini adalah satu bentuk campur tangan penyalahgunaan wang ringgit rakyat Selangor. Mahasiswa-mahasiswa tadi dari Universiti Malaya (UM) ini telah menjadi calon BN yang kampus iaitu pada 21 September, 2006. Laporan itu juga menyatakan bahawa Pejabat Menteri Besar Selangor telah menjelaskan bil lebih kurang lima ribu ringgit (RM5000.00) untuk menginap bilik untuk 32 buah bilik hotel itu termasuk bilik eksekutif di tingkat tertinggi Hotel *Crystal Crown* PJ . Mereka juga menjamu selera di Restoran hotel tersebut. Saya rasa inilah yang dilaporkan dalam akhbar tersebut dan bekas Universiti Malaya adalah seorang ADUN di negeri Selangor saya rasa perkara ini wajar diberi satu siasatan dan satu peringatan kepada semua supaya Pejabat Menteri Besar ini perlu lebih berhemah dalam perbelanjaannya dalam masa-masa yang akan datang. Menyebut pasal Universiti Malaya saya juga ingin menyebut sedikit sebanyak menyebut tentang pengajian tinggi terletak di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi saya ingin menarik perhatian terhadap Universiti Industri Selangor (UNISEL) yang ditubuhkan dan dimiliki oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Iaitu sebuah milik Kerajaan Negeri Selangor dan Universiti ini ditubuhkan pada 1999, sebagai universiti yang pertama dimiliki oleh kerajaan negeri , saya amat tertarik dengan hala tuju UNISEL. Untuk tahun-tahun yang akan datang, saya berpendapat universiti ini dikembangkan dengan segera agar negeri ini tidak dapat melahirkan. Moga kerajaan ini dapat melahirkan sumber manusia yang berkualiti tinggi. Sesungguhnya kualiti barisan pemimpin UNISEL amat penting untuk memastikan melahirkan graduan-graduan yang dihasilkan kepada UNISEL adalah berkualiti tinggi. Oleh itu, Kampung Tuanku juga prihatin terhadap kepimpinan UNISEL yang ada sekarang. Yang mana barisan ini sekarang telah dianggotai oleh individu-individu yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang diperlukan memimpin sebuah universiti. Saya ingin menarik perhatian terhadap suatu contoh itu pelantikan Yang Amat Berbahagia Datin Paduka Seri Rosma Mansur, iaitu isteri kepada Timbalan Menteri Malaysia yang dilantik sebagai Canselor UNISEL. Beliau sehingga sekarang tidak mempunyai sebarang Ijazah Kedoktoran Falsafah langsung, tiada PhD hanya 'Master' dengan izin. Jadi saya ingin bertanya sama ada barisan tertinggi UNISEL akan ditukar atau diganti dengan golongan akademik yang berwibawa supaya universiti ini boleh menjadi kebanggaan warga Selangor dalam melahirkan modul insan yang berkualiti tinggi.

Tuan Speaker, Kampung Tunku juga ingin menarik perhatian pembinaan menara pemancar komunikasi di Selangor. Saban hari kita telah melihat pemancar komunikasi

didirikan bagi cendawan tumbuh selepas hujan dalam kita menikmati keselesaan yang dibawa oleh telekomunikasi. Rakyat juga menjadi prihatin dalam masalah pembinaan menara-menara pemancar komunikasi yang haram di negeri Selangor. Ada kebimbangan daripada penduduk bahawa ianya akan menjelaskan kesihatan penduduk akibat gelombang elektron magnetik terlalu dekat dengan rumah-rumah penduduk. Dan dalam hal ini Kampung Tuanku ingin bertanya apakah peranan yang dimainkan oleh Kumpulan Jaringan Selangor (KJS) dalam pembinaan menara-menara pemancar komunikasi ini. Saya, Kampung Tuanku juga meminta kerajaan negeri boleh mengurangkan prosedur-prosedur membina menara pemancar telekomunikasi di negeri Selangor. Dan bagaimana orang ramai dapat mengenal pasti sama ada sesebuah menara itu selamat atau tidak. Isu ini berbangkit kerana ada kebimbangan daripada penduduk keadaan pemancar-pemancar adalah tidak sah dan apa yang difahamkan oleh penduduk ialah pembinaan semua pemancar telekomunikasi adalah dilakukan diuruskan oleh satu syarikat iaitu Syarikat Kumpulan Jaring Selangor, yang dulunya kalau saya tidak silap bos besarnya adalah merupakan ketua cawangan UMNO PJ Utara. Jadi saya rasa perkara ini wajar diberi perhatian oleh kerajaan negeri.

Pagi tadi saya sudah membangkitkan satu projek terbengkalai Bukit Beruntung. Jadi saya juga ingin juga membangkitkan di sini ia tidak dibangkitkan semasa usul menjunjung kasih, saya bertanya apakah memandangkan Batang Kali pun tiada di sini. Jadi saya bagi can lah! Rancangan-rancangan, dasar-dasar ataupun cara-cara dan kerajaan boleh memberi kepada pembeli-pembeli Bukit Beruntung ini agar diteruskan masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah dapat diselesaikan. Jadi saya rasa ini ada satu projek yang perlu di ambil perhatian.

Juga dan isu yang terakhir yang ingin saya bawa ke dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan perjanjian di antara kerajaan Selangor dan kerajaan persekutuan iaitu pembahagian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Tuan Speaker, apabila kerajaan Selangor menyerahkan kuasa Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada kerajaan persekutuan pada tahun 1974 dan 2001 masing-masing ditadbirkan sebagai Wilayah Persekutuan. Perjanjian-perjanjian telah ditandatangani di antara kedua-dua kerajaan tempatan ini. Ini adalah perkara yang cukup penting terhadap prestasi ekonomi negeri Selangor kerana Kampung Tuanku ini ingin bertanya apakah pulangan yang perlu diberi oleh kerajaan persekutuan pada kerajaan negeri khususnya pulangan dari segi wang ringgit dan adakah perjanjian-perjanjian ini ditepati oleh kerajaan persekutuan dari semasa ke semasa khususnya perjanjian untuk membahagikan rakyat persekutuan Kuala Lumpur kepada kerajaan persekutuan. Dan saya juga ingin bertanya apakah faedah-faedah yang diberikan kepada Selangor mengikut perjanjian dan Selangor menyerahkannya kepada kerajaan persekutuan. Ini saya, pada pendapat Kampung Tunku akan memberi kesan yang penting pada kerajaan negeri Selangor kerana wang ringgit yang diterima kerajaan persekutuan dapat dilaksanakan untuk pembangunan kerajaan negeri. Jadi, itulah antara beberapa perkara persoalan yang ingin saya bangkitkan di sini. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, sekarang saya mempersilakan kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan tentang perkara-perkara yang dibangkitkan tadi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Saya hanya membangkitkan beberapa perkara yang perlu kita terangkan dan yang lain kita peringatkan untuk kita bahaskan pada masa yang lain. Pertama, Sekinchan mengenai konsep lima (5) hari kerja tujuh (7) hari

perkhidmatan baharu dalam usaha kita memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan perkhidmatan awam. Saya menganggap ini satu sokongan yang baik dan kita mesti menjana usaha sama yang baharu, yang bukan sahaja dia menggunakan konsep 8 jam satu hari bekerja tetapi satu konsep yang dipanggil *flexi time*. Maknanya dia tak perlu datang ikut masa yang sama tetapi dia mesti bekerja selama 8 jam itu, satu konsep. Yang kedua dia juga boleh bekerja di kawasan yang dia berada dan boleh kita *trap* menggunakan sistem komputer dan dia boleh bekerja. Dia tak perlu ada kalanya bekerja di pejabat. Ini banyak dilakukan oleh syarikat-syarikat antarabangsa yang perkhidmatan mereka diberi 24 jam dan boleh diukur perkhidmatannya.

Kedua, dari Sekinchan menceritakan fasal kita mesti menjaga dana dengan baik. Kita sekarang Pengarah Kewangan Negeri dan membuat suatu konsep baharu, iaitu konsep “*profit centre*” maknanya pengurusan wang itu boleh menghasilkan hasil yang lebih banyak bukan pengurusan wang itu sahaja, wang tetapi mesti hasil yang lebih banyak. Kita menunjukkan dalam masa satu bulan kita sudah meminta bank untuk memberi pulangan yang lebih baik kerana kegunaan wang cairan kita banyak. Jadi kita boleh menambah pendapatan antara RM 1 atau RM 2 juta sekurang-kurangnya dalam 6 bulan dengan tidak menambah apa-apa jumlah kewangan yang dipanggil konsep “*Profit Centre*”. Ini masalah inflasi ini merupakan masalah yang kita mungkin hadapi pada masa mendatang.. Inflasi ini bukan saya rasa disebabkan oleh tempatan tetapi inflasi antarabangsa. Saya berharap harga minyak tidak lagi meningkat melebihi US130 satu tong. Tetapi kita mesti jaga yang harga pengangkutan, harga barang pembuatan boleh meningkat dan kesannya yang dapat lagi 3 bulan yang mendatang. Sebab, stok mereka, stok yang baharu, dan harga makin terasa.

Tentang kenaikan gaji untuk Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, saya ingat kita kena kerja dululah. Hasilnya itu, suatu konsep yang kita mesti buat ialah dalam swasta konsepnya kalau kita dah dapat untung baru kita dapat bonus. Kalau kita tak dapat untung, kita tak boleh dapat bonus. Ini satu konsep juga dalam Islam juga iaitu satu konsep mudarabah. Maknanya kita dapat berkongsi selepas berhasil bukan tentukan sebelum dapat hasil. Jadi ini suatu konsep yang boleh kita lakukan dan semua orang. Kedua, daripada Teluk Datok tentang perkara menambahkan peruntukan oleh Sekolah Rendah India dan Cina. Ini kita hendak tengokkan bagaimana jumlah kewangan kita cukup untuk menghasilkan ini dan kita sudah mulakan yang cukai tanah sudah kita kurangkan menjadi RM1.00. Ini boleh mengurangkan beban perbelanjaan dan juga kita menggalakkan interaksi dan perkara mengenai pendidikan itu tak ada suatu perkara yang perlu kita persoalkan sebab semua anak-anak muda. Anak-anak negeri Selangor merupakan harta yang terpenting bagi negeri Selangor.

Kita ada satu skim yang bakal dilancarkan untuk anak-anak negeri Selangor, dan skim ini dijangka dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Dalam 1 atau 2 minggu untuk kita tunjukkan lagi satu usaha kebajikan negeri Selangor yang Dato' Hasan katakan kita buat berperingkat-peringkat. Dan tapak pelupusan sampah boleh menjadi perkara yang berterusan. Ini satu perkara yang berterusan, kerana lagi ramai penduduk datang ke daerah Lembah Kelang, lagi besarlah masalahnya. Oleh sebab itu, kita mesti memikirkan teknologi baharu untuk bukan sahaja menjaga sampah tetapi mengubah sampah menjadi tenaga baharu (“*renewable energy*”). Ini suatu konsep yang ada di Dengkil, dalam prototaip, tetapi saya berharap kalau ini berjaya, Selangor boleh menyediakan beberapa tempat untuk usaha ini. Itu salah satu jawapan yang penting.

Kedua, jawapan yang penting ialah kita mesti ada disiplin untuk mengasingkan jenis sampah. Di negara-negara maju terdapat pengasingan jenis sampah, dengan itu senang sampah dimusnahkan, malah menghasilkan, apa yang dipanggil *biodegradable* yang boleh menjadi baja. Tentang khinzir, saya ingat kita teruskan usaha ini supaya negeri Selangor hanya ada satu tempat sahaja pembelaan khinzir, yang lain tak ada. Jadi... kemudian tentang dokumen yang diberitahu semasa soal jawab pagi tadi. Semua dokumen yang nak dimusnahkan mesti mendapat kelulusan daripada pihak Arkib. Jadi nampaknya kalau ada kesalahan, kita mesti cari. Tetapi semasa kita melihat keadaan di pejabat pada saya yang paling penting, oleh sebab saya daripada kumpulan yang memikirkan wang, saya jaga wang dulu, dan kertas-kertas tu lebih kurang nilainya daripada kalau kita hilang wang daripada bank. Jadi kita kena cek itu dulu. Alhamdulillah, ia ada, dan teknik yang kedua sekarang kita menggunakan komputer dan kita boleh adakan satu sistem kerana data itu ada *copynya*. Jadi kalau dibuang di mana-mana pun, kita boleh dapat lagi.

Dan tentang *Canal City*, saya menyokong tapi kita kena perhatikan bahawa pelaburan itu jangan terlalu tinggi dan tidak dalam keadaan ekonomi yang turun naik. Ini boleh mengadakan masalah pada masa mendatang. Saya hendak minta Dato' Hasan menjawab tentang soalan Bangi kerana itu portfolio beliau. Dan Kampung Tunku, tentang sumber dana dan pembangunan itu perkara biasa. Kontrak kita buat, satu kontrak yang teratur supaya kita ada "*stressing tracking*" dan seterusnya, daripada segi Universiti Malaya ini, sebab saya pun Ahli Alumni Universiti Malaya. Jadi kita kena sama-sama bekerja untuk mempertingkat tahap akademik Universiti dan kita hendak semak sama ada KJS ini anak syarikat saya belum tak berapa tahu ni sekarang tapi saya kata saya nak semak sama ada ia dapat kita usahakan supaya tidak ada pembangunan yang tak perlu dibuat. Dan usaha pembangunan Bukit Beruntung ini oleh kumpulan yang membangunkan Bukit Beruntung sudah '*collapsed*' dan akhirnya saya rasa syarikat-syarikat dalam negeri Selangor mendapat bahanan daripada itu. Jadi itulah sebabnya ada beberapa syarikat negeri Selangor terpaksa mengambil alih harta tersebut kerana bayaran kepada syarikat-syarikat itu tidak dibayar dan kerajaan negeri Selangor mesti memantau perkara ini.

Seperti yang saya katakan kita akan membuat satu "*Task Force*" untuk melihat risiko dan usaha yang kita lakukan. Perkara yang akhir mengenai perjanjian negeri Selangor dengan Wilayah Persekutuan, ini satu cadangan yang baik kita mesti *review* sebab pembangunan Shah Alam ini yang kita nampak bangunan-bangunan ini boleh jadi hasil daripada jualan harta negeri Selangor kepada Kerajaan Federal untuk dijadikan tanah Wilayah. Jadi adakah sekarang kita boleh buat satu "*Team*" mengkaji tentang pulangan ataupun hasil-hasil daripada yang kita dapat daripada kerajaan *federal*, dan terus dapat membuat pembangunan ini. Kerajaan *federal* sekarang, sebagai contoh kita jual tanah kepada *federal* boleh jadi pada masa itu harganya RM 20.00 satu kaki sekarang kalau kita pergi ke KLCC, bukan RM20.00 satu kaki, kita bercakap sekurang-kurangnya RM800.00 satu kaki dan di Shah Alam kita masih lagi dalam purata RM100.00 dan seterusnya. Jadi adakah ini satu "*negotiation*" yang bagus untuk kita sebagai pengajaran untuk negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, kita boleh menyembahkan pandangan kita kepada DYMM Tuanku Sultan untuk baginda bersama-sama dengan rakyat Selangor meneliti hasil perjanjian kita antara negeri Selangor dan Wilayah. Dan paling penting, saya nak ingatkan Dewan di sini Pembangunan Wilayah Persekutuan mempunyai kesan yang terus kepada pembangunan negeri Selangor. Oleh sebab itu, penting untuk pegawai-

pegawai kerajaan negeri Selangor melihat bentuk pembangunan ataupun perancangan bandar di wilayah ini yang sudah dipaparkan, yang memberi kesan kepada pembangunan persekitaran. Jadi yang penting ialah Wilayah Persekutuan dikelilingi oleh negeri Selangor. Itu yang jelas. Oleh sebab itu penelitian Y.B dari Kampung Tunku sangat penting dan EXCO boleh mengambil pandangan yang serius untuk membuat kajian cara Selangor dapat berkembang bersama-sama dengan Wilayah dapat manfaat daripada pembangunan Wilayah. Itulah sahaja. Saya serahkan kepada Dato'.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI** : Terima kasih Ijok, dan Tuan Speaker saya ada sikit sahaja sebenarnya untuk memberikan ulasan tentang apa yang dibangkitkan oleh daripada Bangi tentang masjid. Saya setuju semua sebenarnya bahkan ini selari dengan seminar 2 hari yang lepas yang kita dapat input dari teman-teman yang menghadirinya, pakar-pakar yang menghadirinya dan sebahagiannya satu pasukan pakar daripada Universiti Malaya dari Akademik Islam dan juga dari Universiti Kebangsaan telah mencadangkan dan cadangan itu seiras dengan cadangan yang dikemukakan daripada Bangi. Seperti diadakan guru tetap di masjid, adakan teks buku-buku pilihan untuk kuliah-kuliah di masjid, tahap-tahap pengajaran, kitab-kitab yang ditetapkan yang tinggi-tinggi yang rendah-rendah kemudian tu mengatur keistimewaan sesebuah masjid. Ini telah berlaku di Singapura. Kalau kita pergi di Singapura kita dapati masjidnya ada penghususannya ada yang mengajar *usulfiqh*, ada yang mengajar usuluddin, ada yang mengajar Bahasa Arab, ada yang mengajar tajwid ada berbagai-bagai. Ada yang mengajar akidah, ada yang mengajar syariah, ada yang mengajar akhlak dan berbagai-bagai. Maknanya di Singapura kalau kita pergi saban malam nak pilih yang mana dan mereka telah letak di website. Tiap-tiap masjid ada website jadi pilihan kepada rakyat di Singapura dan orang luar juga pilihannya begitu luas dan sebab itu masjid di Singapura walaupun mereka membangun hebat begitu moden sebagaimana disebutkan kalau kita tengok dia punya pendapatan yang disebutkannya 5 kali ganda Singapura dibandingkan dengan Selangor tapi saya lihat dalam hal-hal pembentukan sahsiah manusia Singapura berjalan dengan lebih baik, jauh lebih baik daripada kita. Tuan Speaker kita sudah pun menyebutkan beberapa kali yang lalu satu pasukan mungkin naik satu bas 40 orang JAIS, orang MAIS akan melawat ke Singapura untuk melihat bukan sahaja pentadbiran masjid yang dibuat begitu lancar tetapi sebenarnya bagaimana masjid dihidupkan ertinya takmir masjid bagaimana masjid itu dihidupkan ini di antara perkara-perkara kita boleh belajar di Singapura.

Kemudian tentang, saya sikit sahaja tentang apa ni, yang disebutkan tentang insentif kepada guru-guru sekolah-sekolah JAIS, sama ada sekolah rendah ataupun guru KAFA dan sebagainya, saya faham! Memang mereka mendapat pendapatan di bawah garis kemiskinan kalau kita letakkan misalnya RM1500 misalnya, kita dapati mereka semuanya masuk dalam kumpulan itu. Jadi, ha..sebelum kita, sebab bilangannya begitu besar. Guru-guru KAFA saja bilangannya hampir 6000 orang, jadi apa pun cadangan yang kita nak buat walaupun kenaikan RM10, walaupun RM20, walau hatta RM1 pun, oleh kerana bilangannya besar maka dia punya implikasi kewangannya pun agak besar. Dengan sebab itu, saya pun tidak '*rule out*', dengan izin ya, tidak, tidak mengetepikan ya cadangan untuk kita memperbaiki, bergaji, elauan mereka dan mungkin kita akan memikirkan cara-cara lain untuk menghadapi masalah inflasi ini, kita dapat memberikan bantuan kepada guru-guru yang sebenarnya sudah berkhidmat begitu lama dengan kita. Sebahagiannya sebagaimana yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagiannya, ada ijazah, ada ijazah, ada '*Degree*', tapi masih sanggup lagi mengajar

dengan gaji hanya RM738.30. Jadi, kemudian, kepada Kg. Tunku, yang menanyakan soal menara...ha..yang pemancar telekomunikasi, sebenarnya, saya dengan teman-teman pada 13 Mei 2008, telah mengadakan satu mesyuarat khas untuk membincangkan tentang kesan radiasi kepada menara-menara telekomunikasi terutamanya yang ada di Subang Jaya dan juga di Kelana Jaya. Dan berikut dengan itu, kita meminta Agensi Nuklear Malaysia ha..mengadakan kajian dan mereka pun telah mengadakan kajian buat sekian lamanya dengan mengambil 200 sampel, daripada kajian tapak mengenai kesan radiasi daripada menara telekomunikasi dan hasil kajian tersebut mendapati, ha..ini penting ni..bacaan radiasi yang direkodkan adalah kurang daripada 1%. Oleh itu Agensi Nuklear Malaysia memberi jaminan bahawa bacaan radiasi tersebut adalah tidak merbahaya dan tidak akan memberi sebarang kesan kepada kesihatan orang awam. Perkara yang sama juga masa saya jadi Ahli Parlimen dulu pun, Timbalan Menteri yang bertanggungjawab ketika itu pun telah menjawab soalan ini dengan nada yang sama. Dan kajian-kajian di seluruh dunia di Amerika juga di Eropah pun sehingga ini rasanya kajian-kajian mereka itu, '*findings*' nya, dengan izin, lebih kurang sama dengan apa yang ada ni. Tetapi, fahamlah, oleh kerana menaranya begitu tinggi, menaranya begitu besar dan banyak lagi instrumen-instrumen baru yang diletakkan kepada menara tersebut menyebabkan kadang-kadang kita dapati penduduk merasa resah gelisah. Apa pun, kita telah meminta supaya ha...ha..teman-teman daripada KJS iaitu Kumpulan Jaringan Selangor yang telah diminta untuk mengkoordinasi dan juga membangunkan telekomunikasi, sistem telekomunikasi yang sedemikian untuk mengambil kira perkara ini dan kita akan menunggu sebenarnya laporan-laporan yang lebih lengkap lagi supaya kita dapat persembahkan kepada rakyat Selangor mengenai bahaya radiasi terhadap menara-menara telekomunikasi tersebut. Jadi ha...Tuan Speaker, saya rasa dari segi saya itu sahaja, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang ke-2 sekarang, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya,(Ya). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Rang Undang-Undang ini bernama satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri. Untuk perbelanjaan tambahan perkhidmatan bagi tahun 2007 dan bagi memperuntukkan wang itu, untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN MOHAMED ALI :** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan di bawah Peraturan Tetap 66 (3) untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini, Fasal demi Fasal.

**Y.B. TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Jadual B1, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri RM9,38,265.

**TUAN SPEAKER :** Jadual B1, iaitu wang sejumlah RM9,38,265 untuk Kepala B1, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada

jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju, sila kata Ya. (Ya..). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B3, Pejabat Dewan Undangan Negeri, RM2,475,251.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B3, iaitu wang sejumlah RM2,475,251 untuk Kepala B3, Pejabat Dewan Undangan Negeri menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju, sila kata Ya. (Ya..). Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Pindaan Jadual B6, iaitu wang sejumlah RM127, 483,000 untuk Kepala B6, Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Negeri.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Pengurus, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan Kepala B6 dengan jadual Rang Undang-Undang dipinda dengan memotong perkataan B6 Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Negeri RM127,483,000 daripada jadual.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang diterangkan di dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-Ahli Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER** : Jadual seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B10, Jabatan Hutan, RM 480,000.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B10, iaitu wang sejumlah RM 480,000 untuk Kepala B10, Jabatan Hutan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B12, Jabatan Kerja Raya, RM2,150,000.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B12, iaitu wang sejumlah RM2,150,000 untuk Kepala B12, Jabatan Kerja Raya menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B14, Jabatan Agama Islam, RM23,815,566.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B14, iaitu wang sejumlah RM23,815,566 untuk Kepala B14, Jabatan Agama Islam menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B23, Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, RM215,000.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B23, iaitu wang sejumlah RM215,000 untuk Kepala B23, Pejabat Daerah dan Tanah Sepang menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B25, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, RM787,307.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B25, iaitu wang sejumlah RM787,307 untuk Kepala B25, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B26, Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam, RM800,000.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B26, iaitu wang sejumlah RM800,000 untuk Kepala B26, Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B29, Perbendaharaan, Perbelanjaan Am, RM35,000,000.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B29, iaitu wang sejumlah RM35,000,000 untuk Kepala B29, Perbendaharaan, Perbelanjaan Am, menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Pindaan jumlah Perbekalan iaitu wang sejumlah RM202,244,389 untuk jumlah perbekalan.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Pengurus, saya memohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan kepada jumlah Perbekalan dengan jadual Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan Dua ratus dua juta, dua ratus empat puluh empat ribu, tiga ratus lapan puluh dengan perkataan Tujuh puluh empat juta, tujuh ratus enam puluh satu ribu, tiga ratus lapan puluh sembilan.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan di dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-Ahli

Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Pindaan disetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jumlah Perbekalan seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER** : Jumlah Perbekalan seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Mukadimah Rang Undang-Undang, pindaan.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Pengurus, saya memohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan dalam Mukadimah Rang Undang-Undang dengan menggantikan perkataan Dua ratus dua juta dua ratus empat puluh empat ribu tiga ratus lapan puluh sembilan dengan perkataan tujuh puluh empat juta, tujuh ratus enam puluh satu ribu, tiga ratus lapan puluh sembilan.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan di dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-Ahli Berhormat yang bersetuju sila kata Ya. (Ya). Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata Tidak. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jumlah perbekalan seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER** : Jumlah perbekalan seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1.

**TUAN SPEAKER** : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 2 (Pindaan).

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Pengurus, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Fasal 2 Rang Undang-Undang dipinda dengan menggantikan perkataan RM202,244.389 juta dengan perkataan RM74,761,389 juta.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah di bentang sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 2 seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER** : Fasal 2 seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Huraian Rang Undang-Undang Pindaan.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan dalam huraian Rang Undang-Undang dengan menggantikan perkataan RM202,244.389 juta dengan perkataan RM74,761,389 juta.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah dibentangkan sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Masalahnya adalah pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Pindaan dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Huraian Rang Undang-Undang seperti yang dipinda.

**TUAN SPEAKER** : Huraian Rang Undang-Undang seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**Y.B. DATO' DR. HASSAN BIN MOHAMED ALI** : Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Tuan Speaker. Ahli-Ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2007) 2008.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya memohon membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak Seratus Dua Puluh Tujuh Juta Empat Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu (RM127,483,000.00) yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2007, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepertimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.

**JADUAL**

**BAJET TAMBAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2007**

(1) Kepala	(2) Jabatan	(3) (RM) Peruntukan
P01	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	37,543,000.00
P4	Perbendaharaan (Projek Am)	5,000,000.00
P12	Jabatan Kerja Raya	48,940,000.00
P29	Perbendaharaan (Luar Jangka)	36,000,000.00
Jumlah		<b>127,483,000.00</b>

**UCAPAN**

**TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,**

1. Di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor telah diadakan pada 27 hingga 30 November 2006 satu Usul Bajet Pembangunan telah diluluskan yang berjumlah **RM550 juta** bagi perbelanjaan Pembangunan tahun 2007. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM37.543 juta** diperuntukkan kepada Kepala P01 – Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, sebanyak **RM45 juta** kepada Kepala P04 – Perbendaharaan (Projek Am), sebanyak **RM127 juta** kepada Kepala P12 – Jabatan Kerja Raya dan sebanyak **RM30 juta** kepada Kepala P29 – Perbendaharaan (Luar Jangka).

**TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI DEWAN YANG BERHORMAT SEKALIAN,**

2. Berdasarkan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga Oktober 2007, terdapat kekurangan anggaran peruntukan sebanyak **RM127,483,000.00**. Oleh itu, maka satu peruntukan tambahan bertujuan menampung kekurangan peruntukan di bawah perbelanjaan pembangunan yang berjumlah **RM127,483,000.00** adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan iaitu seperti berikut :-

3. Bagi P01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan, sejumlah **RM37.543 juta** diperlukan untuk menampung perbelanjaan di bawah Pecahan Kepala PK. 8, PK.11, PK. 13 & PK. 21.

- a. Bagi PK.8 - Istana, sejumlah **RM3 juta** diperlukan bagi bayaran kewangan projek Pagar Keselamatan Istana Mestika.
- b. Bagi PK.11 - Sosial, sejumlah **RM8 juta** diperlukan bagi bayaran kemajuan Projek Rumah Kos Rendah Ladang Air Manis.
- c. Bagi PK.13 - Pembangunan Institusi Pentadbiran, sejumlah **RM5.36 juta** diperlukan bagi bayaran kemajuan projek Bangunan Tambahan Pejabat Daerah Hulu Selangor dan **RM10 juta** bagi projek Kuarters kakitangan Seksyen 16, Shah Alam.
- d. Bagi PK.21 – Pelbagai, sebanyak empat (4) projek yang terlibat untuk bayaran kemajuan dan bayaran akhir iaitu :
  - i) Rawatan menangani Pencemaran Gas Hidrogen sulfida di tasik lombong PJS 3, Petaling Jaya - **RM2 juta**.
  - ii) Bayaran kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) – Projek Persimpangan Bertingkat Bulatan Megawati, Seksyen 20 Shah Alam - **RM5 juta**.
  - iii) Membaik pulih Makam Diraja - **RM1.327 juta**.
  - iv) Alam Flora - **RM2.856 juta**.

4. Di bawah P04 – Perbendaharaan (Projek Am) sejumlah **RM5 juta** diperlukan bagi membiayai projek-projek kecemasan dan projek yang tidak diperuntukkan di dalam Bajet Tahunan.

5. Di bawah P12 – Jabatan Kerja Raya sejumlah **RM48,940,000.00** diperlukan bagi membiayai projek-projek di bawah Pecahan Kepala PK 1, PK 3 dan PK 4.

- a. Bagi PK 1 - Pelbagai Rancangan berjumlah **RM8,040,000.00**.
- b. Pk 3 - Jalan dan Jambatan berjumlah **RM14,008,700.00**.
- c. PK 4 - Menaik taraf Jalan dan Jambatan berjumlah **RM26,891,300.00**.

6. Bagi P29 - Perbendaharaan (Luar Jangka) sejumlah **RM36 juta** diperlukan bagi Perbelanjaan Projek Membina Kompleks Riyadz Fannil Islam dan Taman Awam di Seksyen 10 dikontrakkan dengan pinjaman PKNS daripada Kerajaan Negeri.

**TUAN SPEAKER DAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN,**

7. Memandangkan bahawa kita telah membahaskan tentang keperluan bagi tambahan peruntukan ini, maka saya dengan ini memohon supaya Usul ini diluluskan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Kerajaan Negeri iaitu Usul Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2007. Oleh itu saya kemukakan Usul ini untuk dibahaskan.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi :

“Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(2)(b) dan seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak Seratus Dua Puluh Tujuh Juta Empat Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu (RM127,483,000.00) yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan Tahun 2007, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepetimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan”.

**JADUAL**

**BAJET TAMBAHAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2007**

(1) Kepala	(2) Jabatan	(3) (RM) Peruntukan
P01	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	37,543,000.00
P4	Perbadaharaan (Projek Am)	5,000,000.00
P12	Jabatan Kerja Raya	48,940,000.00
P29	Perbadaharaan (Luar Jangka)	36,000,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>127,483,000.00</b>

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul Pelantikan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, saya mohon untuk membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya mengikut Perenggan (1) Peraturan Tetap 68 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan Negeri Selangor”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.

**Pengerusi :**

Y.B. Tuan Lee Kim Sim  
(ADUN Kawasan Kajang)

**Ahli-Ahli :**

- a) Y.B. Tuan Ng Suee Lim  
(ADUN Kawasan Sekinchan)
- b) Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei  
(ADUN Kawasan Sri Muda)
- c) Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi  
(ADUN Kawasan Sijangkang)
- d) Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin  
(ADUN Kawasan Damansara Utama)
- e) Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Hj. Lias  
(ADUN Kawasan Sungai Burong)
- f) Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz  
(ADUN Kawasan Semenyih)

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Dengan ini saya bukakan untuk perbahasan.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya mengikut Perenggan (1) Peraturan Tetap 68 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Kerajaan Negeri Selangor”.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Tuan Speaker, saya mohon untuk membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawasanya mengikut Perenggan 1 Peraturan Tetap 69, Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan satu Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan. Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan bagi Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas”.

**Ahli-ahli :**

- a) Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha  
(ADUN Kawasan Taman Medan)
- b) Y.B. Tuan Lau Weng San  
(ADUN Kawasan Kampung Tunku)
- c) Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman  
(ADUN Kawasan Meru)
- d) Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay  
(ADUN Kawasan Bukit Melawati)
- e) Y.B. Dato' Amiruddin bin Setro  
(ADUN Kawasan Jeram)
- f) Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
(ADUN Kawasan Paya Jaras)

**Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Dengan ini, saya bukakan untuk perbahasan.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya mengikut Perenggan (1) Peraturan Tetap 69 Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Mesyuarat seterusnya. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Bagi Dewan Undangan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Tuan Speaker, saya mohon untuk membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya mengikut Perenggan (1) Peraturan Tetap 70 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan”.

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.

**Pengerusi :**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim  
(Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor)

**Ahli-ahli :**

- a) Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar  
(ADUN Kawasan Bangi)
- b) Y.B. Puan Gan Pei Nei  
(ADUN Kawasan Rawang)
- c) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari  
(ADUN Kawasan Batu Caves)
- d) Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan  
(ADUN Kawasan Subang Jaya)
- e) Y.B. Dato' Hj. Warno bin Dogol  
(ADUN Kawasan Sabak)
- f) Y.B. Tuan Wong Koon Mun  
(ADUN Kawasan Kuala Kubu Baharu)

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW :** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Dengan ini, saya bukakan untuk perbahasan.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya mengikut Perenggan (1) Peraturan Tetap 70 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor menghendaki diadakan suatu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Mesyuarat seterusnya. Usul Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keberanggungjawaban dan Ketelusan iaitu (*Special Select Committee On Competence, Accountability and Transparency – SELCAT*) bagi Dewan Undangan Negeri Selangor.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tuan Speaker, saya mohon untuk membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keberanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency – SELCAT*) dengan izin. Jawatankuasa SELCAT ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa keupayaan, keberanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Walaupun apa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 75 Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri, SELCAT berkuasa untuk mengadakan pendengaran awam, sama ada secara penuh atau sebahagian daripadanya dan keterangan-keterangan dalam pendengaran awam tersebut bolehlah disiarkan.”

Dengan ini saya mengusulkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keberanggungjawaban dan Ketelusan bagi Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.

**Pengerusi :**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim  
(Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor)

**Ahli-ahli :**

- a) Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha  
(ADUN Kawasan Taman Medan)
- b) Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali  
(ADUN Kawasan Bukit Antarabangsa)
- c) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib,  
(ADUN Kawasan Hulu Kelang)
- d) Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin  
(ADUN Kawasan Bukit Gasing)
- e) Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak  
(ADUN Kawasan Permatang)

- f) Y.B. Tuan Ismail bin Sani  
(ADUN Kawasan Dusun Tua)

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Dengan ini, saya bukakan untuk perbahasan.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawasanya mengikut Peraturan Tetap 71 Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Undangan Negeri Selangor diadakan suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee On Competence, Accountability And Transparency – SELCAT*) dengan zin. Jawatankuasa SELCAT ini adalah untuk memantau selia dan memeriksa keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam segala urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan semua agensi, badan berkanun, pihak-pihak berkuasa dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan atau di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Walaupun apa yang diperuntukkan di bawah Peraturan 75 Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri, SELCAT berkuasa untuk mengadakan pendengaran awam, sama ada secara penuh atau sebahagian daripadanya dan keterangan-keterangan dalam pendengaran awam tersebut bolehlah disiarkan.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Mesyuarat seterusnya. Usul Di Bawah Peraturan Tetap 26(1) Oleh Y.B. Tuan Lau Weng San, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, Kampung Tunku ingin membawa satu Usul berbunyi seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini menetap untuk mengkritik penahanan Y.B. Tuan M. Manoharan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kota Alam Shah serta pemimpin-pemimpin Hindraf dan aktivis-aktivis sosial yang lain tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan menyeru Kementerian Dalam Negeri membebaskan tahanan-tahanan ini.”

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Yang Dipertua, Tuan Yang Dipertua sehingga

**TUAN SPEAKER** : Tidak ada Tuan Yang Dipertua di sini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Tuan Speaker, maaf. Sehingga ke hari ini Dewan yang mulia ini masih lagi menyaksikan bahawa Kerusi Kota Alam Shah masih lagi kosong. Rakyat seluruh Malaysia terkejut pada 13 hari bulan Disember 2007 apabila kelima-lima orang aktivis Hindraf iaitu P.Thayakumar, V.Ganapathy Rao, R. Kindergarten, T. Vasandakumar serta Ahli Yang Berhormat Kota Alam Shah, ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA mengikut Seksyen 8 Akta berkenaan. Kelima-lima orang ini merupakan para aktivis yang bergiat aktif dalam perjuangan untuk mengangkat martabat masyarakat kaum India yang selama ini ditekan dan ditindas oleh kerajaan Barisan Nasional. Mengikut Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri kelima-lima tahanan ini akan terus dihantar ke Kem Tahanan Kamunting dan di tahan di sana selama 2 tahun di bawah arahan Menteri Keselamatan Dalam Negeri tanpa melalui siasatan polis. Ini juga merupakan kali pertama Seksyen 8 digunakan untuk menahan seseorang individu. Sebelum itu, tahanan-tahanan biasanya akan ditahan di bawah Seksyen 73 Akta berkenaan, di mana tahanan itu akan ditahan di bawah pemantauan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selama 60 hari sebelum ditentukan sama ada beliau perlu dan terus wajar terus ditahan di Kamunting atau tidak. Kampung Tunku berpendapat bahawa penahanan kelima-lima orang aktivis Hindraf serta aktivis-aktivis sosial yang lain di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tanpa perbicaraan bukan sahaja tidak adil malahan tidak munasabah sama sekali khususnya dalam penahanan Yang Berhormat Kota Alam Shah di mana dalam kes ini kita telah menyaksikan seorang Wakil Rakyat telah ditidakkan hak dan kebebasannya untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang Wakil Rakyat dengan berkesan di dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, saya ingin mengetengahkan beberapa sebab mengapa tahanan ini patut dikritik dan tahanan-tahanan ISA perlu dibebaskan tanpa syarat dengan segera. Sebab pertama; Yang Berhormat Kota Alam Shah telah menang dengan undi majoriti yang besar dalam pilihan raya yang lepas. Pada pilihan raya umum yang lalu Yang Berhormat Kota Alam Shah telah menang dengan majoriti 7,184 undi biar pun beliau masih lagi ditahan di Kamunting di bawah ISA dan tidak dapat muncul untuk berkempen. Kejayaan besar ini bukan sahaja merupakan satu kejayaan besar untuk DAP dan beliau sendiri malahannya ia cukup merupakan satu tampanan hebat kepada kerajaan pusat bahawa ianya tidak boleh terus menahan mereka yang tidak bersalah tanpa perbicaraan melalui ISA (Dewan bertepuk). Yang Berhormat Kota Alam Shah ditahan kerana penglibatannya dalam aktiviti Hindraf. Sebenarnya apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah selama ini hanyalah untuk memperjuangkan hak asasi golongan masyarakat India yang tertindas dan terpinggir dan ianya tidak mengancam keselamatan negara ini. Oleh itu, Yang Berhormat Kota Alam Shah harus dilepaskan serta-merta tanpa syarat agar beliau dapat mengangkat sumpah sebagai ADUN dan juga menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai seorang Wakil Rakyat.

Tuan Speaker, kalau kita melihat sejarah Malaysia, terdapat 2 orang tahanan yang juga pernah mengambil bahagian dalam pilihan raya umum semasa ditahan dan berjaya memenanginya dengan majoriti yang lebih besar. Kedua-dua orang ini kebetulannya juga merupakan bekas Ahli Parlimen DAP iaitu Encik Chang Heng Kai dan mendiang Chang Kok Kit. Kedua-dua mereka telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada pertengahan 1970an atas tuduhan menyokong sentimen komunis. Biarpun begitu kedua-dua mereka masih bertanding dalam pilihan raya umum tahun 1978 dan mereka menang dengan majoriti lebih besar. Dalam konteks ini Kampung Tunku juga ingin menyarankan supaya Yang Berhormat Kota Alam Shah dibebaskan daripada penahanan ISA. ADUN Kota Alam Shah tidak boleh ditahan secara berpanjangan di bawah tahanan ISA. Ianya secara tidak langsung telah menidakkann

hak rakyat di Kota Alam Shah agar suara mereka dapat disampaikan dengan efektif di dewan yang mulia ini. Dan sehingga ke hari ini, dewan yang mulia ini belum lagi mendengar suara hati daripada Wakil Rakyat Kota Alam Shah penahanan ISA ini tidak sah dan Yang Berhormat Kota Alam perlu dilepaskan segera.

Sebab kedua; alasan yang digunakan oleh kerajaan pusat untuk menahan Yang Berhormat Kota Alam Shah dan aktivis-aktivis *Hindraf* yang lain adalah terlalu lemah. Yang Berhormat Kota Alam dan aktivis-aktivis *Hindraf* selama ini terlibat dalam berbagai aktiviti yang sah untuk memperjuangkan hak masyarakat India yang tertindas dan dipinggirkan selama ini. Kita harus memahami bahawa apa yang diperjuangkan oleh kelima-lima orang tahanan ini adalah untuk membawa isu penyingkiran masyarakat kaum India yang diabaikan oleh kerajaan Barisan Nasional selama ini. Hakikatnya kita telah melihat sekurang-kurangnya 30,000 orang menyertai tunjuk perasaan yang berlangsung di Ibu Kota pada 25 Oktober 2007 yang lalu. Tunjuk perasaan ini yang disertai oleh rakan-rakan berketurunan India kita dari seluruh pelosok negara telah membuktikan bahawa perjuangan mereka ini adalah berasas. Malahan Naib Ketua Pemuda Gerakan S. Balan Jothi dalam artikelnya yang bertajuk dengan izin *Discrimination from worm to tomb* menyatakan bahawa 30 ribu warga negara berketurunan India yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan tersebut adalah kerana mereka telah lama dipinggirkan, ditindas dan tidak dipedulikan.

Tuan Speaker, rakyat India juga merupakan golongan yang tertindas dalam struktur ekonomi Malaysia seperti yang terbukti dalam beberapa petunjuk termasuk kemasukan universiti. Mereka dilayan seolah-olah mereka merupakan warga kelas keempat. Di Pusat Penahanan Simpang Renggam yang menempatkan kira-kira 1,600 orang tahanan. Terdapat lebih daripada 1,000 daripada mereka yang terlibat dalam aktiviti penyalah gunaan dadah, manakala 574 orang tahanan disyaki terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah. Dari sejumlah ini, 48% daripada tahanan merupakan orang India. Kami ingin bertanya mengapa rakyat India yang hanya terdiri daripada 8% daripada jumlah penduduk rakyat Malaysia boleh menyumbangkan 48% daripada tahanan-tahanan di Pusat Tahanan Simpang Renggam? Ini sekali gus menunjukkan bagaimana runcingnya masalah sosial yang dihadapi oleh golongan yang tertindas ini. Tuan Speaker, sebab ketiga iaitu sebab akhir yang saya ingin membentangkan di dewan ini ialah ISA mencabuli hak asasi manusia. ISA merupakan punca segala bentuk undang-undang penindasan di negara ini. Malahan ianya lebih berbisa jika dibandingkan dengan undang-undang saring yang lain seperti OSA, APPP, Akta Polis dan Akta Hasutan. Untuk itu, ISA sepatutnya dimansuhkan kerana ianya sudah tidak sepadan dengan hak asasi manusia. ISA juga telah disalahgunakan sebagai satu instrumen oleh golongan pemerintah untuk menekan suara pembangkang dan masyarakat madani untuk kepentingan politik mereka untuk zaman-zaman lalu. Dan sekarang juga kerana kerajaan pusat masih lagi di bawah BN. Dalam kebanyakan kes ISA, ianya telah digunakan oleh Polis untuk menahan mereka yang disyaki menggugat kedudukan pemerintah biar pun pihak pemerintah masih tidak ada apa-apa bukti kukuh. Tuan Speaker, sebenarnya terdapat banyak judul tulisan yang dihasilkan berkaitan dengan ISA. Antara yang terkenal tak lain tak bukan buku berjudul dengan izin '*Freedom Under Negative Power In Malaysia*' yang ditulis oleh Menteri Luar Negeri sekarang iaitu Datuk Seri Utama Rais Yatim yang juga merupakan Timbalan Menteri Dalam Negeri dari tahun 1976 hingga 1978. Beliau dalam buku itu telah menyifatkan bagaimana Menteri Dalam Negeri telah menandatangani arahan penahanan ISA secara automatik dengan hanya bergantung kepada cadangan dan nasihat daripada Polis tanpa menggunakan tanggungjawab mereka sebagai Menteri untuk mengesahkan sama ada perlu atau tidak

untuk menahan seseorang di bawah akta yang zalim ini. Saya ingin memetik tulisan beliau dengan izin '*The Day A Clear Violations Of Human Rights By In looking ISA and Other Trocorum Legislation Is An Under Statement, The misery that this executive laws has brought upon individuals have left a very clear message. That there is a state of confusion in the rear excepted meaning of the face prejudicial to the security of Malaysia. The meaning of this foolish which is termated in the ISA as well as in the article 149 and 150 of the constitution is systematically left to the descrition of the executive*''. Muka surat 293 hingga 294. Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Kelang juga pernah menulis Siri 8 dalam buku yang berjudul 'Suara Tarikan Penting Semasa Beliau Masih Ditahan di bawah ISA pada tahun 2001. Ahli Yang Berhormat dari Kota Damansara di dewan yang mulia ini juga merupakan salah seorang mangsa ISA di bawah Ops Lalang 1987. Terdapat banyak cerita-cerita negatif tentang penyalahgunaan ISA. Tuan Speaker, ISA juga bertentangan dengan ajaran agama misalannya ianya bercanggahan dengan prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan seperti yang diterangkan dalam Al-Quran iaitu ayat 58, Surah An-Nisa' ayat 15 Surah Ashwar dan ayat 90 Surah An-Nahr. Apa yang jelas, penahanan seseorang tanpa perbicaraan merupakan satu bentuk pencabulan hak asasi manusia yang boleh dikutuk dan dikritik sekeras-kerasnya kerana khususnya dalam kes ini di mana kita lihat seorang wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat telah ditidakkan haknya dan kebebasannya untuk menjalankan tugasnya sebagai seorang wakil rakyat. Lebih-lebih lagi seperti yang dimaklumkan dalam kenyataan gerakan mansuhkan ISA GMI pada hari ini. Dengan ini saya ingin maklumkan di dewan yang mulia ini bahawa terdapat 16 keluarga mangsa ISA telah dikenal pasti sebagai penduduk-penduduk di Selangor. Dengan itu Tuan Speaker, saya memohon supaya usul ini dipersetujui. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Tuan Pengurus. Tuan Speaker, Kota Damansara ingin menyokong dan menyambung usul Kampung Tunku membebaskan Yang Berhormat kawasan Kota Alam Shah serta semua yang ditahan di bawah ISA. Petang tadi Kumpulan The GMI telah menyerahkan satu memorandum pada Y.A.B. Menteri Besar.

**TUAN SPEAKER** : Apa itu GMI?

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Ya?

**TUAN SPEAKER** : Apa itu GMI?

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Gerakan Mansuhkan ISA. Terima kasih. Dan MB kita telah pun menerima memo tersebut dan juga kami berasa bangga lah satu MB telah sanggup menerima memo dan sanggup juga memberi ketegasan bahawa dapat membantu keluarga yang kena tahan. Itu adalah satu tindakan yang bagus untuk kerajaan negeri. Memang benar juga saya adalah mangsa pada Operasi Lalang ISA tahun 1987. Maka itu, tiap-tiap kali sesiapa yang kena tahan di bawah ISA terasa bahangnya kerana pengalaman pahit juga memanglah mendesak khususnya saya sebagai seorang intelektual, masuk parti Sosialis, seorang Islam, maka saya menerima berbagai-bagai tekanan mencuba mengubah pendirian saya. Juga saya dapat lihat kesalahan kami dan saya adalah, untuk mempertahankan hak pekerja yang cuba membentuk kesatuan mendedahkan penindasan di tempat kerja, penindasan di kilang, di perladangan dan juga mendedahkan buruh kanak-kanak, juga saya merasa

bahawa banyak perkara telah timbul semasa itu dan pernah juga saya mencabar untuk membawa saya ke mahkamah. Mereka enggan berbuat begitu kerana sebenarnya ISA ini adalah satu alat politik untuk menutup mulut mereka yang cuba mendedahkan penyelewengan yang berlaku di dalam negara. Pernah juga saya melalui satu *Review Board* dengan izin ataupun Lembaga Kaji Semula sama ada saya sudah berubah atau tidak dan mereka juga bertemu dengan ada kawan-kawan yang jadi peguam dan berkata ini adalah *political decisions* dengan izin keputusan politik bermakna juga isu-isu keselamatan, isu-isu ekonomi yang menggugat keselamatan negara sebenarnya tak wujud kerana kami ditahan akibat dari manipulasi politik. Tuan Speaker, ISA ini adalah undang yang kejam dengan izin *draconian law*. Rakyat ditahan tanpa di bicara, tanpa bukti, tanpa disiasat, disumbat begitu saja dan ada semasa kami ditahan ada kawan-kawan 12 hingga 16 tahun ditahan begitu saja dan tidak dibawa untuk mengkaji semula kedudukan mereka. Ada *quote* di sini dengan izin dari dipanggil *Article of the Malaysian Charter of Human Rights* menyatakan “*everyone have the right to live in peace and free from fear of arbitrary arrest and detention without fair public trial*”. Inilah dia ISA. Dan juga kalau kita lihat begitu memanglah ia melanggar, mencerobohi, mencabuli hak asasi kemanusiaan sejagat, melanggar segala naluri keagamaan. Telah disebutkan tadi dan juga mencerobohi apa yang kita sanjung keadilan demokrasi kebebasan. Pemimpin-pemimpin mendabik dada di luar negeri memperjuangkan hak asasi negara lain tetapi di dalam negeri sendiri mencabuli hak rakyatnya sendiri. ISA ini juga memperlekehkan perlembagaan seolah-olah dengan izin ‘*With ISA, we don't need a constitution*’. Perlembagaan menjadi sumbang, sumbing dan songsang akibat adanya, wujudnya ISA. Memang ada undang-undang yang lain yang boleh mengatasi ataupun menangani masalah ini. Pemerintah enggan melakukannya kerana semuanya undang-undang ini mereka terpaksa dibawa ke mahkamah dan mereka boleh membela diri mereka. Tetapi ini tidak diberikan hak mereka, diragut begitu. Juga dalam keadaan yang telah kita lalui, kita dapat rasa bahawa yang dah tahan tu memang lah ditahan dan diseksa dengan pelbagai cara. Bagaimana dengan keluarga mereka? Telah disebutkan tadi juga ada yang bercerai kerana lama dipisahkan daripada keluarga dan mereka pula tidak dibawa ke mahkamah. Apakah undang-undang yang seperti ini yang kejam, yang masih kita sanjung, kita pegang? Kerana Tuan Speaker mungkin penggunaan ISA ini adalah dikekalkan kerana pemerintah takut pada bayang-bayang mereka sendiri. Maka itu juga mereka menggunakan ISA ini untuk menutup mulut musuh-musuh mereka dan juga menimbulkan satu ketegangan dan mereka juga mahu menguasai keadaan, *control* dengan izin dan mereka akan memanipulasikan media masa hingga timbul satu keadaan apa yang kita panggil dengan izin *siege mentality* seolah-olah kita diserang dari dalam dan luar, maka itu mereka bolehlah menggunakan apa saja yang ada untuk membendung seolah-olah maka itu juga apabila berlaku pilihan raya baru-baru ini ramai rasa tegang. Kerana pilihan raya ini menyebabkan, mendedahkan Barisan Nasional sudah lumpuh. Tiap-tiap satunya lumpuh hingga mereka bergaduh antara satu dengan yang lain. Maka itu juga apabila kami menang kami tidak bersorak sangat kerana takut digunakan. Begitulah ISA. Menekan, mengancam. Dengan itu juga kita dapat lihat bahawa apabila berlakunya keadaan begini, rakyat tetap takut kerana tidak ada pembelaan. Mereka ditahan tidak di bicara dan juga memanglah ada banyak alasan diberi, keselamatan negara. Soalnya keselamatan siapa? Siapa? Keselamatan Barisan Nasional ataupun apa? Lebih-lebih lagi ada berkaitan dengan kesinambungan hidup dengan izin *the survival of that party*. Saya juga merasakan amat kecewa kerana kita dapat lihat juga mereka menggunakan satu isu pencegahan, preventif. Preventif untuk siapa? Itu juga kita pertikaikan. Dan juga, sama juga saya dari Parti Sosialis, pihak saya telah cuba menubuhkan parti ataupun mendapatkan *Registrar of Society* untuk mendaftarkan diri ditolak selama sekarang dah dekat 10 tahun. Ini bermakna

rasa-rasa agaknya kami boleh menimbulkan masalah, maka mereka cuba tidak membenarkan kami bergerak dan ini adalah satu juga kekejaman kerana biarlah rakyat menentukannya kerana walaupun kami tidak didaftar dua antara kami telah lulus, berjaya MP dan juga ADUN. Bermakna rakyat biarlah rakyat yang menentukan bukan pucuk pimpinan yang ada hingga menyebabkan masalah pada kami.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara, panjang lagi?

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Ada sikit lagi.

**TUAN SPEAKER** : Boleh kita sambung kemudian?

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Sila duduk kejap. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan 6.30 petang dan saya dimaklumkan selain daripada Kota Damansara, terdapat 5 orang lagi yang berminat untuk menyertai perbahasan ini. Dan dengan itu, saya memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat sekalian untuk berehat seketika. Ahli Yang Berhormat Muslim boleh menunaikan solat Asar dan Maghrib. Ahli Yang Berhormat dan hadirin juga dijemput ke Dewan Jamuan untuk makan malam. Dengan itu saya menangguhkan dewan hingga jam 8 malam. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang)

**Dewan di sambung semula**

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER** : Dewan disambung semula. Dipersilakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Ya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Peraturan Tetap 78 Kurungan 1 kecuali dengan persetujuan Tuan Speaker Dewan tidak boleh membincangkan apa-apa Rang Undang-Undang pindaan usul atau rayuan difikirkan boleh Tuan Speaker akan memberhentikan kuat kuasa Peraturan Tetap di mana jua daripadanya. Saya tengok wakil-wakil Pembangkang tidak ada di dalam Dewan ini satu pun tiada daripada 20 maknanya tanpa wakil pembangkang di Dewan ini bolehkah peraturan mesyuarat diteruskan. Saya minta petua dari Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya...Yang Berhormat Sekinchan. Kalau mengikut Peraturan (12) kuorum adalah mencukupi tidak kira sama ada yang hadir adalah penyokong kerajaan ataupun pembangkang walaupun tanpa kehadiran mereka mengikut Peraturan (12) dewan ini masih boleh bersidang, masih boleh berjalan kerana tidak kurang daripada 1/3 Ahli Dewan yang hadir jadi kita teruskan. Silakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Ada yang mengatakan bahawa rakyat menyokong ISA tapi Pilihan raya telah menunjukkan sebaliknya iaitu ramai di antara bekas-bekas tahanan telah menjadi *member* Parlimen dan juga ADUN-ADUN. Tuan Speaker sebenarnya ISA ini digunakan untuk memutar belitkan keadaan kerana kita rasa pada pengalaman kami semasa Operasi Lalang timbulnya penahanan ini ada ketegangan di antara Tengku Razaleigh dan Mahathir merebut kedudukan dan kami menjadi mangsa dalam keadaan begitu dan maka itu juga dalam masa tertentu juga timbul kegawatan ekonomi maknanya kita dapat melihat bahawa ada kaitan putarannya *cycle* setiap dengan izin setiap tahun 10...12 tahun ada putarannya dan dalam keadaan begitu kegawatan ekonomi ada *tension* dengan izin antara mereka hingga menyebabkan ada merebut kuasa dan apabila mereka telah berjaya .

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Minta laluan

**TUAN SPEAKER** : Ya... Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Kalau mengikut logik Yang Berhormat daripada Kota Damansara itu situasi yang sama perebutan Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir dan masalah ekonomi yang melanda dan jadi kita mungkin menghadapi situasi seperti Operasi Lalang.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Memang benar begitu. Juga kita patut melihat dari segi kegawatan ekonomi berkaitan rebutan kuasa di antara mereka dan ini juga bermakna bahawa orang yang ditahan di bawah ISA adalah mangsa. Mangsa putaran politik, mereka manipulasi mereka, untuk dengan izin *divert the attention of the*

*people terhadap masalah yang mereka alami. Maka begitu juga selain daripada itu juga saya merasakan bahawa pemerintah sering terpengaruh dengan kuasa luar. Bila Amerika mengatakan isu terorisme, maka kita pun bukan main, berbaik-baik menonjolkan kita di dalam lingkungan kawan karibnya ya untuk kepentingan tertentu. Maka begitu juga apabila Amerika menjerit ataupun batuk kita dapat selesa kita cuba membuat sesuatu, meniupkan bahawa maaf, menunjukkan kita memang istimewa memang kawan rapatnya. Tuan Speaker biarlah saya baca cebisan politik sajak yang berkaitan dengan tahanan politik. Cebisan ini adalah keluhan orang tahanan. Aku bertegang menentang tohmahan palsu maka pahlawan ISA bersilih ganti menganas, melembut, menganas cuba mengatur titik-titik tuduhan. Begitulah gelombang tekanan lampu merah lambang keseksaan dengan tujuan yang sama patah semangatku hancur perjuanganku. Kebenaran bukan tuntutan lagi asalkan pengakuan dapat diperah, asalkan kekejaman dapat dihalalkan, asalkan pegawai mendapat kepujian. Dalam ribut mengejar arahan seleraku patah. Perutku memulas ketat. Meragut tenaga yang kian tipis. Sudut hatiku pedih keterlaluan. Membakar diri dalam kedinginan. Duniaku menarik diri masa tidak berdetik lagi. Pemikiran antara fantasi dan realiti. Meja berputar rakus. Beribu kumbang lipas ulat turut serta mengugutku. Gambar pula tersenyum kepadaku berlari-lari entah ke mana. Bersendirian air mata sedih mengalir tanpa izin. Keranaku lihat demokrasi dikebumikan dengan semboyan keangkuhan, keagamaan disandiwarakan untuk mecabul kebenaran. Perkauman dibelai manja demi segumpal keuntungan. Kemiskinan dipisahkan dari sistem pemerintahan. Seribu janji dicurah halus untuk menderhaka kepada prinsip. Senda gurau diatur rapi untuk membetis pemikiran. Mereka enggan sedar semangat ini berpahatkan kepada cinta bernafaskan kepada keadilan. Berkorban untuk kebebasan. Tuan Speaker kita dapat lihat bahawa ISA ini akan tetap disalahgunakan dan kami tuntut bahawa ISA harus dimansuhkan dan banyak juga badan-badan di peringkat tempatan dan antarabangsa telah menunjukkan bahawa ISA sentiasa disalahgunakan khususnya pada masa-masa lepas pada golongan kiri. Golongan sosialis menjadi mangsa dari tekanan ISA ini. Terima kasih.*

**TUAN SPEAKER :** Ya....Dipersilakan Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Speaker..*Bismillahi rahmani rahim.* Saya Hulu Klang bangun untuk menyokong usul ini. Tuan Speaker ISA adalah undang-undang dan akta yang sangat zalim. Kezaliman ISA adalah kerana dia merampas kebebasan secara tiba-tiba kebebasan seseorang dirampas anak dan isteri dipisahkan daripada suami dan bapa dan tiba-tiba seseorang itu terpaksa hidup dalam keadaan menderita bahawa dia ditahan tanpa bicara. Kezaliman ISA Tuan Speaker adalah kerana ia membenarkan sebuah kerajaan dan instrumen kerajaan menahan rakyat tanpa bicara, menghalang hak kebebasan untuk mempertahankan diri tanpa bicara di mahkamah. Ketika mana saya ditahan di bawah ISA, orang seperti kami ini seperti tidak ada harga diri. Kami ditahan dengan tiba-tiba, dirampas daripada keluarga kami. Isteri di dalam hospital masalah kandungan tiba-tiba terpisah daripada saya. Anak yang lahir kehilangan bapa, isteri yang sedang mengandung keguguran anak ini berlaku dalam kezaliman undang-undang ISA. Tuan Speaker apabila seseorang ditahan di bawah ISA, tiba-tiba dibawa ke satu tempat yang apabila dia sampai di tempat itu dia terkejut bahawa masih wujudnya tempat ini di Malaysia negara tercinta. Ketika pertama kalinya saya ditahan di bawah ISA ketika umur saya 41 tahun. Saya terkejut Malaysia yang saya cintai, saya sayangi, saya sanjungi mempunyai tempat menyeksa, mendera, mengaibkan, menghina seorang rakyat Malaysia.

Kita seolah-olah tiada harga diri. Pakaian kita dicabut, kita dibogelkan, kita digari, mata kita ditutup, kita diletakkan di satu tempat yang sangat kotor dan jijik, tempat yang

hancing dan hanyir dengan tujuan tidak lain tidak bukan hanya untuk menghina dan mematahkan semangat kita. Kemudian kita dibawa ditahan di bawah satu tempat yang kita tidak ketahui di mana dan kita terkejut kita berhadapan dengan manusia-manusia yang tidak kita sangka. Kalau Melayu bernama Islam menengking, mengherdik, mengancam, mengugut, menakut-nakutkan kita, membogel-bogelkan kita, bahkan saya beberapa kali dengan maaf saya diancam untuk dibogelkan untuk dicucuk dirodok dubur saya dengan alat kayu. Sedangkan pada masa itu saya seorang Presiden sebuah NGO yang anggap terhormat mempunyai anggota-anggota di kalangan intelektual tetapi apabila saya ditahan kononnya di atas sebab mengancam keselamatan negara, memudaratkan keselamatan negara instrumen dan aparatus kerajaan dengan izin seolah-olah mempunyai hak sepenuhnya melakukan apa yang mereka suka terhadap kita dan orang yang ditahan ISA. Tuan-tuan, Yang Berhormat kita seolah-olah terkejut bahawa negara yang kita cintai ini ada sekumpulan orang Islam kalau Islam, ada sekumpulan orang India kalau India, ada sekumpulan orang Cina kalau Cina yang mempunyai akhlak dan perangai yang sangat buas, seolah-olah apa yang dinyatakan oleh seorang bekas tahanan Dr. Hussein Ali mereka ini dua wajah di depan kita mungkin dia saudara kita, sahabat kita, sahabat handai kita, anak saudara kita, abang kita. Tetapi di bilik kurungan ISA mereka adalah manusia yang sungguh buas. Mereka sanggup melakukan segala-galanya. Mereka sanggup memukul, menerajang, menendang hingga ada ditelanjangkan, ditonggengkan dipaksa untuk meminum air kencing dan kemudian dijolok duburnya dengan kabel telefon. Ada juga dijolok duburnya dengan maaf terpaksa menggunakan istilah ini dalam Dewan yang mulia ini agar kita dapat merakamkan betapa zalimnya undang-undang ini yang melahirkan manusia-manusia yang cukup raku.

Tuan-tuan Yang Berhormat yang dimuliakan ISA adalah undang-undang yang hanya digunakan untuk kepentingan melindungi kekuatan dan kepentingan Politik Barisan Nasional UMNO Barisan Nasional. ISA pada asalnya dikuatkuasakan pada tahun 1948 sebagai undang-undang Darurat yang perlaksanaannya dikuatkuasakan oleh penjajah British serentak di Malaya dan di Palestin. Pada tahun yang sama 1948 kalau di Malaya dengan tujuan untuk memastikan pejuang-pejuang kemerdekaan tulen tidak menuntut dan mendapatkan kemerdekaan. Kalau di bumi Palestin untuk memastikan bumi Palestin tidak mendapat kemerdekaan tulen daripada pejuang-pejuang yang hendak kemerdekaan yang tulen dan selepas berlakunya Undang-Undang Darurat itulah maka pemerintah British memberi ruang seluas-luasnya kepada Pakatan Politik Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MIC, dan MCA untuk bertapak. Hingga dirundingkan pada satu bentuk kemerdekaan pada tahun 1957. Tuan-tuan di Dewan yang mulia ini saya ingin menarik perhatian kalau kita kaji dalam sejarah kemerdekaan dan pejuang kemerdekaan tidak mungkin kita dapatkan mana-mana sebuah negara yang mendapat kemerdekaannya dalam tempoh Darurat. Oleh kerana itu saya yakin bahawa darurat diwujudkan untuk memastikan bahawa kemerdekaan negara ini hanya diserahkan kepada sebuah parti dengan izin yang *friendly* dengan penjajah. Itu sebabnya pilihan raya yang pertama masih diadakan pada tahun 1959 dalam keadaan darurat untuk memastikan Perikatan boleh bergerak sebebas-bebasnya dalam rapat-rapat umum dan ceramah-ceramah terbuka sedangkan pakatan parti pembangkang pada masa itu tidak dapat bergerak. Walau bagaimanapun oleh kerana desakan antarabangsa tuntutan rakyat pada atas itu sedar tentang kebebasan dan hak asasi mereka menuntut sekiranya kalau Perikatan menang dalam pilihan raya 1959 maka diberikan ditamatkan darurat maka selepas Perikatan memenangi pilihan raya 1959 walaupun gagal menawan Kelantan dan Terengganu mereka telah terpaksa memenuhi janji Politik pilihan raya dengan menamatkan darurat pada 30 Julai 1960 tetapi hanya selepas 24

jam meluluskan di Dewan Rakyat sebuah Akta pada 1 Ogos 1960 yang bernama Akta Keselamatan Dalam Negeri iaitu ISA. Jadi tuan-tuan kita faham kalau kita meneliti sejarah ini kita faham bahawa UMNO Barisan Nasional tidak akan wujud kalau tidak diberikan subsidi atau tongkat penahanan tanpa bicara. Dan tidak mungkin hingga tahun ini kalau tidak ada undang-undang zalim ISA yang membenarkan kerajaan menahan rakyat tanpa bicara UMNO boleh bertahan. Perikatan, Barisan Nasional boleh bertahan. Itulah, inilah keyakinan saya bahawa Hulu Kelang yang menegaskan dan kajian-kajian yang telah saya buat khususnya di dalam tahanan Kem Kemunting, saya berkeyakinan bahawa ISA tidak lain tidak bukan adalah sebuah undang-undang yang hanya digunakan untuk melindungi, mempertahankan, memperkuuhkan dengan menakut-nakutkan rakyat dengan kekuasaan yang digunakan oleh UMNO Barisan Nasional.

Dengan itu tuan-tuan Yang Berhormat, Tuan Speaker saya ingin menyatakan bahawa kezaliman ISA adalah kerana ia membenarkan rakyat ditakut-takutkan oleh pemerintah, rakyat dicabut hak kebebasannya dan rakyat akan sentiasa merasa gerun, sekiranya undang-undang ini ada dan selagi mana undang-undang ini ujud maka selagi itulah demokrasi yang tulen, kebebasan yang tulen, hak asasi sebenarnya yang dimiliki oleh rakyat tidak akan dapat diwujudkan, dan saya ingin membezakan tuan speaker, bahawa kezaliman ISA adalah kerana satu undang-undang yang sangat pelik, undang-undang ISA ini terkandung *85 seksyen* dan di kalangan bahagian terhujungnya adalah *miscellaneous* ataupun pelbagai dan dalam seksyen pelbagai inilah terdapatnya *seksyen 73* dan *seksyen 73* inilah yang sangat-sangat kerap digunakan, iaitu memberi kuasa yang penuh kepada pihak polis menahan seseorang itu untuk siasatan di bawah *seksyen 8* sehingga 60 hari, dan seksyen 8 membenarkan Menteri Dalam Negeri menahan sekiranya dia berpuas hati seseorang itu telah memudaratkan keselamatan dalam negeri bagi tempoh dua tahun yang boleh disambung.

Mana lagi terdapat undang-undang begini di dunia ini lagi tuan-tuan dan puan-puan satu Singapura ada persamaan, satu Brunei ada persamaan, tetapi kalau kita mengatakan rejim yang bengis, maka undang-undang yang wujud dalam *Zionis* rejim Israel, tapi kita perhatikan tuan-tuan dalam *Military Order 1500*, *Military Order 1500* menegaskan bahawa pihak keselamatan Israel boleh menahan seseorang tanpa bicara bagi tempoh 8 hari, dan sekiranya hendak disambung maka tahanan itu hendaklah dihadapkan ke mahkamah tentera dan mahkamah tentera kalau berpuas hati bolehlah tahanan itu ditahan dalam tempoh 6 bulan.

Bandingkan *Military Order 1500* dengan ISA, ISA membenarkan pihak polis menahan 60 hari sedangkan rejim *Zionis* yang zalim dan bengis itu menahan hanya 8 hari, ini bermakna bahawa pihak keselamatan diberi kuasa oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional untuk menzalimi lebih zalim hampir-hampir 8 kali daripada kezaliman yang dilakukan oleh rejim *Zionis*, hampir-hampir 8 kali, kita boleh menahan 60 hari sedangkan *Zionis* hanya menahan 8 hari. Dan begitu juga kalau kita bandingkan kuasa tribunal tentera yang boleh menahan hanya 6 bulan walaupun memang zalim, boleh disambung tetapi Menteri Dalam Negeri boleh membuat satu perintah tahanan sekali gus selama 2 tahun, jadi 4 kali lebih zalim daripada apa yang diamalkan oleh rejim *Zionis*.

Tuan-tuan Yang Berhormat, Tuan Speaker yang saya muliakan. Oleh kerana itu, saya amat menyeru dan menyokong agar usul ini diterima dan sekiranya usul ini diterima ini menunjukkan satu kejayaan kerana saya adalah mangsa tahanan ISA dua kali di atas nama *Reformasi* dan di atas dasar itulah wujudnya pakatan yang dinamakan Pergerakan Sosial Rakyat Malaysia ataupun GERAK, daripada GERAK wujudnya BA kita masuk pilihan raya pada tahun 1999 membuat satu kejutan besar dalam politik negara, kemudian sekali lagi kebangkitan Reformasi 2001 saya ditahan kali lagi ini Gerakan Mansuhkan ISA atau GMI diwujudkan, sekali lagi sebagaimana GERAK dan GMI dia mengukuhkan pakatan BA yang berkesudahan dengan sepanjang 10 tahun perjuangan kita, kita menang dalam pilihan raya 2008 dan akhirnya berjaya membentuk Kerajaan Pakatan Rakyat.

Apa yang ingin saya tegaskan bahawa selama ini kita wujud dan bangkit dalam *front-front* dalam wajah-wajah NGO, gabungan NGO dan kali ini sekiranya Dewan yang mulia ini, menyokong usul ini, maka inilah buat pertama kali sebuah kerajaan negeri memberi sokongan untuk memansuhkan ISA, membebaskan tahanan ISA dan bersama-sama dengan Gerakan Mansuhkan ISA menentang kezaliman ISA, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih Hulu Kelang. Ada lagi yang hendak bahas.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, Rawang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku, izinkan saya untuk berkongsi satu petikan suara hati anak seorang tahanan ISA. Tatkala melihat kanak-kanak seusia bergelak ketawa bersama ibu bapa, mulut petahnya terdiam seketika, dia termenung sebelum melepaskan satu keluhan kecil, air matanya bertubir di sudut matanya dan dia berlari menuju ke rumah, biar hilang pandangannya dari melihat ke bahagian itu, hatinya sayu, sayu mengenangkan nasibnya yang tidak seuntung kanak-kanak tadi, masakan tidak, sudah sekian lama dia tidak dapat berkumpul, bergembira dan bermesra dengan bapa kesayangannya, sudah lama dia terpisah dari bapanya disebabkan Akta ISA zalim yang bertindak sedemikian, bagi *Shuaib Mat Shah* tidak tercapai difikirkannya bahawa satu ketika nanti dia tidak dapat mengecap kebahagiaan bersama bapa angkara ISA, dia sentiasa merasakan bahawa kasih sayangnya bersama kedua ibu bapanya sentiasa berpanjangan namun impian itu bukanlah realiti baginya kini hampir 6 tahun beliau tidak dapat bermesra dengan bapanya.

Enam (6) tahun bapanya masih meringkuk di Kem Tahanan Kemunting tanpa sebarang bukti kukuh yang boleh disabitkan ke atasnya. Kekecewaan anak berusia 14 tahun ini jelas tergambar apabila beliau pernah bertanya kepada emaknya, apa lagi yang Perdana Menteri nak, apalagi yang cuba Pak Lah nak buktikan kesalahan abah, aduhai hati, siapalah yang tahu penderitaan dan kesayuan yang dirasai Si Shuaib ini. Bagi kita yang dewasa jika kehilangan orang yang tersayang pun sudah cukup meruntun hati, apatah lagi bagi Shuaib yang menyaksikan sendiri bapanya dibawa pergi di tengah malam 6 tahun lalu.

Bermula saat itu, hidupnya tidak seindah kanak-kanak lain, hatinya tersentuh setiap kali melihat kemesraan kanak-kanak lain bersama ibu bapa mereka, hati kecilnya sering bertanya-tanya, bilakah abah yang dikasihinya akan menghirup udara kebebasan dan berpeluang kembali menyambung kebahagiaan mereka sekeluarga. Sering kali Shuaib mendengus dan merungut seolah-olah menyesali dengan apa yang terjadi. Apakah anak sekecil itu yang sememangnya memerlukan kasih sayang seorang bapa mampu menghadapi dugaan Maha perit ini? Petikan yang diambil ini, dari Harakah di *On line* merupakan suara hati seorang anak tahanan ISA MAT SHAH BIN MOHD SATRI ‘ yang telah ditahan pada 18 April 2002 dan telah dilanjutkan tahanannya untuk dua (2) tahun lagi pada 13 Jun 2006.

Barangkali anak-anak kecil tahanan ISA perlu membesar dengar keadaan ketiadaan belaian ayah mereka, menghadapi tekanan hidup yang amat berat berbanding kanak-kanak sebaya dengan mereka. Dengan ini saya di dalam dewan yang amat mulia ini ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian kepada nasib isteri dan keluarga tahanan ISA yang terus dirampas hak mereka daripada mendapat kasih sayang suami, dan ayah akibat ditahan tanpa bicara oleh angkara AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (ISA) yang kejam ini.

Semenjak digubal lebih 48 tahun lalu ISA telah memusnahkan rumah tangga dan institusi keluarga bagi berpuluhan-puluhan isteri dan keluarga tahanan. Ada yang pernah kehilangan suami dan ayah sehingga berbelas-belas tahun lamanya. Mereka hidup dalam ketakutan dirampas kebebasan orang yang disayangi menanggung bebanan yang amat berat untuk membesarakan anak-anak mereka tanpa belaian bapa, di samping terpaksa menjadi penyara utama untuk kehidupan. Semua ini diharungi dalam keadaan terpaksa selepas suami dirampas tanpa bicara dan tanpa peluang di bela.

Saya ingin memaklumkan bahawa jumlah bilangan tahanan ISA kini adalah dalam lingkungan 90 orang. Jumlah ini bertambah dan berkurangan mengikut selera *Menteri Keselamatan Dalam Negeri*. Pada 13 Disember yang lalu jumlah ini bertambah lima (5) orang lagi iaitu dengan penahanan terbaru oleh 5 orang pemimpin *Hindu Right Action Force (HINDRAF)*. Maka bertambahlah lagi bilangan isteri dan keluarga yang menjadi mangsa ISA. Pada tahun 2008 daripada 90 orang tersebut seramai 20 orang akan memasuki tempoh perintah tahanan dua (2) tahun. Mereka buat kali ke tiga, ini bermakna mereka akan masuk tahun ke 6 lebih tepat lagi apabila genap 6 tahun mereka telah ditahan selama 72 bulan ataupun 2190 hari satu hukuman yang berat tanpa dibuktikan kesalahan dalam mahkamah.

ISA bukan sahaja bercanggah dengan prinsip-prinsip Hak Asasi Manusia menurut deklarasi Hak Asasi Manusia sejagat malahan daripada perceptif wanita ISA juga bercanggah dengan pelbagai lagi instrumen antarabangsa berhubungan wanita dan keluarga. Antaranya ialah konvensyen (*The Elimination of Form Discrimination Against Women SIDOR 1979*). Ini tidak termasuk pencabulan hak bagi anak-anak yang kehilangan kasih sayang dan bimbingan ayah mereka (SIDOR) menegaskan bahawa wanita tidak boleh di diskriminasikan atas dasar politik, sosial ekonomi dan budaya, mereka ada sumbangan yang amat besar terhadap kebajikan keluarga dan pembangunan masyarakat. Mereka mempunyai hak untuk memainkan peranan dan tanggungjawab dalam membangunkan keluarga dan rumah tangga bersama suami, serta hak untuk menikmati suasana hidup yang sempurna. Ini adalah dipetik daripada artikel 3 dan 14, mereka juga berhak untuk terlibat dalam mana-mana organisasi yang berhubung dengan orang awam dan sosiopolitik.

Malaysia adalah antara negara telah memperakukan *SIDOR* dengan beberapa reseversi. Selain itu saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian terhadap beberapa perkara yang dinyatakan dalam dasar wanita negara dan Pelan Tindakan Wanita bagi melaksanakan dasar dan pelan tersebut Kementerian Pembangunan Wanita, keluarga dan masyarakat telah memberikan tumpuan kepada beberapa bidang keutamaan. Antaranya ialah Hak Asasi Wanita. Dengan ini saya ingin mempersoalkan dimanakah Pembelaan Hak Asasi Wanita dan keluarga tahanan /SA di Malaysia dalam konteks *SIDOR*, dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita, Apakah mereka tidak berhak menuntut hak-hak tersebut kerana suami mereka di tahan ISA? Adakah tindakan kerajaan khususnya Perdana Menteri, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam konteks ini? Adakah kerana isteri dan keluarga dikenai *back minority* maka hak dan kesempurnaan mereka sebagai warga negara Malaysia boleh dikorbankan. Semua bahawa undang-undang pencegahan tidak sama sekali bermakna kerajaan boleh mencabul hak asasi manusia, hak wanita dan hak keluarga. Apa juga undang-undang mestilah berjalan seiring dengan usaha untuk menegakkan kebenaran, ketelusan, dan keadilan. Semuanya tidak terkandung dalam ISA. Isteri dan keluarga tahanan ISA terpaksa menanggung derita dan tekanan jiwa kesan daripada gangguan polis cawangan khas dan SB perintah daripada kem tahanan dan arahan-arahan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Rawang ingin mengambil kesempatan ini untuk mengiktiraf peranan yang telah di mainkan oleh pusat sokongan keluarga ISA, Gerakan Mansuhkan ISA, dan badan-badan bukan kerajaan yang lain kerana selama ini memberi bantuan fizikal, mental dan moral kepada keluarga tahanan ISA.

Dengan ini saya juga menyeru agar kerajaan Pakatan Rakyat dan negeri Selangor memberi pertimbangan bantuan kebajikan kepada keluarga tahanan ISA kerana menurut kriteria bantuan am Jabatan Kebajikan Masyarakat, bantuan kewangan yang telah hilang keupayaan untuk mendapatkan sumber pendapatan juga mempunyai hak untuk diberi bantuan, tapi dalam konteks ini keluarga tahanan ISA, suami mereka lebih dikenali sebagai tahanan politik, yang lebih penting lagi kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor harus mendesak kerajaan persekutuan untuk

- i) Bebaskan semua tahanan ISA atau dakwa mereka di mahkamah dengan adil membebaskan mereka bererti menghentikan kezaliman kepada semua tahanan ISA, isteri dan keluarga mereka;
- ii) Menghentikan penggunaan ISA yang telah jelas mencabul hak asasi manusia dan semangat perlembagaan Persekutuan serta kedaulatan Undang-undang;

Negara seharusnya tidak bergerak ke belakang dengan akta usang ISA tetapi sebaliknya perlu maju ke depan dengan menggalakkan ruang demokrasi, keluhuran undang-undang serta tindakan berdasarkan ketelusan kebenaran dan keadilan. Sekian, sahaja ucapan saya terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih. Ha... Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN :** Tuan Speaker saya menyokong usul oleh Yang Berhormat Kampung Tunku dan saya turut mengkritik penahanan Yang

Berhormat Kota Alam Shah di bawah ISA. Saya merakamkan rasa sedih selepas mendengar kes sebenar yang telah di alami oleh Yang Berhormat Hulu Kelang dan Yang Berhormat Kota Damansara. Saya meminta maaf kerana saya bersalah pada suatu masa dahulu semasa saya dipukau oleh kepimpinan Barisan Nasional. Saya turut percaya bahawa ISA adalah baik untuk keselamatan negara tetapi kini saya sedar diri dan saya meminta maaf.

Kesan ISA kepada keluarga tahanan sangat serius saya sering berhubung dengan isteri Yang Berhormat Kota Alam Shah Puan Pushpa. Saya diberitahu keputusan akademik anak-anak Yang Berhormat Kota Alam Shah telah merosot sejak penahanan bapa mereka. Dahulu mereka sering mendapat markah 80 ke atas tetapi kini pelajaran mereka telah terjejas, merosot dan hanya mampu memperolehi markah 70 ke bawah. Anak-anak Yang Berhormat Kota Alam Shah seolah-olah hilang tujuan mereka. Baru-baru ini salah satu anak Yang Berhormat Kota Alam Shah telah menyambut hari jadinya yang ke sembilan (9) di rumah anak-anak yatim. Begitulah nasib hidup anak-anak Yang Berhormat Kota Alam Shah di bawah tahanan ISA ini. Mereka membesar tanpa bapa di sisi. Bagaikan anak yatim. Bukan sahaja pelajaran mereka terjejas, emosi mereka juga terjejas. Saya diberitahu oleh ibu mereka, bahawa anak-anak sekarang senang menjadi agresif dan cepat menjadi marah semasa mereka bermain bersama. Mereka melepaskan perasaan geram dan marah sesama sendiri. Bila anak-anak bermain satu perkataan yang salah sahaja digunakan mereka akan menjadi marah dan kemarahan ini tidak pernah dilihat oleh ibu mereka sebelum ini. Begitulah perasaan marah yang terpendam di dalam hati anak-anak terhadap penahanan zalim yang dialami oleh bapa mereka. Kadang-kadang mereka bertanya dan menangis kepada ibu dengan izin *when is papa coming home*.

Saya sendiri tidak boleh bayangkan membesar tanpa bapa di sisi. Peranan bapa penting dalam sesebuah keluarga. Bagi isteri Yang Berhormat Kota Alam Shah pula beliau susah membesarakan anak-anak seorang diri, menguruskan pejabat peguam suami beliau dan juga menguruskan segala urusan Pusat Perkhidmatan Alam Shah. Dari segi kewangan saya difahamkan sudah lima bulan tiada kes di pejabat suami dan sekali gus pendapatan keluarga terjejas. Tiap-tiap malam beliau susah tidur merenungkan nasib hidup keluarga mereka sekarang. Kadang-kadang susah mencari kekuatan dan ketabahan hati untuk menghadapi cabaran esok hari. Saya berpendapat ancaman utama negara kita ialah rasuah dan bukan orang yang memperjuangkan hak asasi rakyat. (Tepuk).

Saya menyeru kerajaan pusat dalam membasmi rasuah jika serius dalam mempertahankan negara. Apa gunanya kita mempunyai Petronas Twin Towers, angkasawan, koridor itu, koridor ini jika hak asasi rakyat tidak diutamakan. Akhir sekali saya ingin menyatakan ISA ini hanya mendatangkan kesan negatif kepada rakyat. Bagi setiap seorang tahanan ISA, terdapat empat atau lima orang lagi di rumah yang merasai kezaliman penahanan ISA. ISA mesti dimansuhkan kerana ISA zalim, menghancurkan keluarga dan tidak mempromosikan keadilan. Selagi ISA tidak dimansuhkan, selagi itulah Malaysia boleh bermimpi, err.. selagi itulah Malaysia tidak maju, tidak cemerlang, tidak terbilang dan tidak gemilang. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Tuan Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya rasa malam ini adalah malam yang bersejarah sekali kerana

bukan sahaja di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor, bukan sahaja di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor ini kita ada Yang Berhormat Kota Alam Shah yang masih lagi menjadi mangsa tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau pun ISA, tetapi kita juga ada, Yang Berhormat Ulu Kelang dan Yang Berhormat Kota Damansara yang merupakan mangsa kepada Akta ini sebelum ini. Dan kita juga ada Yang Berhormat Teratai yang lahir dalam Kem Tahanan ISA. Selepas September 11 tahun 2001 bekas Menteri Luar Negara Datuk Syed Albar yang kini Menteri Dalam Negeri yang berkali-kali menjadikan alasan pelaksanaan *Patriot Act* di Amerika Syarikat dengan izin dan *Anti Terrorism Crime Security Act* dengan izin di Britain sebagai justifikasi perlunya Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sesuatu undang-undang tidak menjadi betul semata-mata kerana Amerika dan Britain melaksanakannya. Mengapa kita patut berbangga dengan undang-undang yang membenarkan penahanan yang tanpa bicara seperti Amerika, Britain dan tidak lupa sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Hulu Kelang rejim Zionis Israel.

Sebelum September 11 bilangan rakyat Palestin yang ditahan tanpa bicara di penjara Israel kurang daripada 20, tetapi selepas peristiwa September 11, Israel seperti juga Malaysia menggunakan perang keganasan George W. Bush sebagai alasan menahan lebih ramai rakyat Palestin kini seramai lebih 1000 orang. Kita harus ada pendirian lebih jelas dalam hal ini. Sebagai orang Islam dalam Al-Quran telah disebut di dalam surah An-Nisa' Ayat 58 terjemahannya. "*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan itu memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar dan lagi sentiasa melihat.*" Kalau kita lihat dari perspektif undang-undang Hak Asasi Antarabangsa, Artikel 10 pengisyiharan Hak Asasi Manusia Sedunia atau *Universal of Declaration of Human Rights* dengan izin jelas memperuntukkan hak untuk mendapat perbicaraan yang adil.

Perkara lima Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukkan setiap rakyat untuk melalui proses perundangan sebelum ditahan. Saya sebelum ini mahu juga memetik tesis Datuk Seri Utama Datuk Rais Yatim tetapi telah pun disebut oleh Kampung Tunku tadi. Profesor R.H. Hickling penggubal undang-undang Parliment atau dengan izin *Parliamentary Draughtsman* ISA sendiri pada tahun 1990 menegaskan kerajaan pada waktu itu menggubal ISA semata-mata untuk digunakan untuk komunis. Beliau menulis di dalam *Malaysian Public Law* dengan izin adalah menghairankan apabila mahkamah memperluaskan lagi peruntukan akta tersebut sedangkan wujud had yang jelas yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Apatah lagi apabila sesuatu fakta boleh ditafsirkan dari dua sudut, satu menyebelahi kebebasan dan satu lagi tidak ada amalan untuk memilih kebebasan. Akibatnya sesiapa sahaja boleh ditahan di bawah Akta tersebut jika beliau di dalam firasat Menteri Dalam Negeri ialah ancaman kepada keselamatan negara. Lebih menyayat hati pelbagai kisah penderaan berlaku di dalam ISA sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang dan Kota Damansara sebentar tadi.

Saya ingin memberikan dua contoh. Pada Oktober 2007, Hakim Mahkamah Tinggi Hishamudin Mohd Yunus telah memutuskan bekas tahanan Abdul Malik Hussein yang ditahan pada zaman reformasi ditahan dengan niat buruk oleh kerajaan dan didera di dalam tahanan sekali gus memerintahkan kerajaan membayar ganti rugi RM2.5 juta. Cara soal siasat kata Hakim Hishamudin, cara soal siasat jelas untuk tujuan politik dan tidak ada kena mengenai dengan soal keselamatan negara. Dengan kata lain

penahanan Abdul Malik Hussein adalah daripada awalnya adalah *mala fide* dengan niat jahat. Ganti rugi teladan adalah penting untuk menunjukkan kebencian mahkamah yang amat sangat terhadap penyalahgunaan kuasa oleh Polis dan penyalahgunaan ISA. Selain itu juga saya ingin menarik perhatian Sidang Dewan dari satu laporan polis yang dibuat pada 20 Mei yang lalu oleh Syed Ibrahim Syed Noh Pengurus Gerakan Mansuhkan ISA. Laporan Polis yang dibuat di IPD Petaling Jaya bernombor 005612/08 tentang tahanan Sanjiv Kumar a/l Krishan berusia 25 tahun yang mengadu yang diseksa di dalam tahanan di bukit Aman sebelum dibawa ke Bukit Kemunting. Inilah kisah yang saya percaya yang disebut oleh Hulu Kelang sebentar tadi. Beliau yang ditahan pada pertengahan Januari 2007 mengadu telah dipukul termasuk dengan botol yang berisi air, diminta meminum air kencing beliau sendiri dan dipukul kemaluan beliau. Lebih dahsyat lagi beliau diliwat dengan kayu. Pada mulanya pihak tahanan tidak mahu beliau dirawat tetapi apabila terlalu serius baru dibawa ke hospital. Kini belau sudah pun lumpuh kerana kaki dan tangan kirinya tidak lagi berfungsi. Keluarga beliau mengadu bahawa pihak Pusat Tahanan takut menjaga beliau dan kini kebaikan beliau diuruskan oleh tahanan-tahanan lain di Kamunting. Jangan kita hanya pandai mengkritik Abu-Ghaib atau *Guantanamo Bay* tetapi kita tidak mengindahkan mangsa di bumi kita sendiri. Jika ada apa-apa jenayah yang disyaki dilakukan atau akan dilakukan oleh tahanan ISA dakwa mereka di dalam mahkamah yang terbuka dan jika tidak bebaskan mereka dengan serta-merta.(Tepuk) Oleh saya menyeru agar kita mengambil pendirian tegas mengkritik penahanan Yang Berhormat dari Kota Alam Shah dan sekali gus menuntut pembebasannya agar beliau dapat turut hadir di Dewan mulia menjalankan amanah yang telah diberikan oleh pengundi-pengundi Kota Alam Shah. Sekian saya mencadang. (Tepuk)

**TUAN SPEAKER :** Batu Caves

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** *Bismillahi rahamni rahim.* Terima kasih Tuan Speaker Dewan., rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian. Pertamanya saya ingin merakamkan terima kasih kepada seluruh Ahli-ahli Dewan khususnya daripada Kg. Tunku atas usul yang telah dicadangkan di dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Tuan Speaker dan seluruh Ahli Dewan, sesungguhnya hari ini sebagaimana yang dimaksudkan oleh Seri Setia kita telah mencipta sejarah. Sejarah demi sejarah yang kita cipta bagi sesi persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor kali ini yang telah memberikan ruang sebanyak 31 orang berbahas dalam ucapan menjunjung kasih titah Baginda Sultan. Kemudiannya dengan melanjutkan waktu sampai ke malam dan akhirnya kita membincang berkenaan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau yang disebut sebagai ISA melambangkan bahawa kita telah bersedia sebenarnya untuk menjadi sebuah negeri maju yang sebenar-benarnya. Di saat kita membincang tentang kemajuan ekonomi yang memuncak, kita juga tidak melupakan kemanusiaan, kita juga tidak melupakan tentang keadilan dan kita juga tidak melupakan kebebasan yang menjadi hak dan keutamaan kehidupan seorang insan. Justeru di dalam sidang dalam dewan yang mulia pada hari ini saya ingin membahaskan tentang aspek-aspek kebebasan yang telah lama tidak diraikan di Malaysia, termasuk lagi di negeri Selangor. Apatah lagi membincangkan ISA ini Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang Dipertua, Tuan Speaker, Ahli Dewan yang saya kasih sekalian, perkataan kebebasan sering kali tercemar di Malaysia. Apabila kita ungkapkannya dan apabila dibincangkannya di dalam dewan-dewan yang mulia ini seperti hari ini ia sering kali tidak diraikan. Dan ia seperti sudah hilang dalam bumi bertuah kita atau sengaja tidak mahu mengatakannya. Semenjak dari kemerdekaan kita berhadapan dengan satu

kerajaan yang mempunyai satu cita-cita yang angkuh, cita-cita yang ingin menyeragamkan bentuk abstrak dari segi kehidupan rakyat. Apakah yang dimaksudkan dengan bentuk abstrak itu. Yang dimaksudkan oleh saya ialah setiap tingkah, setiap perilaku, setiap cita-cita, setiap aspirasi dan setiap seorang rakyat yang berteduh di bawah sebuah negara yang bernama Malaysia pemerintah Barisan Nasional yang memerintah selama 50 tahun Nasional yang sebelum ini menjadi Perikatan berniat untuk mengawal akal budi rupa manusia yang di Malaysia. Rupanya itu adalah angan-angan kerana walaupun berbagai-bagi bentuk yang telah digunakan undang-undang ISA yang telah bertahan lama yang telah menahan ribuan manusia termasuk beberapa Ahli Dewan kita pada hari ini telah menyemarakkan lagi semangat kebebasan dalam diri dan juga sanubari manusia. Manusia itu mahunya kebebasan. Bila dibelenggu resah keras makhluk yang bernama manusia ini bila ia bungkam, bila ia teriak mengganas bila ia di penjara yang dicipta hanyalah kebebasan. Kita tidak mahu di penjara dan sudah tentu kita tidak mahu sunyi ketika siang apatah lagi merasa malam memanjang tidak punya habis.

Akta Keselamatan Negeri atau yang dikenali ISA ini merupakan undang-undang warisan dari kolonial yang bertujuan untuk membanteras gerakan komunis. Kemudiannya pada tahun 1960 kerajaan Malaysia di bawah naungan Perikatan yang kemudiannya menjadi Barisan Nasional mengambil bentuk dari Ordinan Darurat 1948 untuk dijelmakan yang tidak pernah gagal meragut kebebasan sekian ramai rakyat di negara kita. Sesungguhnya Akta zalim ini adalah musuh nombor wahid kita di Malaysia kerana ia telah menyentap dan merampas kebebasan yang menjadi hak yang utama kepada setiap kehidupan manusia.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian, saya yakin untuk mengatakan ISA adalah musuh kepada setiap rakyat negara ini. Saya yakin kita ada *Karamah Insaniah*, saya yakin kerana setiap manusia itu ada fitrahnya yang mengangkat untuk memenuhi segala potensi kemanusiaan menjadi manusia yang bertindak adil dan saksama bukankah dalam Al Quran yang mulia menegaskan peranan kita sebagai *Khalifatullahu fil ard* sebagai wakil Tuhan bila sahaja kita menyebut sebagai wakil Tuhan bukannlah ia bermaksud berjalan di muka bumi dengan kesombongan dan keangkuhan akan tetapi sebagai wakil yang sedar dengan rendah diri kemampuannya apatah lagi dengan fitrahnya. Apa yang saya bawakan ini bukan sahaja terkandung dalam agama Islam dalam sejarah perkembangan ilmu Barat yang diungkap oleh *Filasuf* ataupun ahli falsafah zaman ‘Renaissance Karamah Insaniah’ dikenal dengan pada kurun 15 di ‘Kota Florence’ dengan izin Tuan Speaker sebagai “*Dignity of Man*”. Marilah kita mengimbau ke belakang pada 500 tahun yang lampau merenung kembali orasi yang terkenal yang disampaikan oleh ‘*Geovani Pico Mirandola*’. Jika apa yang dikenal sebagai manifesto zaman ‘renaissance’ itu maka orasi inilah manifesto tersebut. *Pico* dalam orasi tersebut dalam ayatnya pertama “Aku terbaca dan aku pernah terbaca bahawa Abdullah si Muslim bila ditanya apakah selayaknya untuk dikagumi dan ditakjubi di atas pentas semesta ini” dia pun menjawab, “Tiada yang lain dan layak ditakjubi selain daripada manusia”. Abdullah si Muslim ini dikagumi atau dipercayai adalah seorang pemikir Islam yang bernama Ibnu Khutaibah yang terfikir daripada sepotong ayat Quran *Lqad hallaq nalinsanna fi ahsani taqwim taqwim* “telah ku jadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian”. Kita lihat betapa ribuan tahun yang lampau Islam sudah menegaskan peranannya dan status manusia yang bebas kerana itu adalah fitrahnya dengan tidak menidakkannya fitrah itu maka kita kembali meletakkan manusia itu di tempat yang selayaknya. Pengertian fitrah yang saya rasa sangat baik untuk kita renungkan yang saya kutip juga dari orasi tersebut

dengan izin ‘to you is granted the power of degrading yourself into the lower form of Live the beast and to you is granted the power contain in your intellect and judgement to be rebound into the higher form the divine’ . Dua tradisi yang menjadi pelantar kepada tamadun dunia pelantar kepada tamadun Eropah dan Islam mengaku akan tempat manusia dan fitrahnya dan kita di Malaysia, di Selangor sudah tentu maksud saya yang di sebelah pemerintahan Barisan Nasional cuba untuk menidakkannya betapa lucunya kenyataan itu dan hari ini mereka tidak pernah hadir dalam Dewan untuk berbincang hal ini.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian perdebatan ini bukan satu perdebatan yang membazir dan perdebatan ini bukan satu perdebatan yang sia-sia kerana kita membincangkan asas yang menjadi konsep pentadbiran kerajaan negeri kita bukan sahaja membincangkan aspek kebijakan kepada rakyat kita menetapkan aspek kebebasan dan malam ini kita dengan penuh tegas menolak satu undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana ia ternyata telah melanggari hak kebebasan telah menyalahi konsep kebebasan yang sepatutnya menjadi asas dalam demokrasi, sia-sia lah kita meratap dan meratip beberapa kali bahawa kita adalah sebuah negara ataupun sebuah negeri yang dipilih secara demokrasi tetapi kita menolak aspek kebebasan dalam undang-undang yang ada dalam negara kita. Kegagalan pihak Barisan Nasional untuk membuat pertimbangan akan peri pentingnya manusia dan kebebasan sebagai fitrah membuat mereka tenggelam dengan kerakusan kuasa diberi kesempatan yang lama untuk memerintah kita melihat kerajaan Barisan Nasional menggunakan segalanya apa sahaja yang ada untuk memanjangkan tangan mereka ke dalam ruang yang tidak sepatutnya. Kerajaan ini gagal untuk menunjukkan kekuatan moral yang tinggi, ia tidak mampu bergantung kepada kelebihan dan keutamaan kebaikan kerana ia tidak mendakap seperti yang ditegaskan oleh ‘Confucius’ dalam ‘Lun Yu’ dalam Bab 2 ayat 1 memerintah dengan kebaikan, umpama bintang utara bersemayam di tempatnya di mana segala bintang mengelilingi dengan penuh takzim.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan tangan-tangan kerajaan yang paling ampuh sudah tentu undang-undang dan seperti yang kita tahu tangan yang paling zalim dan kejam ialah penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), yang membolehkan seseorang itu di tahan tanpa bicara, sudah tentu ruang yang dimaksudkan saya tadi menjadi subjek bagi tangan-tangan kotor kerajaan itu adalah ruang kebebasan setiap rakyat negara ini. Ruang untuk berbicara untuk beraspirasi dan ruang kepada kehidupan yang mana telah dinafikan oleh kerajaan pusat ke atas rakan kita Ahli daripada Kota Alam Shah. Sesungguhnya manusia itu dilahirkan bebas dan sesungguhnya saya percaya setiap manusia itu hasil ciptaan Tuhan kerana kita hanya tertakluk kepada Tuhan yang Mulia, oleh itu kita bebas dari sesama kita sendiri kerana di antara saya dan saudara dan di antara saya dengan Menteri Dalam Negeri dan di antara saya dan Menteri Besar dan Tuan Speaker, kita semua sama dan setara. Makanya kebebasan datang bersama dengan lahirnya kita di dunia. Kebebasan menjamin kita agar tidak dizalimi atau tidak menzalimi diri kita sendiri sebagaimana yang dimaksudkan oleh Al-Quran “Zulm An Nafs” ingatlah ayat Al-Quran yang berbunyi “Kami tidak membuat zalim kepada mereka dengan memusnahkan mereka tetapi sebaliknya mereka menzalimi diri mereka” seperti maksud ayat 231 surah Al Baqarah dan surah At-Talaq ayat 1. Apakah sebenarnya peranan sebuah kerajaan, bagi saya dan ramai rakan-rakan yang bersetuju sesungguhnya peranan kerajaan yang paling utama adalah untuk melindungi nyawa, kebebasan dan harta benda setiap rakyat. Penggunaan ISA jelas umpama satu virus yang memakan tiang seri perjalanan asas sebuah perjalanan yang saksama dan adil, ia menyebabkan sebuah kerajaan mereput lalu luluh dalam labiran kezaliman. Izinkan

saya memberi contoh sejarah membuat pengajaran kita semua bagaimana sebuah kerajaan penindas di Eropah rebah dengan kebangkitan rakyat yang dikenal sebagai ‘Glorious Revolution pada abad ke lapan belas. Kebangkitan dan korban minimal ke timbang satu revolusi Perancis yang sangat bermakna untuk kita renungi. Kita harus bertanya apakah sebenarnya yang mendasari kebangkitan ini di Britain pada abad ke tujuh belas, sedar faham rendah diri dan juga berani menyampaikan makna kebebasan kepada semua rakyat Britain adalah ciri utama kebangkitan tersebut “John Locke” dalam istilah dan risalahnya yang berjudul “Two treatises of Government” berjaya membuka mata masyarakat satu persoalan apakah sebenarnya peranan sebuah kerajaan, dia menunjukkan betapa kebebasan adalah milik semua dan peranan kerajaan adalah untuk melindungi.

Tuan Speaker, tidak ada kebebasan tanpa kedaulatan undang-undang dan nampaknya negara kita kedua-duanya sudah tidak ada, kedua-duanya harus berjalan seiring dan tidak terpisah. Kita sering keliru akan makna sebenar kedaulatan undang-undang kita harus menggenggam erat maksud daripada maksim Latin ini “*Lex in Justa Non Est Lex*” Undang-Undang yang tidak adil, makanya ia bukan undang-undang makanya kita semua Ahli Dewan yang mulia hari ini wajib bertanya pada diri kita sendiri apakah undang-undang yang bernama ISA ataupun Akta Keselamatan Dalam Negeri ini sebagai undang-undang yang adil ataupun tidak. Ramai rakan saya di seberang sana pernah terikut-ikut, tak ada, yang kat luar dewan, meriakkkan konspirasi nilai Asia untuk menjustifikasi ISA ini. Asia yang telah dicanang oleh Tun Dr. Mahathir satu ketika dulu termasuk sahabatnya Lee Kuan Yu di Singapura telah menyatakan bahawa pengabsahan, penjustifikasi terhadap undang-undang ISA ini adalah kerana ia bertepatan dengan ciri-ciri Asia. Ia adalah satu kebebasan ataupun demokrasi ini adalah satu corak barat yang tidak sesuai dengan negeri kita ataupun dengan urusan kita. Bila sahaja kita menekankan peri hal keutamaan kebebasan maka akan ada orang bingkas bangun dan melenting betapa saya kononnya ‘pro’ barat, apa yang ‘pro’ baratnya jika saya ingin pertahankan ialah tahanan tanpa bicara, tidak ada orang yang bersalah hingga ia dibuktikan bersalah dari sebuah Institusi Kehakiman yang bebas dan berani lagi amanah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Speaker, rakan-rakan sidang pemerhati yang saya kasih sekalian, sedangkan sebenarnya ialah usaha pemerintahan BN untuk mengaburi rakyat akan tindakan mereka untuk terus berkuasa dan menidakkannya suara-suara berani yang mencabar mereka, mereka berselindung di sebalik slogan anti barat untuk memainkan sentimen nasionalisme yang sempit agar terus rakyat menyokong mereka. Mereka ingat rakyat mudah dipermainkan, tidak mudah. Akhirnya tsunami politik 8 Mac lalu telah menghukum mereka. Sidang Dewan yang mulia, rakyat jelak melihat suasana ke tidak setujuan diperlekehkan, rakyat jelak melihat Institusi Kehakiman dimanipulasi dan rakyat jelak melihat ke tidak adilan di mana-mana. Penangkapan rakan kita dari Kota Alam Shah, dengan menggunakan ISA jelas mengesahkan pendapat ini, jika benar ada bukti yang mencukupi dakwa dia di mahkamah, pasti hakim yang mengadili adalah benar-benar bebas, hentikan tahanan tanpa bicara ini. Apa semua ini sangat asing dari tradisi kita. Adakah tradisi ketimuran dan Islam tidak mempedulikan semua ini, kepada mereka yang sering menyebut-nyebut bahawa ISA ini harus dipertahankan kerana nilai ASIA nya. Adakah nilai Asia dan nilai Timur ingin mempertahankan ke tidak moralan. Adakah nilai Asia dan nilai Timur ini ingin mempertahankan ke tidak adilan. Adakah nilai Islam yang kononnya menjadi pelandas kepada kedirian negara dan negeri ini memberi dan membenarkan seorang tahanan itu dibiarkan terhumban dan tertiarap di dalam penjara tanpa dibicarakan dan tanpa dibuktikan, apakah kesalahannya.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang saya kasih sekalian dalam sejarah ASIA juga kalau kita membaca kisah MAHABRATA, bagaimana perperangan di antara Kurawa dan Pandawa, dalam perperangan itu berhasil kerana wujudnya sangkaan dan salah keadilan yang wujud apabila pasukan Kurawa telah menggunakan Sangkuni dan penipu kira-kira undi yang digunakan pada perkiraan atau perperangan sebelum itu dan akhirnya ini membuktikan bahawa dalam sejarah ASIA, dalam sejarah tradisi MAHABRATA baik dalam sejarah *Confucius* yang saya sebutkan tadi, baik dalam sejarah Islam yang telah berkembang dari satu struktur pemerintahan struktur pemikiran moden di dunia Eropah ia mempunyai asas dan cukup tegas bahawa kebebasan ini yang telah dinafikan dalam ISA adalah tidak dibenarkan, adalah satu yang tidak bermoral adalah satu yang harus ditentang adalah sesuatu yang harus tidak boleh dimaafkan oleh semua manusia yang mengaku dirinya masih sihat dan waras.

Tuan Speaker, ISA memberikan kuasa kepada individu bernama Menteri untuk mencabut kebebasan seseorang dan tempoh pencabulan kebebasan ini boleh dipanjang-panjangkan pula tanpa perlu melalui proses pendakwaan pengadilan di mahkamah bagi mereka yang mempercayai Al-Quran menyebut "*Jika kamu mengadili maka hakimilah dengan adil*". Dalam Islam sendiri pengadilan itu suatu yang penting dalam pelaksanaan hukuman.

Seluruh Ahli Dewan, Tuan Speaker, rakan-rakan yang saya kasih sekalian, setelah membahaskan dan menerangkan beberapa asas tentang kebebasan yang menjadi asas kepada perlawanan Akta dan undang-undang yang bernama ISA ini. Malam ini kita mencipta sejarah sebagai sebuah negeri pertama yang dengan tegas dan kukuh menolak undang-undang yang ganas kerana kita percaya negeri ini harus dibangunkan dengan asas yang bernama kebebasan. Negeri ini boleh dinamakan sebagai 'Negeri Maju' jika kita percaya maju dan juga kebebasan juga menjadi asas kepada asas aspek kemajuan. Kita bimbang kita maju umpama burung di dalam sangkar emas, bukannya sangkar emas, sangkar rotan yang berbalut emas. Sekian, saya memohon menyokong.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu USUL yang berbunyi "Bahawa Dewan ini menetap untuk mengkritik penahanan Yang Berhormat Tuan M Manoharan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kota Alam Shah serta pimpinan-pimpinan Hindraf dan aktivis-aktivis sosial yang lain tanpa perbicaraan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan menyeru Kementerian Dalam Negeri membebaskan tahanan-tahanan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, silakan 'Tidak'. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan mesyuarat seterusnya USUL untuk menangguhkan Dewan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, nampaknya persidangan kita telah pun tamat dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan ketika satu masa yang tetap kelak. Sebelum saya minta penyokong saya ingin hari ini mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker, kerana dapat menjalankan tugas dengan cemerlang dan kepada rakan-rakan semua yang saya merasa megah bersama-sama saudara dalam dewan yang mulia ini. Kita sudah mencipta satu tradisi ilmuan, kita juga telah mencipta satu tradisi jadi diri yang kita merasakan pembangunan dengan tiadanya kekuatan diri tidak mempunyai makna.

Kita juga mencipta bahawa satu hari nanti anak-anak kita, cucu-cucu kita dan generasi kita yang akan datang merasakan bahawa Selangor ini wujud bukan hanya sebagai satu negeri biasa tetapi satu negeri yang penuh bermakna kepada semua masyarakatnya. Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah SWT, kepada Ilahi bahawa usaha-usaha yang kita lakukan ini memberi makna kepada kita semua dan kita diberkati Allah. Saya buka untuk sokongan.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pada kebiasaan Dewan ini bersidang empat setengah jam setiap hari tetapi dalam Sidang Dewan penggal ini dengan menjimatkan satu setengah jam untuk berehat pada waktu pagi, tambahan satu jam lanjutan pada hari Jumaat yang lalu dan tambahan tiga jam lanjutan pada hari ini. Dewan ini sebenarnya bersidang melebihi lima setengah jam iaitu melebihi satu hari sidang. Nampaknya Dewan ini telah pun melaksanakan konsep lima hari bekerja tujuh hari berkhidmat (ketawa) dengan tiga hari sidang tetapi empat hari bermesyuarat. Tahniah dan syabas. Sebelum saya menangguhkan persidangan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ADUN, Ketua-Ketua Jabatan yang telah memberikan kerjasama untuk melicinkan perjalanan persidangan Dewan pada kali ini. Terima kasih juga kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan serta kakitangan Dewan termasuk Pelapor-Pelapor yang telah bekerja siang dan malam untuk menyediakan penyata rasmi sepanjang mesyuarat ini. Oleh itu, saya berharap semua Yang Berhormat dapat menyemak kembali draf penyata yang akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan dengan kadar segera agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini sehingga ke satu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 9.00 malam**